JUZU' KE-17
SURAH
AL-ANBIYA'

SURAH KE

21

# سُورَةُ الأَنبِيَاءِ

# SURAH AL-ANBIA'

Surah Para Nabi

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

112

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 35)

اقْتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمْ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ مُّعْرِضُونَ (١)

مَا يَأْتِيهِم مِّن ذِكْرٍ مِّن رَّبِّهِم مُّحْدَثٍ إِلَّا اسْتَمَعُوهُ وَهُمْ يَلْعَبُونَ (٢)

لَاهِيَةً قُلُوبُهُمْ ۗ وَأَسَرُّوا النَّجْوَى الَّذِينَ ظَلَمُوا هَلْ هَٰذَا إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ ۖ أَفَتَأْتُونَ السِّحْرَ وَأَنتُمْ تُبْصِرُونَ (٣)

قَالَ رَبِّي يَعْلَمُ الْقَوْلَ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ ۖ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ (٤)

بَلْ قَالُوا أَضْغَاثُ أَحْلَامٍ بَلِ افْتَرَاهُ بَلْ هُوَ شَاعِرٌ فَلْيَأْتِنَا بِآيَةٍ كَمَا أُرْسِلَ الْأَوَّلُونَ (٥)

مَا آمَنَتْ قَبْلَهُم مِّن قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا ۖ أَفَهُمْ يُؤْمِنُونَ (٦)

وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُّوحِي إِلَيْهِمْ ۖ فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِن كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ (٧)

وَمَا جَعَلْنَاهُمْ جَسَدًا لَّا يَأْكُلُونَ الطَّعَامَ وَمَا كَانُوا خَالِدِينَ (٨)

ثُمَّ صَدَقْنَاهُمُ الْوَعْدَ فَأَنجَيْنَاهُمْ وَمَن نَّشَاءُ وَأَهْلَكْنَا الْمُسْرِفِينَ (٩)

لَقَدْ أَنزَلْنَا إِلَيْكُمْ كِتَابًا فِيهِ ذِكْرُكُمْ ۖ أَفَلَا تَعْقِلُونَ (١٠)

وَكَمْ قَصَمْنَا مِن قَرْيَةٍ كَانَتْ ظَالِمَةً وَأَنشَأْنَا بَعْدَهَا قَوْمًا آخَرِينَ (١١)

فَلَمَّا أَحَسُّوا بَأْسَنَا إِذَا هُم مِّنْهَا يَرْكُضُونَ (١٢)

لَا تَرْكُضُوا وَارْجِعُوا إِلَىٰ مَا أُتْرِفْتُمْ فِيهِ وَمَسَاكِنِكُمْ لَعَلَّكُمْ تُسْأَلُونَ (١٣)

قَالُوا يَا وَيْلَنَا إِنَّا كُنَّا ظَالِمِينَ (١٤)

فَمَا زَالَت تِّلْكَ دَعْوَاهُمْ حَتَّىٰ جَعَلْنَاهُمْ حَصِيدًا خَامِدِينَ (١٥)

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَاعِبِينَ (١٦)

لَوْ أَرَدْنَا أَن نَّتَّخِذَ لَهْوًا لَّاتَّخَذْنَاهُ مِن لَّدُنَّا إِن كُنَّا فَاعِلِينَ (١٧)

بَلْ نَقْذِفُ بِالْحَقِّ عَلَى الْبَاطِلِ فَيَدْمَغُهُ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ ۚ وَلَكُمُ الْوَيْلُ مِمَّا تَصِفُونَ (١٨)

وَلَهُ مَن فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ وَمَنْ عِندَهُ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِ وَلَا يَسْتَحْسِرُونَ (١٩)

يُسَبِّحُونَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لَا يَفْتُرُونَ (٢٠)

أَمِ اتَّخَذُوا آلِهَةً مِّنَ الْأَرْضِ هُمْ يُنشِرُونَ (٢١)

لَوْ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَا ۚ فَسُبْحَٰنَ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٢٢﴾

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

أَمِ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً ۖ قُلْ هَاتُوا۟ بُرْهَٰنَكُمْ ۖ هَٰذَا ذِكْرُ مَن مَّعِىَ وَذِكْرُ مَن قَبْلِى ۗ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ٱلْحَقَّ ۖ فَهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٢٤﴾

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِىٓ إِلَيْهِ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعْبُدُونِ ﴿٢٥﴾

وَقَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱلرَّحْمَٰنُ وَلَدًا ۗ سُبْحَٰنَهُۥ ۚ بَلْ عِبَادٌ مُّكْرَمُونَ ﴿٢٦﴾

لَا يَسْبِقُونَهُۥ بِٱلْقَوْلِ وَهُم بِأَمْرِهِۦ يَعْمَلُونَ ﴿٢٧﴾

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يَشْفَعُونَ إِلَّا لِمَنِ ٱرْتَضَىٰ وَهُم مِّنْ خَشْيَتِهِۦ مُشْفِقُونَ ﴿٢٨﴾

وَمَن يَقُلْ مِنْهُمْ إِنِّىٓ إِلَٰهٌ مِّن دُونِهِۦ فَذَٰلِكَ نَجْزِيهِ جَهَنَّمَ ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٩﴾

أَوَلَمْ يَرَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَنَّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَٰهُمَا ۖ وَجَعَلْنَا مِنَ ٱلْمَآءِ كُلَّ شَىْءٍ حَىٍّ ۖ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

وَجَعَلْنَا فِى ٱلْأَرْضِ رَوَٰسِىَ أَن تَمِيدَ بِهِمْ وَجَعَلْنَا فِيهَا فِجَاجًا سُبُلًا لَّعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ﴿٣١﴾

وَجَعَلْنَا ٱلسَّمَآءَ سَقْفًا مَّحْفُوظًا ۖ وَهُمْ عَنْ ءَايَٰتِهَا مُعْرِضُونَ ﴿٣٢﴾

وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ ۖ كُلٌّ فِى فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٣٣﴾

وَمَا جَعَلْنَا لِبَشَرٍ مِّن قَبْلِكَ ٱلْخُلْدَ ۖ أَفَإِي۟ن مِّتَّ فَهُمُ ٱلْخَٰلِدُونَ ﴿٣٤﴾

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ وَنَبْلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلْخَيْرِ فِتْنَةً ۖ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

*"Masa hisab amalan telah dekat kepada manusia, sedangkan mereka masih berada di dalam kelalaian dan berpaling dari (hidayat)(1). Tiada satu ayat dari Al-Qur'an yang datang kepada mereka, yang baru diturunkan dari Tuhan mereka melainkan mereka mendengarnya sambil bermain-main(2). Hati mereka lalai, dan mereka yang zalim itu telah merahsiakan pembicaraan mereka: Orang ini (Muhammad) tidak lain melainkan seorang manusia biasa seperti kamu sahaja. Apakah kamu wajar datang mengikut sihir (yang dibawanya) sedangkan kamu sendiri melihat dengan mata kamu?(3). Dia berkata: Tuhanku mengetahui segala perkataan di langit dan di bumi, dan Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(4). Malah mereka berkata: (Al-Qur'an itu) adalah impian-impian karut (Muhammad), malah dialah yang mengada-adakannya, malah dia sendiri seorang penyair. Oleh itu hendaklah dia membawa kepada kami sesuatu mu'jizat seperti mu'jizat-mu'jizat rasul-rasul yang terdahulu yang diutuskan Allah(5). Tiada penduduk sebuah negeri pun yang Kami binasakan sebelum mereka telah beriman (kepada mu'jizat) apakah benar mereka mahu beriman (kepada mu'jizat itu)?(6) Dan Kami tidak utuskan rasul-rasul sebelum kamu melainkan kaum lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu tanyakanlah (perkara ini) kepada Ahlil-Kitab jika kamu tidak mengetahui(7). Dan Kami tidak jadikan mereka (para rasul) tubuh badan yang tidak makan minum dan mereka juga tidak hidup kekal (di dunia)(8). Kemudian Kami tepati janji Kami kepada mereka (para rasul) lalu Kami selamatkan mereka dan orang-orang yang Kami kehendaki (dari pengikut-pengikut mereka) dan Kami binasakan golongan pelampau(9). Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu sebuah kitab (Al-Qur'an) yang mengandungi (pengajaran-pengajaran) yang membawa nama yang baik kepada kamu. Apakah tidak kamu berfikir?(10). Dan berapa banyak penduduk negeri yang zalim yang telah Kami leburkan mereka dan Kami mewujudkan selepas mereka kaum yang lain (sebagai ganti)(11). Dan apabila mereka merasai 'azab Kami tiba-tiba mereka tergesa-gesa melarikan diri dari negeri itu(12). (Lalu dikatakan kepada mereka) janganlah kamu tergesa-gesa melarikan diri dan kembalilah semula kepada kemewahan hidup yang dikurniakan kepada kamu dan kepada tempat-tempat kediaman kamu supaya kamu ditanya (mengenainya)(13). Jawab mereka: Celakalah kami! Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang melakukan kezaliman(14). Demikianlah mereka terus mengeluh sehingga Kami binasakan mereka laksana tanaman yang dituai yang mati sunyi sepi(15). Dan Kami tidak ciptakan langit, bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya dengan tujuan bermain-main sahaja(16). Sekiranya Kami hendak mengambil sesuatu permainan tentulah Kami mengambilnya dari sisi Kami sendiri (tetapi) Kami tidak sekali-kali melakukannya(17). Malah Kami lontarkan kebenaran itu di atas kebatilan lalu ia menghancurkannya dan ia terus terhapus, dan kamu akan memperolehi kecelakaan kerana perbuatan kamu menyifatkan Allah dengan sifat-sifat yang tidak wajar(18). Dan Dia memiliki*

*sekalian penghuni langit dan bumi. Dan makhluk (malaikat) yang berada di sisi-Nya tidak pernah merasa sombong untuk beribadat kepada-Nya dan tidak pernah merasa lemah(19). Mereka beribadat malam dan siang tanpa berhenti-henti(20). Apakah mereka memilih tuhan-tuhan dari bumi yang dapat menghidupkan orang-orang yang mati?(21) Andainya di langit dan di bumi itu ada tuhan-tuhan selain Allah nescaya kedua-duanya akan musnah binasa, maka Maha Sucilah Allah yang mempunyai 'Arasy dari sifat-sifat yang tidak wajar yang disifatkan mereka(22). Dia tidak ditanya segala apa yang dilakukan-Nya tetapi mereka akan ditanya (segala apa yang dilakukan mereka)(23). Apakah mereka memilih tuhan-tuhan selain Allah? Katakanlah: Bawakanlah dalil-dalil kamu. Kitab Al-Qur'an ini menyebut cerita orang-orang yang semasa denganku di samping menyebut cerita para rasul sebelumku, malah kebanyakan mereka tidak mengetahui 'aqidah yang benar, maka kerana itu mereka berpaling dari-Nya(24). Dan tiada seorang rasul pun yang Kami utuskan sebelummu melainkan Kami wahyukan kepadanya bahawa sesungguhnya tiada tuhan selain Aku sahaja. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepada-Ku(25). Dan mereka berkata: Allah Maha Penyayang itu mempunyai anak. Maha Sucilah Allah, malah mereka (malaikat-malaikat yang dikatakan anak-anak Allah itu) adalah para hamba-Nya yang dimuliakan(26). Mereka tidak mendahului-Nya dengan mengemukakan cadangan dan mereka menjunjung segala perintah-Nya(27). Allah mengetahui segala apa yang ada di hadapan mereka dan segala apa yang ada di belakang mereka dan mereka tidak memberi syafa'at melainkan kepada orang yang diredhai-Nya dan mereka sentiasa berwaspada kerana takut kepada-Nya(28). Dan barang siapa di antara mereka yang berkata: Akulah tuhan selain Allah, maka Kami akan balaskannya dengan Neraka Jahannam. Demikianlah Kami membalas golongan yang zalim(29). Apakah orang-orang kafir itu tidak mengetahui bahawa langit dan bumi itu pada asalnya merupakan satu benda yang padu lalu Kami pisahkan di antara keduanya, dan Kami jadikan dari air segala makhluk yang hidup. Mengapakah mereka tidak beriman? (30) Dan Kami telah ciptakan di bumi gunung-ganang yang teguh supaya ia tidak menggoncangkan mereka dan Kami jadikan padanya lorong-lorong sebagai jalan-jalan laluan supaya mereka dapat berjalan dengan betul(31). Dan Kami telah ciptakan langit sebagai bumbung yang terpelihara, sedangkan mereka berpaling dari bukti-bukti (kekuasaan Kami)(32). Dan Dialah yang telah menciptakan malam dan siang, matahari dan bulan dan semuanya terapung-apung di tempat peredaran masing-masing(33). Dan Kami tidak pernah jadikan seorang manusia pun sebelummu, yang hidup kekal (di dunia), maka apakah jika engkau mati (wahai Muhammad) mereka akan hidup kekal?(34) Setiap yang bernyawa akan merasai mati, dan Kami akan menduga kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai suatu ujian, dan kepada Kami seluruh kamu akan dikembalikan."(35)*

**(Latar belakang dan pokok pembicaraan)**

Surah ini ialah Surah Makkiyah yang memperkatakan maudhu' utama yang selalu diperkatakan oleh surah-surah Makkiyah yang lain, iaitu maudhu' 'aqidah. Ia memperkatakannya di dalam bidang-bidangnya yang sebenar, iaitu di bidang-bidang tauhid, kerasulan dan kebangkitan selepas mati.

Ayat-ayat surah ini memperkatakan maudhu' itu dengan membentangkan undang-undang am alam buana dan menghubungkan 'aqidah dengan undang-undang itu, kerana 'aqidah merupakan sebahagian dari binaan alam buana yang berjalan mengikut undang-undang amnya. 'Aqidah itu ditegakkan di atas lunas kebenaran yang menjadi landasan ciptaan langit dan bumi. Ia ditegakkan di atas kesungguhan, yang dengannya juga ditadbirkan langit dan bumi. Ia bukannya main-mainan dan bukan pula kebatilan yang sia-sia. Ia persis seperti alam buana tidak diciptakan untuk mainan dan tidak pula dicampuradukkan dengan kebatilan:

وَمَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَآءَ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَٰعِبِينَ ﴿١٦﴾

*"Dan Kami tidak ciptakan langit, bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya dengan tujuan bermain-main sahaja."(16)*

***Persamaan Undang-undang Alam Buana Membuktikan Keesaan Tuhan Pencipta***

Oleh sebab itu Allah membawa manusia menjelajah dengan hati, mata dan fikiran mereka di dua ruang alam buana yang besar, iaitu langit dan bumi, gunung-ganang yang teguh, lorong-lorong dan jalan-jalan yang luas, hari malam dan hari siang, matahari dan bulan sambil menarik pandangan mereka supaya memerhatikan persamaan atau kesatuan undang-undang yang mengendali dan mentadbirkan alam buana ini dan kepada makna persamaan undang-undang itu yang menunjukkan kepada keesaan Tuhan Pencipta yang mentadbir dan keesaan Tuhan Pemilik yang tidak mempunyai sebarang sekutu dalam kerajaan langit dan bumi dan dalam urusan penciptaan alam.

لَوْ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَا

*"Andainya di langit dan di bumi itu ada tuhan-tuhan selain Allah nescaya kedua-duanya akan musnah binasa"(22)*

Kemudian Allah menarik akal fikiran mereka supaya memerhatikan persamaan undang-undang yang mengendalikan hayat di muka bumi ini dan memerhatikan persamaan sumber hayat:

وَجَعَلْنَا مِنَ ٱلْمَآءِ كُلَّ شَىْءٍ حَىٍّ

*"Dan Kami jadikan dari air segala makhluk yang hidup"(30)*

juga memerhatikan persamaan kesudahan setiap yang hidup:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ

*"Setiap yang bernyawa akan merasai mati"(35)*

juga memerhatikan persamaan tempat kembali seluruh manusia:

*"Dan kepada Kami seluruh kamu akan dikembalikan"(35)*

Aqidah mempunyai hubungan yang amat kukuh dengan undang-undang am alam buana. Aqidah itu juga hanya satu sahaja walaupun banyak para rasul yang membawanya di sepanjang zaman:

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِىٓ إِلَيْهِ

أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعْبُدُونِ ﴿٢٥﴾

*"Dan tiada seorang rasul pun yang Kami utuskan sebelummu melainkan Kami wahyukan kepadanya bahawa sesungguhnya tiada tuhan selain Aku sahaja. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepada-Ku."(25)*

Kehendak Allah telah menentukan bahawa seluruh Rasul itu adalah dari jenis manusia belaka:

وَمَآ أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُّوحِىٓ إِلَيْهِمْ

*"Dan Kami tidak utuskan rasul-rasul sebelum kamu melainkan kaum lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka."(7)*

Sebagaimana 'aqidah mempunyai pertalian yang amat kukuh dengan undang-undang am alam buana, maka begitulah juga hubungan-hubungan 'aqidah ini di bumi. Undang-undang tidak pernah mungkir bahawa kebenaran itu akan menang pada akhirnya dan kebatilan itu akan lenyap, kerana kebenaran atau al-Haq itu merupakan asas alam buana. Ia tetap akan menang mengikut undang-undang Ilahi:

بَلْ نَقْذِفُ بِٱلْحَقِّ عَلَى ٱلْبَٰطِلِ فَيَدْمَغُهُۥ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ

*"Malah Kami lontarkan kebenaran itu di atas kebatilan lalu ia menghancurkannya."(18)*

Begitu juga kebinasaan itu tetap, akan menimpa orang-orang yang zalim dan mendustakan Rasul, dan Allah tetap menyelamatkan para rasul dan para Mu'minin:

ثُمَّ صَدَقْنَٰهُمُ ٱلْوَعْدَ فَأَنجَيْنَٰهُمْ وَمَن نَّشَآءُ وَأَهْلَكْنَا ٱلْمُسْرِفِينَ ﴿٩﴾

*"Kemudian Kami tepati janji Kami kepada mereka (para rasul) lalu Kami selamatkan mereka dan orang-orang yang Kami kehendaki (dari pengikut-pengikut mereka) dan Kami binasakan golongan pelampau."(9)*

Dan bumi ini tetap diwarisi oleh para hamba Allah yang soleh:

وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِى ٱلزَّبُورِ مِنۢ بَعْدِ ٱلذِّكْرِ أَنَّ ٱلْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِىَ ٱلصَّٰلِحُونَ ﴿١٠٥﴾

*"Dan sesungguhnya Kami telah catatkan di dalam kitab-kitab suci (yang diturunkan kepada manusia) setelah dicatatkan di dalam Luh Mahfuz bahawa bumi ini diwarisi hamba-hamba-Ku yang soleh."(105)*

Justeru itu Al-Qur'an menayangkan umat para rasul yang sama itu dalam satu rangkaian yang panjang secara sepintas lalu. Penayangan itu agak panjang sedikit ketika ia mengemukakan babak-babak kisah Ibrahim a.s., Daud dan Sulaiman a.s. dan agak pendek ketika ia menyebut kisah-kisah Nuh, Musa, Harun, Lut, Ismail, Idris, Zulkifli, Zun-Nun (Yunus), Zakaria, Yahya dan Isa a.s.

Dalam penayangan kisah-kisah ini didedahkan konsep-konsep yang telah diterangkan dalam ayat-ayat yang terdahulu, iaitu ia dedahkan dalam bentuk peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam hidup para rasul dan dalam perjalanan da'wah-da'wah setelah diterangkan dalam bentuk peraturan-peraturan am dan undang-undang.

Penerangan ayat-ayat surah ini juga mengandungi beberapa pemandangan Qiamat yang mendedahkan konsep-konsep itu sendiri dalam bentuk peristiwa yang berlaku pada hari Qiamat.

Demikianlah berbagai-bagai nada dalam surah ini digemblengkan untuk satu tujuan, iaitu untuk membangkitkan hati manusia supaya memahami kebenaran yang luhur yang terdapat dalam 'aqidah Islam yang dibawa oleh Muhammad Khatamur-Rusuli s.a.w. agar dengan itu ia tidak disambut mereka dengan hati yang lalai, sikap yang tidak mengendah dan cuai sebagaimana keadaan mereka digambarkan di permulaan surah:

ٱقْتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمْ وَهُمْ فِى غَفْلَةٍ مُّعْرِضُونَ ﴿١﴾

*"Masa hisab amalan telah dekat kepada manusia, sedangkan mereka masih berada di dalam kelalaian dan berpaling dari (hidayat)."(1)*

مَا يَأْتِيهِم مِّن ذِكْرٍ مِّن رَّبِّهِم مُّحْدَثٍ إِلَّا ٱسْتَمَعُوهُ وَهُمْ يَلْعَبُونَ ﴿٢﴾

*"Tiada satu ayat dari Al-Qur'an yang datang kepada mereka, yang baru diturunkan dari Tuhan mereka melainkan mereka mendengarnya sambil bermain-main."(2)*

لَاهِيَةً قُلُوبُهُمْ

*"Hati mereka lalai."(3)*

Agama ini merupakan suatu yang benar dan serius sebagaimana alam buana juga merupakan suatu yang benar dan serius. Justeru itu tiada ruang untuk bermain-main dalam menerima agama ini dan tiada ruang untuk menuntut bukti-bukti mu'jizat, kerana bukti-bukti kekuasaan Allah yang terbentang di alam buana dan di seluruh peraturannya semuanya menyarankan bahawa Allah Pencipta Yang Maha Kuasa dan Maha Esa dan bahawa agama ini adalah diturunkan dari Allah Pencipta Yang Maha Kuasa dan Maha Esa.

* * * * * *

Susunan kata dalam surah ini dari segi struktur lafaznya dan bunyi iramanya ialah susunan kata pernyataan yang selaras dengan maudhu'nya dan selaras dengan suasana penerangan surah yang mengemukakan maudhu' ini. Ini dapat dilihat dengan jelas apabila dibandingkan, misalnya dengan susunan kata Surah Maryam dan Taha di mana terdapat nada

yang lembut yang sesuai dengan suasana kedua-duanya, sedangkan di sini terdapat nada yang mantap yang sesuai dengan suasana surah dan maudhu'nya.

Ini bertambah jelas lagi apabila dibandingkan susunan kata kisah Ibrahim a.s. di dalam Surah Maryam dengan susunan kata kisah Ibrahim dalam surah ini. Begitu juga perbezaan ini jelas apabila diperhatikan tentang babak kisah itu yang dibentangkan di sini dengan, babaknya yang dibentangkan di sana. Di dalam Surah Maryam babak yang dibentangkan di sana ialah babak dialog yang lembut di antara Ibrahim dengan bapanya, sedangkan di dalam surah ini dibentangkan babak Ibrahim memecahkan berhala-berhala dan babak beliau dilontarkan ke dalam api. Semuanya ini untuk mewujudkan keselarasan pada maudhu', suasana, susunan kata dan nada.

* * * * * *

Penerangan surah ini berlangsung dalam empat pusingan:

Pusingan pertama dimulakan dengan kata pendahuluan yang amat kuat pukulannya. Ia menggoncangkan hati manusia dan mengingatkan mereka kepada malapetaka besar yang mendekati dan mengepung mereka, sedangkan mereka lalai dan cuai terhadapnya:

اقْتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمْ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ مُّعْرِضُونَ ﴿١﴾

*"Masa hisab amalan telah dekat kepada manusia, sedangkan mereka masih berada di dalam kelalaian dan berpaling dari (hidayat)."(1)*

Kemudian Al-Qur'an menggoncangkan hati mereka sekali lagi dengan satu pemandangan yang menayangkan kebinasaan umat-umat yang silam, yang lalai dari pengajaran-pengajaran Allah dan hidup di dalam kesesatan dengan sikap mereka yang zalim:

وَكَمْ قَصَمْنَا مِن قَرْيَةٍ كَانَتْ ظَالِمَةً وَأَنشَأْنَا بَعْدَهَا قَوْمًا آخَرِينَ ﴿١١﴾
فَلَمَّا أَحَسُّوا بَأْسَنَا إِذَا هُم مِّنْهَا يَرْكُضُونَ ﴿١٢﴾
لَا تَرْكُضُوا وَارْجِعُوا إِلَىٰ مَا أُتْرِفْتُمْ فِيهِ وَمَسَاكِنِكُمْ لَعَلَّكُمْ تُسْأَلُونَ ﴿١٣﴾
قَالُوا يَا وَيْلَنَا إِنَّا كُنَّا ظَالِمِينَ ﴿١٤﴾
فَمَا زَالَت تِّلْكَ دَعْوَاهُمْ حَتَّىٰ جَعَلْنَاهُمْ حَصِيدًا خَامِدِينَ ﴿١٥﴾

*"Dan berapa banyak penduduk negeri yang zalim yang telah Kami leburkan mereka dan Kami mewujudkan selepas mereka kaum yang lain (sebagai ganti)(11) Dan apabila mereka merasai 'azab Kami tiba-tiba mereka tergesa-gesa melarikan diri dari negeri itu (12) (Lalu dikatakan kepada mereka) janganlah kamu tergesa-gesa melarikan diri dan kembalilah semula kepada kemewahan hidup yang dikurniakan kepada kamu dan kepada tempat-tempat kediaman kamu supaya kamu ditanya (mengenainya) (13) Jawab mereka: Celakalah kami! Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang melakukan kezaliman (14) Demikianlah mereka terus mengeluh sehingga Kami binasakan mereka laksana tanaman yang dituai yang mati sunyi sepi."(15)*

Kemudian ia menghubungkan di antara kebenaran dengan keseriusan dalam da'wah, di antara kebenaran dengan keseriusan dalam peraturan alam buana, di antara 'aqidah tauhid dengan undang-undang alam al-wujud, di antara persamaan Tuhan Pencipta dan Pentadbir alam buana dengan persamaan risalah dan 'aqidah dan di antara persamaan sumber hayat dengan persamaan penghabisan dan titik kembalinya manusia sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini.

Di dalam pusingan yang kedua pula Al-Qur'an kembali bercakap kepada orang-orang kafir yang menentang Rasulullah s.a.w. dengan ejekan dan sendaan, sedangkan persoalan itu adalah satu persoalan yang serius dan benar, dan segala kejadian di sekeliling mereka menyarankan supaya mereka sedar dan memberi perhatian yang berat. Mereka menggesa agar 'azab Allah disegerakan ke atas mereka, sedangkan 'azab itu amat hampir kepada mereka. Di sini ia menayangkan salah satu pemandangan Qiamat dan menarik perhatian mereka kepada 'azab keseksaan yang telah menimpa umat-umat yang telah mempermain-mainkan para rasul sebelum mereka dan menegaskan bahawa di sana tiada siapa pun yang dapat memberi perlindungan kepada mereka dari 'azab Allah. Ia memalingkan hati mereka supaya meneliti qudrat Allah yang mengurangkan sempadan-sempadan sesebuah negeri yang besar hingga menjadi negeri yang kecil agar kejadian ini dapat menyedarkan mereka dari kelalaian yang dialami mereka kerana terlalu lama hidup dalam kesenangan dan kemewahan.

Pusingan ini berakhir dengan satu arahan yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau menjelaskan tugasnya:

قُلْ إِنَّمَا أُنذِرُكُم بِالْوَحْيِ

*"Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya memberi peringatan kepada kamu dengan wahyu"(45)*

juga menjelaskan bahaya 'azab yang mengancam mereka yang sedang leka di dalam kelalaian itu:

وَلَا يَسْمَعُ الصُّمُّ الدُّعَاءَ إِذَا مَا يُنذَرُونَ ﴿٤٥﴾

*"Dan si pekak sememangnya tidak dapat mendengar seruan apabila mereka diberi amaran."(45)*

Sehingga neraca hisab yang adil itu ditegakkan, sedangkan mereka berada di dalam kelalaian.

Pusingan yang ketiga menayangkan kisah para Anbia', di mana dapat dilihat persamaan risalah dan 'aqidah, juga dapat dilihat rahmat Allah dan bimbingan-Nya terhadap para hamba-Nya yang soleh. Dan bagaimana para pendusta itu dibinasakan oleh-Nya.

Di dalam pusingan yang keempat pula, iaitu pusingan yang terakhir, surah ini menayang kesudahan hidup manusia dalam salah satu pemandangan Qiamat yang mengerikan, dan penghabisan surah ini sama dengan permulaannya iaitu kedua-duanya memberi pukulan yang kuat dan amaran yang terus terang dan menyerahkan mereka kepada nasib kesudahan mereka yang buruk yang pasti menimpa mereka.

* * * * * *

Sekarang marilah kita kajikan pusingan pertama dengan terperinci:

**(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 9)**

اقْتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمْ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ مُّعْرِضُونَ ﴿١﴾

مَا يَأْتِيهِم مِّن ذِكْرٍ مِّن رَّبِّهِم مُّحْدَثٍ إِلَّا اسْتَمَعُوهُ وَهُمْ يَلْعَبُونَ ﴿٢﴾

لَاهِيَةً قُلُوبُهُمْ ۗ وَأَسَرُّوا النَّجْوَى الَّذِينَ ظَلَمُوا هَلْ هَٰذَا إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ ۖ أَفَتَأْتُونَ السِّحْرَ وَأَنتُمْ تُبْصِرُونَ ﴿٣﴾

قَالَ رَبِّي يَعْلَمُ الْقَوْلَ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ ۖ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٤﴾

بَلْ قَالُوا أَضْغَاثُ أَحْلَامٍ بَلِ افْتَرَاهُ بَلْ هُوَ شَاعِرٌ فَلْيَأْتِنَا بِآيَةٍ كَمَا أُرْسِلَ الْأَوَّلُونَ ﴿٥﴾

مَا آمَنَتْ قَبْلَهُم مِّن قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا ۖ أَفَهُمْ يُؤْمِنُونَ ﴿٦﴾

وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُّوحِي إِلَيْهِمْ ۖ فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِن كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٧﴾

وَمَا جَعَلْنَاهُمْ جَسَدًا لَّا يَأْكُلُونَ الطَّعَامَ وَمَا كَانُوا خَالِدِينَ ﴿٨﴾

ثُمَّ صَدَقْنَاهُمُ الْوَعْدَ فَأَنجَيْنَاهُمْ وَمَن نَّشَاءُ وَأَهْلَكْنَا الْمُسْرِفِينَ ﴿٩﴾

*"Masa hisab amalan telah dekat kepada manusia, sedangkan mereka masih berada di dalam kelalaian dan berpaling dari (hidayat) (1) Tiada satu ayat dari Al-Qur'an yang datang kepada mereka, yang baru diturunkan dari Tuhan mereka melainkan mereka mendengarnya sambil bermain-main (2) Hati mereka lalai dan mereka yang zalim itu telah merahsiakan pembicaraan mereka: Orang ini (Muhammad) tidak lain melainkan seorang manusia biasa seperti kamu sahaja. Apakah kamu wajar datang mengikut sihir (yang dibawanya) sedangkan kamu sendiri melihat dengan mata kamu? (3) Katakanlah: Tuhanku mengetahui segala perkataan di langit dan di bumi dan Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (4) Malah mereka berkata: (Al-Qur'an itu) adalah impian-impian karut (Muhammad), malah dialah yang mengada-adakannya, malah dia sendiri seorang penyair. Oleh itu hendaklah dia membawa kepada kami sesuatu mu'jizat seperti mu'jizat-mu'jizat rasul-rasul yang terdahulu yang diutuskan Allah (5) Tiada penduduk sebuah negeri pun yang Kami binasakan sebelum mereka telah beriman (kepada mu'jizat), apakah benar mereka mahu beriman (kepada mu'jizat itu)? (6) Dan Kami tidak utuskan rasul-rasul sebelum kamu melainkan kaum lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu tanyakanlah (perkara ini) kepada Ahlil-Kitab jika kamu tidak mengetahui (7) Dan Kami tidak jadikan mereka (para rasul) tubuh badan yang tidak makan minum dan mereka juga tidak hidup kekal (di dunia) (8) Kemudian Kami tepati janji Kami kepada mereka (para rasul) lalu Kami selamatkan mereka dan orang-orang yang Kami kehendaki (dari pengikut-pengikut mereka) dan Kami binasakan golongan pelampau."(9)*

**_Bagaimana Hati Yang Liar Dan Lalai Menyambut Al-Qur'an_**

Inilah permulaan kata yang amat kuat, yang menggoncangkan hati manusia yang lalai. Hari hisab telah hampir, tetapi mereka masih berada di dalam kelalaian. Ayat-ayat Allah dibentangkan kepada mereka, tetapi mereka berpaling dari hidayat. Suasana begitu serius, tetapi mereka masih tidak sedar kepada keseriusannya. Setiap kali sampai kepada mereka ayat-ayat dari Al-Qur'an yang baru, mereka menyambutnya dengan main-main dan dengan sikap yang sewenang-wenang, mereka mendengarnya dengan gurau senda dan mengejek.

لَاهِيَةً قُلُوبُهُمْ ۗ

*"Hati mereka lalai"(3)*

sedangkan hati itulah pusat daya manusia meneliti, merenungi dan berfikir.

Itulah gambaran jiwa manusia yang kosong yang tidak mengenal keseriusan. Mereka bermain-main dalam perkara yang paling penting, bergurau senda pada tempat-tempat yang serius dan bertindak liar dan tidak peduli terhadap perkara-perkara yang suci. Al-Qur'an diturunkan kepada mereka dari Allah, tetapi mereka menyambutnya dengan main-main tanpa hormat dan taqdis. Jiwa yang kosong dari keseriusan, perhatian yang berat dan kesucian adalah berakhir menjadi jiwa yang hampa, tandus dan runtuh, ia tidak layak untuk memikul tugas-tugas, menunaikan kewajipan dan melaksanakan taklif dan menyebabkan hidupnya menjadi lumpuh, remeh dan murah.

Jiwa yang liar yang mempermain-mainkan perkara-perkara yang suci adalah jiwa yang sakit. Sikap yang liar dan tidak peduli itu bukannya sikap yang tabah, kerana ketabahan merupakan sifat jiwa yang serius dan penuh kesedaran, sedangkan sikap yang liar dan tidak peduli itu tidak mempunyai kesedaran dan tidak serius.

Orang-orang yang diceritakan Al-Qur'anul-Karim itu telah menyambut ayat-ayat Al-Qur'an dengan sikap main-main, sedangkan Al-Qur'an diturun untuk dijadikan sebuah perlembagaan hidup, satu tata kerja dan satu undang-undang bermu'amalah. Mereka menghadapi hari hisab yang hampir itu dengan sikap yang lalai. Orang-orang yang seperti mereka memang wujud di setiap zaman. Apabila jiwa seseorang itu kosong dari keseriusan, perhatian yang berat dan kesucian, maka ia akan berubah kepada gambaran jiwa yang sakit dan buruk yang dilukiskan oleh Al-Qur'an, iaitu jiwa yang mengubahkan seluruh hidup kepada permainan yang kosong tanpa tujuan dan tanpa dasar.

Sementara orang-orang Mu'min pula menyambut surah ini dengan perhatian yang amat berat hingga mereka lupa kepada dunia dan segala isinya.

Tersebut di dalam riwayat hidup 'Amir ibn Rabi'ah yang ditulis oleh al-Amidi bahawa pada suatu hari ada seorang Arab menjadi tetamunya. Beliau telah memberi sepenuh keraian kepada orang itu. Kemudian orang ini datang pula bertemu dengan beliau setelah dia mendapat satu kawasan tanah yang luas (untuk membalas budi baik beliau). Dia berkata kepada 'Amir: "Saya telah meminta dari Rasulullah s.a.w. satu kawasan tanah perlembahan dan saya mahu berikan sebahagian dari tanah itu untuk anda dan anak cucu anda selepas anda". Jawab 'Amir: "Saya tidak perlu kepada tanah pemberian anda itu, kerana pada hari ini telah turun satu surah Al-Qur'an yang telah menyebabkan hati kami lupakan dunia iaitu:

ٱقۡتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمۡ وَهُمۡ فِي غَفۡلَةٖ مُّعۡرِضُونَ ۝١

Inilah perbezaan di antara hati manusia yang hidup, yang menyambut ayat-ayat Allah dengan serius dan hati manusia yang mati, tertutup dan padam cahayanya, iaitu hati yang mati yang dikapan dengan kelalaian dan dipadamkan cahayanya dengan sikap yang liar dan tidak peduli, hati yang tidak dapat ditembusi kesan-kesan Al-Qur'an kerana hati itu kosong dari nilai-nilai hidup:

وَأَسَرُّواْ ٱلنَّجۡوَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ

*"Dan mereka yang zalim itu telah merahsiakan pembicaraan mereka"(3)*

mereka bercakap-cakap secara rahsia dan mengatur pakatan jahat di antara mereka. Mereka mengata-ngatakan tentang Rasulullah s.a.w:

هَلۡ هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُكُمۡۖ أَفَتَأۡتُونَ ٱلسِّحۡرَ وَأَنتُمۡ تُبۡصِرُونَ ۝٣

*"Orang ini (Muhammad) tidak lain melainkan seorang manusia biasa seperti kamu sahaja. Apakah wajar kamu datang mengikut sihir (yang dibawanya) sedangkan kamu sendiri melihat dengan mata kamu?"(3)*

***Cara-cara Mereka Menentang Pengaruh Al-Qur'an***

Tetapi walaupun hati mereka mati dan kosong dari hayat, namun mereka tidak berdaya menahan diri mereka dari digugat dan digoncangkan oleh Al-Qur'an. Mereka biasanya mencari jalan untuk menentang pengaruh Al-Qur'an yang kuat itu dengan menggunakan dalihan-dalihan. Mereka berkata: Muhammad itu hanya manusia biasa sahaja. Bagaimana kamu boleh beriman kepada manusia seperti kamu? Apa yang dibawakan oleh Muhammad hanya sihir sahaja, bagaimana kamu boleh datang menerima sihir dan terikut-ikut kepadanya sedangkan kamu mempunyai mata dan melihat sendiri (hakikat ini)?

Ketika inilah Rasulullah s.a.w. menyerahkan perkara mereka dan perkara dirinya kepada Allah, dan Allah telah memaklumkan kepada beliau tentang pembicaraan-pembicaraan rahsia yang berlaku di antara mereka dan tentang tipu daya mereka untuk menghindarkan diri mereka dari Al-Qur'an dan pengaruhnya.

قَالَ رَبِّي يَعۡلَمُ ٱلۡقَوۡلَ فِي ٱلسَّمَآءِ وَٱلۡأَرۡضِۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ۝٤

*"Katakanlah: Tuhanku mengetahui segala perkataan di langit dan di bumi, dan Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(4)*

Tiada suatu pembicaraan rahsia yang berlaku di mana-mana tempat di muka bumi ini melainkan semuanya diketahui Allah. Dia mengetahui segala percakapan yang diucapkan di langit dan di bumi dan tiada suatu pakatan sulit yang diperkatakan mereka melainkan semuanya diketahui oleh-Nya. Allah itu Maha Mendengar dan Maha Melihat.

Mereka serba salah bagaimana hendak menyifatkan Al-Qur'an ini dan menghindarkan diri mereka dari pengaruhnya. Sekali mereka mengatakan Al-Qur'an itu sihir, sekali pula mereka mengatakan Al-Qur'an itu impian-impian karut yang diimpikan Muhammad kemudian diceritakannya kepada orang ramai, kadang-kadang mereka mengatakan Al-Qur'an itu syair (sajak) dan kadang-kadang pula mereka menuduh beliau mereka-rekakan Al-Qur'an kemudian mendakwakannya sebagai wahyu dari Allah:

بَلْ قَالُوٓا۟ أَضْغَٰثُ أَحْلَٰمٍۭ بَلِ ٱفْتَرَىٰهُ بَلْ هُوَ شَاعِرٌ

*"Malah mereka berkata: (Al-Qur'an itu) adalah impian-impian karut (Muhammad), malah dialah yang mengada-adakannya, malah dia sendiri seorang penyair."(5)*

Mereka tidak dapat menetapkan satu sifat atau satu pendapat yang tertentu terhadap Al-Qur'an, kerana tuduhan-tuduhan itu merupakan semata-mata tipu daya dan usaha percubaan mereka untuk mentafsirkan kesan Al-Qur'an yang menggegarkan hati mereka dengan berbagai-bagai dalihan, tetapi mereka tidak berdaya, oleh sebab itulah mereka berpindah-pindah dari satu tuduhan kepada satu tuduhan yang lain, dari satu pentafsiran kepada satu pentafsiran yang lain. Mereka terumbang-ambing dan wara wiri. Kemudian untuk menyelamatkan diri mereka dari keadaan yang serba salah dan menyulitkan itu mereka menuntut beliau membawa mu'jizat-mu'jizat seperti mu'jizat-mu'jizat yang pernah dibawa rasul-rasul yang silam sebagai ganti Al-Qur'an:

فَلْيَأْتِنَا بِـَٔايَةٍ كَمَآ أُرْسِلَ ٱلْأَوَّلُونَ ﴿٥﴾

*"Hendaklah dia membawa kepada kami sesuatu mu'jizat seperti mu'jizat-mu'jizat rasul-rasul yang terdahulu yang diutuskan Allah."(5)*

Sebenarnya mu'jizat-mu'jizat itu telah didatangkan sebelum ini, tetapi orang-orang yang menyaksikan mu'jizat itu tidak juga beriman kepadanya lalu mereka dibinasakan Allah mengikut Sunnatullah yang tidak pernah mungkir membinasakan orang-orang yang mendustakan mu'jizat-mu'jizat:

مَآ ءَامَنَتْ قَبْلَهُم مِّن قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَٰهَآ ۖ أَفَهُمْ يُؤْمِنُونَ ﴿٦﴾

*"Tiada penduduk sebuah negeri pun yang Kami binasakan sebelum mereka telah beriman (kepada mu'jizat), apakah benar mereka mahu beriman (kepada mu'jizat itu)?"(6)*

Ini disebabkan kerana orang-orang yang degil, yang tidak mahu beriman kepada mu'jizat kebendaan yang dapat disaksikan dengan pancaindera itu tidak lagi mempunyai apa-apa alasan keuzuran dan tidak pula dapat diharapkan sesuatu kebaikan dari mereka. Oleh sebab itulah mereka wajar dibinasakan sahaja.

Mu'jizat-mu'jizat itu telah dikemukakan berulang-ulang kali dan berulang-ulang kali pula ia didustakan manusia dan berulang-ulang kali pula para pendusta itu dibinasakan Allah. Oleh itu apakah (kaum Musyrikin Makkah) benar-benar mahu beriman kepada mu'jizat jika dikemukakannya kepada mereka, sedangkan sifat mereka sama sahaja dengan kaum-kaum yang telah dibinasakan Allah (( أفهم يؤمنون))*"Apakah benar mereka mahu beriman?"*

وَمَآ أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُّوحِىٓ إِلَيْهِمْ ۖ فَسْـَٔلُوٓا۟ أَهْلَ ٱلذِّكْرِ إِن كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٧﴾ وَمَا جَعَلْنَٰهُمْ جَسَدًا لَّا يَأْكُلُونَ ٱلطَّعَامَ وَمَا كَانُوا۟ خَٰلِدِينَ ﴿٨﴾

*"Dan Kami tidak utuskan rasul-rasul sebelum kamu melainkan kaum lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu tanyakanlah (perkara ini) kepada Ahlil-Kitab jika kamu tidak mengetahui (7) "Dan Kami tidak jadikan mereka (para rasul) tubuh badan yang tidak makan minum dan mereka juga tidak hidup kekal (di dunia)."(8)*

***Mengapa Rasul Dipilih Dari Kalangan Manusia***

Hikmat kebijaksanaan Allah telah menentukan bahawa para rasul itu adalah dari jenis manusia. Mereka bertugas menerima wahyu dan menyeru manusia dengannya. Seluruh rasul sebelum ini adalah dari kaum lelaki yang mempunyai tubuh badan belaka dan Allah tentulah tidak menciptakan tubuh badan itu kemudian menjadikan mereka tidak makan dan minum, kerana makan dan minum merupakan keperluan tubuh badan, dan sifat tubuh badan itu merupakan keperluan sifat manusia. Dan sebagai makhluk manusia yang dijadikan Allah, maka tentulah dia tidak akan hidup kekal. Inilah undang-undang Allah yang berjalan selama ini. Oleh itu hendaklah mereka bertanya Ahlil-Kitab yang 'arif dengan para Anbia' yang diutuskan sebelum ini jika mereka tidak mengetahui.

Para rasul itu adalah dipilih dari jenis manusia supaya mereka hidup dengan cara hidup manusia agar cara hidup mereka di alam kenyataan itu merupakan gambaran yang benar dari syari'at yang dibawa mereka, dan agar perilaku amalan mereka menjadi contoh yang hidup kepada ajaran-ajaran yang diserukan mereka. Kalimat da'wah yang hidup di alam kenyataan itulah yang dapat memberi kesan dan hidayat, kerana orang ramai dapat melihat kalimat itu terjelma pada seseorang yang tertentu dan pengertiannya diterjemahkan kepada tingkahlaku yang tertentu di alam kehidupan.

Andainya para rasul itu bukan dari jenis manusia, tidak makan dan minum, tidak berjalan di pasar-pasar dan tidak menggauli perempuan dan dada mereka tidak digelombangi perasaan-perasaan dan emosi-emosi manusia tentulah tidak ada tali hubungan yang

mengikatkan mereka dengan manusia dan tentulah mereka tidak dapat merasa dorongan-dorongan yang menggerakkan manusia dan tentulah manusia tidak dapat mencontohi dan mengikut mereka.

Mana-mana penda'wah yang tidak dapat merasa perasaan orang-orang yang dida'wahkannya dan mereka tidak dapat merasakan perasaan-perasaannya, maka penda'wah itu hanya dapat berdiri di pinggiran hidup mereka sahaja, di mana hubungan harmoni yang timbal balas tidak akan berlaku di antaranya dengan mereka. Walau bagaimana jelas sekalipun mereka mendengar perkataan-perkataannya, namun ia tidak akan dapat menggerakkan mereka untuk mengamalkan apa yang dikatakannya kerana hubungan perasaan tidak wujud di antara dia dengan mereka.

Mana-mana penda'wah yang tidak menepati perbuatannya dengan perkataannya, maka perkataan-perkataannya itu hanya akan terhenti di pintu telinga orang-orang yang dida'wahkannya sahaja dan tidak dapat menjangkau hati mereka biar bagaimanapun indah, menarik dan kuat perkataan-perkataan yang dilafazkan mereka. Perkataan yang mudah dan bersahaja tetapi disertai emosi dan disokong oleh tindakan, maka itulah perkataan yang berhasil dan dapat menggerakkan orang-orang lain bangkit bertindak.

Orang-orang yang mencadangkan rasul itu patut dipilih dari bangsa malaikat sama sahaja dengan orang-orang yang mencadangkan pada hari ini bahawa seseorang rasul itu harus bersih dari emosi-emosi manusia. Mereka cuma berkeras kepala dan lupakan hakikat bahawa para malaikat itu tidak hidup seperti manusia kerana susunan kejadiannya yang berlainan dan mereka tidak mungkin menjalani kehidupan manusia. Mereka tidak dapat merasa dorongan-dorongan jasad dan kehendak-kehendak keperluannya, tidak dapat merasakan perasaan-perasaan makhluk manusia yang mempunyai susunan kejadian yang istimewa, sedangkan rasul itu harus merasakan dorongan-dorongan dan perasaan-perasaan ini. Dia harus menjalani dorongan-dorongan dan perasaan-perasaan ini di dalam kehidupannya di alam kenyataan supaya dia dapat menggariskan perlembagaan hidup amali untuk para pengikutnya dengan amalan-amalan hidupnya sendiri.

Di sana ada satu lagi pertimbangan, iaitu apabila manusia merasa bahawa rasul itu dari bangsa malaikat, maka perasaan ini tidak dapat merangsangkan keinginan di dalam jiwa mereka untuk mencontohinya di dalam tindak-tanduk hidup mereka kerana rasul itu tidak sebangsa dengan mereka dan tabi'atnya berlainan dari tabi'at mereka. Mereka tidak mempunyai keinginan untuk mencontohi cara hidupnya dalam kehidupan seharian mereka, sedangkan cara hidup para rasul itu harus menjadi contoh pendorong kepada manusia.

Di samping alasan-alasan tersebut, cadangan itu juga bererti melupakan penghormatan Allah terhadap bangsa manusia dengan memilih para rasul dari kalangan mereka agar mereka dapat berhubung dengan alam al-Mala'ul-A'la dan menerima perutusan-perutusan dari-Nya.

Oleh sebab itulah undang-undang Allah yang berkuatkuasa telah menetapkan pemilihan para rasul itu dari kalangan manusia dan memperlakukan ke atas mereka segala sifat dan tabi'at manusia seperti kelahiran, kematian, mempunyai perasaan-perasaan dan emosi-emosi, kesakitan, kesedihan, cita-cita, harapan, makan minum dan menggauli perempuan. Undang-undang itu juga telah menjadikan (Muhammad), iaitu Rasul yang paling besar, sempurna dan penamat para rasul yang membawa agama yang kekal abadi itu sebagai contoh yang paling sempurna bagi kehidupan manusia di muka bumi ini, iaitu kehidupan yang merangkumi dorongan-dorongan, pengalaman-pengalaman, tindakan dan cara menjalani hidup (sebagai manusia).

Itulah Sunnatullah dalam pemilihan para rasul, dan yang sama sepertinya ialah Sunnatullah yang menyelamatkan para rasul dan para pengikutnya di samping membinasakan para penentang mereka yang pelampau, zalim dan pendusta:

ثُمَّ صَدَقْنَٰهُمُ ٱلْوَعْدَ فَأَنجَيْنَٰهُمْ وَمَن نَّشَآءُ وَأَهْلَكْنَا ٱلْمُسْرِفِينَ ﴿٩﴾

*"Kemudian Kami tepati janji Kami kepada mereka (para rasul) lalu Kami selamatkan mereka dan orang-orang yang Kami kehendaki (dari pengikut-pengikut mereka) dan Kami binasakan golongan pelampau."(9)*

Ini juga merupakan Sunnatullah yang berkuatkuasa seperti Sunnatullah dalam pemilihan mereka. Allah telah menjanjikan keselamatan kepada mereka dan para pengikut mereka yang beriman dengan keimanan yang tulen, iaitu keimanan yang dibuktikan dengan amalan. Allah telah menepati janji-Nya terhadap mereka dan membinasakan penentang-penentang mereka yang bertindak melampau batas.

* * * * * *

### (Pentafsiran ayat-ayat 10 - 15)

#### *Mu'jizat Al-Qur'an Lebih Kekal Dari Mu'jizat-mu'jizat Kebendaan*

Sunnatullah inilah yang diancamkan Allah kepada kaum Musyrikin yang menentang Rasulullah s.a.w. dengan tindakan-tindakan yang melampau terhadap beliau, iaitu mendusta dan menyakiti beliau serta para Mu'minin yang bersama beliau. Allah mengingatkan mereka iaitu adalah menjadi satu rahmat kepada mereka apabila Allah tidak mengemukakan mu'jizat kebendaan kepada mereka, kerana ia akan mengakibatkan kebinasaan kepada mereka jika mereka bertindak mendustakannya sebagaimana telah dilakukan oleh umat-umat sebelum mereka. Allah mengirimkan kepada mereka mu'jizat dalam bentuk kitab suci Al-Qur'an yang memberi kemuliaan

kepada mereka kerana kitab itu diturunkan dengan bahasa ibunda mereka. Kitab itulah yang membetulkan kehidupan mereka dan menjadikan mereka satu umat yang berdaulat di muka bumi dan mempunyai nama yang gah di kalangan umat manusia. Ia merupakan sebuah kitab yang terbuka untuk difikirkan oleh akal manusia juga untuk meninggikan mereka di tangga kemajuan umat manusia:

لَقَدْ أَنزَلْنَآ إِلَيْكُمْ كِتَٰبًا فِيهِ ذِكْرُكُمْ ۖ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٠﴾

*"Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu sebuah kitab (Al-Qur'an) yang mengandungi (pengajaran-pengajaran) yang membawa nama yang baik kepada kamu. Apakah tidak kamu berfikir?"(10)*

Mu'jizat Al-Qur'an adalah satu mu'jizat yang terbuka kepada seluruh generasi manusia. Ia bukan seperti mu'jizat kebendaan yang hanya berakhir dalam satu generasi sahaja, di mana golongan manusia yang terpengaruh dengannya hanya generasi yang melihatnya sahaja.

### *Al-Qur'an Dan Umat Arab*

Al-Qur'an telah menaikkan nama baik dan kemuliaan umat Arab apabila mereka berusaha menyebarkan risalah Al-Qur'an di timur dan di barat. Sebelum ini mereka tidak mempunyai nama yang gah kerana mereka tidak mempunyai sesuatu yang bernilai untuk disumbangkan kepada umat manusia sehingga mereka boleh menjadi terkenal dan buah mulut mereka dengan sumbangan itu. Umat manusia tetap mengingati mereka dan memandang tinggi kepada mereka selama mereka berpegang kukuh dengan Al-Qur'an dan memimpin umat manusia dengan Al-Qur'an selama berkurun-kurun yang amat panjang, di mana manusia dan mereka telah berjaya mencapai kebahagiaan dengan keta'atan mereka menjunjung Al-Qur'an, tetapi apabila mereka meninggalkan Al-Qur'an, maka mereka pun ditinggalkan umat manusia yang lain dan nama mereka yang gah mula menurun dan jatuh dan akhirnya menjadi umat yang berada di belakang angkatan umat yang lain dan menjadi mangsa rebutan dan serangan kepada bangsa-bangsa yang lain, sedangkan dahulunya ketika mereka berpegang kukuh dengan Al-Qur'an mereka berada di dalam keadaan yang amat damai dan umat-umat di sekeliling mereka menjadi mangsa rebutan dan serangan.

Umat Arab tidak mempunyai bekalan yang lain untuk disumbangkan kepada umat manusia selain dari bekalan Al-Qur'an. Mereka tidak mempunyai gagasan yang lain untuk dikemukakan kepada umat manusia selain dari gagasan Al-Qur'an. Sekiranya mereka membawa sumbangan kitab suci ini kepada umat manusia mereka akan dikenali, disanjung tinggi dan dimuliakan mereka, kerana umat-umat itu mendapat dari mereka sesuatu yang amat berguna kepada mereka, tetapi apabila mereka menunjukkan diri mereka kepada umat manusia sebagai bangsa Arab sahaja, maka siapakah gerangan mereka? Apakah yang ada pada bangsa mereka? Apakah nilai keturunan Arab itu tanpa kitab suci Al-Qur'an? Umat manusia tidak mengenali mereka melainkan kerana kitab suci Al-Qur'an yang diturunkan kepada mereka, melainkan kerana agama dan perilaku mereka yang diambil dari kitab suci dan agama itu. Umat manusia tidak mengenali mereka kerana semata-mata mereka berbangsa Arab, kerana bangsa itu tidak mempunyai apa-apa nilai di dalam sejarah manusia dan tidak mempunyai apa-apa erti di dalam kamus tamadun, malah umat manusia mengenali mereka kerana mereka telah membawa tamadun Islam, adicita-adicitanya dan gagasan-gagasannya. Inilah sumbangan yang mempunyai erti di dalam sejarah manusia dan di dalam kamus tamadun.

Inilah hakikat yang diisyaratkan oleh Al-Qur'an apabila ia menerangkan kepada kaum Musyrikin Arab yang menentang setiap ayat dari Al-Qur'an yang baru diturunkan kepada mereka dengan sikap main-main, lalai dan tidak percaya. *"Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu sebuah kitab (Al-Qur'an) yang mengandungi (pengajaran-pengajaran) yang membawa nama yang baik kepada kamu. Apakah tidak kamu berfikir?"*

Adalah satu rahmat Allah kepada mereka apabila Dia menurunkan kitab suci Al-Qur'an ini kepada mereka dan bukannya menurunkan kepada mereka mu'jizat kebendaan seperti yang dituntut mereka kerana ini menyelamatkan mereka dari tindakan Sunnatullah yang membinasa dan menghapuskan penduduk-penduduk negeri-negeri yang mendustakan mu'jizat. Di sini Al-Qur'an menayangkan sebuah pemandangan kebinasaan dan penghapusan itu:

وَكَمْ قَصَمْنَا مِن قَرْيَةٍ كَانَتْ ظَالِمَةً وَأَنشَأْنَا بَعْدَهَا قَوْمًا ءَاخَرِينَ ﴿١١﴾
فَلَمَّآ أَحَسُّوا۟ بَأْسَنَآ إِذَا هُم مِّنْهَا يَرْكُضُونَ ﴿١٢﴾
لَا تَرْكُضُوا۟ وَٱرْجِعُوٓا۟ إِلَىٰ مَآ أُتْرِفْتُمْ فِيهِ وَمَسَٰكِنِكُمْ لَعَلَّكُمْ تُسْـَٔلُونَ ﴿١٣﴾
قَالُوا۟ يَٰوَيْلَنَآ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿١٤﴾
فَمَا زَالَت تِّلْكَ دَعْوَىٰهُمْ حَتَّىٰ جَعَلْنَٰهُمْ حَصِيدًا خَٰمِدِينَ ﴿١٥﴾

*"Dan berapa banyak penduduk negeri yang zalim yang telah Kami leburkan mereka dan Kami mewujudkan selepas mereka kaum yang lain (sebagai ganti) (11) Dan apabila*

*mereka merasai 'azab Kami tiba-tiba mereka tergesa-gesa melarikan diri dari negeri itu (12) (Lalu dikatakan kepada mereka) janganlah kamu tergesa-gesa melarikan diri dan kembalilah semula kepada kemewahan hidup yang dikurniakan kepada kamu dan kepada tempat-tempat kediaman kamu supaya kamu ditanya (mengenainya) (13) Jawab Mereka: Celakalah kami! Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang melakukan kezaliman (14) Demikianlah mereka terus mengeluh sehingga Kami binasakan mereka laksana tanaman yang dituai yang mati sunyi sepi."(15)*

Kata-kata "قصمنا" (melebur) merupakan satu tindakan menghancur yang paling dahsyat dan nada dari kata-kata itu sendiri menggambarkan maknanya yang dahsyat dan membayangkan tindakan yang amat keras, menghancur dan menamatkan riwayat negeri-negeri yang zalim, di mana negeri-negeri itu tiba-tiba menjadi hancur lebur.

وَأَنشَأْنَا بَعْدَهَا قَوْمًا ءَاخَرِينَ ﴿١١﴾

*"Dan Kami wujudkan selepas mereka kaum yang lain (sebagai ganti)." (11)*

Ketika bertindak melebur, Allah menjatuhkan tindakan itu ke atas negeri-negeri itu supaya kebinasaan itu meliputi seluruh isi dan penghuni-penghuninya, dan ketika bertindak mewujud dan mencipta, Allah menjatuhkan tindakan itu ke atas kaum yang muncul di negeri-negeri itu, iaitu angkatan yang baru wujud dan membangun semula negeri-negeri itu. Cara penerangan ini sendiri merupakan satu hakikat, kerana tindakan melebur itu menimpa negeri dan para penduduknya, sedangkan tindakan mewujud atau mencipta dimulakan dengan para penduduknya kerana merekalah yang mengulangi kembali pembangunan atau penciptaan negeri-negeri itu. Pembentangan hakikat ini dengan gambaran yang seperti ini menjadikan proses peleburan dan pembinasaan itu lebih hebat, dan dahysat. Inilah maksud bayangan yang mahu disampaikan dengan ungkapan ini mengikut cara penggambaran.[1]

Kemudian kita melihat pergerakan penduduk-penduduk negeri-negeri itu ketika dibinasakan Allah. Mereka laksana tikus-tikus di dalam perangkap menyerbu ke sana ke mari sebelum disambar maut:

فَلَمَّآ أَحَسُّواْ بَأْسَنَآ إِذَا هُم مِّنْهَا يَرْكُضُونَ ﴿١٢﴾

*"Dan apabila mereka merasai 'azab Kami tiba-tiba mereka tergesa-gesa melarikan diri dari negeri itu."(12)*

Mereka berlari-lari keluar meninggalkan negeri-negeri itu setelah mereka yakin bahawa mereka sedang ditimpakan 'azab Allah. Mereka seolah-olah melihat bahawa lari itu boleh menyelamatkan mereka dari 'azab Allah. Mereka seolah-olah menyangka bahawa mereka dapat berlari begitu kuat hingga tidak dapat dikejarkan 'azab Allah, tetapi sebenarnya pergerakan itu tidak lebih dari pergerakan tikus di dalam perangkap yang berkejar-kejar tanpa fikiran dan di luar kesedaran.

Di waktu inilah mereka diejek dengan pahitnya:

لَا تَرْكُضُواْ وَٱرْجِعُوٓاْ إِلَىٰ مَآ أُتْرِفْتُمْ فِيهِ وَمَسَٰكِنِكُمْ لَعَلَّكُمْ تُسْـَٔلُونَ ﴿١٣﴾

*"(Lalu dikatakan kepada mereka) janganlah kamu tergesa-gesa melarikan diri dan kembalilah semula ke-pada kemewahan hidup yang dikurniakan kepada kamu dan kepada tempat-tempat kediaman kamu supaya kamu ditanya (mengenainya)."(13)*

Janganlah kamu berlari keluar dari negeri kamu, malah kembalilah kepada kehidupan dan tempat-tempat kediaman kamu yang mewah makmur dan penuh kerehatan dan kesenangan itu. Kembalilah kamu sekalian agar kamu dapat ditanyakan ke manakah kamu habiskan kemewahan dan kesenangan hidup kamu itu?

Sebenarnya di sana tidak ada ruang untuk soal jawab, malah itulah ejekan terhadap mereka.

Di waktu ini barulah mereka sedar bahawa di sana tidak ada tempat untuk melarikan diri dari 'azab Allah yang telah mengepung sekeliling mereka. Tidak ada gunanya mereka berlari kerana ia tidak dapat menyelamatkan mereka. Kerana itu mereka cuba mengaku salah, bertaubat dan memohon keampunan:

قَالُواْ يَٰوَيْلَنَآ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿١٤﴾

*"Jawab mereka: Celakalah kami! Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang melakukan kezaliman."(14)*

Tetapi waktu telah luput. Mereka boleh berkata apa yang mereka suka, kerana mereka memang dibebaskan berkata-kata sehingga segala-galanya binasa dan nyawa mereka dipadamkan:

فَمَا زَالَت تِّلْكَ دَعْوَىٰهُمْ حَتَّىٰ جَعَلْنَٰهُمْ حَصِيدًا خَٰمِدِينَ ﴿١٥﴾

*"Demikianlah mereka terus mengeluh sehingga Kami binasakan mereka laksana tanaman yang dituai yang mati sunyi sepi."(15)*

Alangkah dahsyatnya tuaian dan kematian penduduk-penduduk (negeri-negeri itu), mereka gugur bergelimpan-gan tanpa harakat dan tanpa hayat, sedangkan baru sekejap tadi negeri itu sibuk dengan pergerakan manusia dan kegiatan kehidupan mereka.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 17)**

Di sini (dalam ayat berikut) Al-Qur'an menghubungkan di antara 'aqidah yang telah diterangkan sebelum ini dengan Sunnatullah yang bertindak mengenakan keseksaan ke atas orang-orang yang mendustakannya. Ia menghubungkan di

---

[1] *Lihat bab "التصوير الفني" dan bab "طريقة القرآن" di dalam buku "التصوير الفني في القرآن".*

antara 'aqidah dengan lunas kebenaran yang agung dan keseriusan semulajadi yang menjadi landasan penciptaan seluruh alam buana ini dan bersebati dengan penciptaan langit dan bumi.

Jika kaum Musyrikin menyambut ayat-ayat dari Al-Qur'an yang baru diturunkan kepada mereka dengan sikap main-main dan senda gurau dan dengan hati yang mengabaikan lunas kebenaran dan keseriusan yang wujud dalam 'aqidah itu, jika mereka tidak menghiraukan hari hisab yang sudah hampir dan balasan 'azab yang menunggu para pendusta yang mempermain-mainkan Al-Qur'an, maka Sunnatullah tetap berkuatkuasa dan tetap berhubung rapat dengan lunas kebenaran yang agung dan keseriusan yang semulajadi itu.

***Alam Buana, Rasul, Kitab Suci, Aqidah, Undang-undang Alam Dan Syari'at Diciptakan Allah Dengan Hikmat Dan Tujuan Yang Serius***

وَمَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَآءَ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَـٰعِبِينَ ﴿١٦﴾ لَوْ أَرَدْنَآ أَن نَّتَّخِذَ لَهْوًا لَّٱتَّخَذْنَـٰهُ مِن لَّدُنَّآ إِن كُنَّا فَـٰعِلِينَ ﴿١٧﴾ بَلْ نَقْذِفُ بِٱلْحَقِّ عَلَى ٱلْبَـٰطِلِ فَيَدْمَغُهُۥ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ ۚ وَلَكُمُ ٱلْوَيْلُ مِمَّا تَصِفُونَ ﴿١٨﴾

*"Dan Kami tidak ciptakan langit, bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya dengan tujuan bermain-main sahaja (16) Sekiranya Kami hendak mengambil sesuatu permainan tentulah Kami mengambilnya dari sisi Kami sendiri (tetapi) Kami tidak sekali-kali melakukannya (17) Malah Kami lontarkan kebenaran itu di atas kebatilan lalu ia menghancurkannya dan ia terus terhapus, dan kamu akan memperolehi kecelakaan kerana perbuatan kamu mensifatkan Allah dengan sifat-sifat yang tidak wajar."(18)*

Allah SW.T. telah menciptakan alam buana ini kerana suatu hikmat yang tertentu bukannya kerana bermain-main dan berhibur sahaja. Dia mentadbirkan alam buana ini dengan hikmat kebijaksanaan bukannya dengan pentadbiran sembarangan dan mengikut hawa nafsu. Dan dengan tujuan serius yang sama dengan keseriusan tujuan penciptaan langit, bumi dan segala kejadian di antara keduanya, Allah mengutuskan para rasul, menurunkan kitab-kitab suci, menetapkan fardhu-fardhu dan mensyari'atkan taklif-taklif Oleh itu keseriusan merupakan sifat semulajadi tabi'at alam ini, sifat semulajadi pentadbirannya, sifat semulajadi 'aqidah yang dipilih Allah untuk umat manusia dan sifat semulajadi urusan hisab yang akan dijalankan ke atas manusia selepas mati.

Andainya Allah S.W.T. hendak mengambil sesuatu mainan tentulah Dia mengambil mainan itu dari sisi-Nya sendiri, iaitu mainan zati (peribadi) yang tidak ada sebarang hubungan dengan makhluk-makhluk-Nya, yang baru dan fana. Ungkapan ini merupakan suatu andaian dialektik sahaja.

لَوْ أَرَدْنَآ أَن نَّتَّخِذَ لَهْوًا لَّٱتَّخَذْنَـٰهُ مِن لَّدُنَّآ

*"Sekiranya Kami hendak mengambil sesuatu permainan tentulah Kami mengambilnya dari sisi Kami sendiri."(17)*

Kata-kata "لو" (sekiranya) menurut ahli tata bahasa adalah kata-kata penafian kerana wujudnya sesuatu penafian iaitu ia menafikan berlakunya perbuatan dalam jawapan andaian itu kerana wujudnya penafian berlakunya perbuatan dalam andaian itu. Ertinya Allah tidak berkehendak mengambil apa-apa mainan dan kerana itu di sana tidak ada apa-apa mainan sama ada mainan dari sisi-Nya atau dari sesuatu yang luar dari zat-Nya.

Permainan itu tidak wujud kerana Allah S.W.T. dari awal-awal lagi tidak berkehendakannya dan dari awal lagi tidak pernah tujukan iradat-Nya kepada permainan itu:

إِن كُنَّا فَـٰعِلِينَ ﴿١٧﴾

*"Kami tidak sekali-kali melakukannya."(17)*

Kata-kata "إن" dalam ungkapan "إن كنا" di sini bererti "tidak", dan ungkapan ini bermaksud menolakkan perbuatan itu dari awal-awal lagi.

Ia merupakan suatu andaian dialektik sahaja untuk menjelaskan satu hakikat abstrak, iaitu segala sesuatu yang bergantung dengan zat Allah S.W,T. adalah bersifat qadim bukan baru dan bersifat kekal bukan fana. Andainya Allah S.W.T. mahu mengambil permainan tentulah permainan itu bukannya bersifat baru dan tentulah tidak ada apa-apa hubungan dengan makhluk yang baru seperti langit, bumi dan makhluk di antara keduanya kerana semuanya adalah makhluk yang baru belaka, tetapi tentulah permainan itu bersifat peribadi (zati) iaitu permainan dari sisi Allah S.W.T. sendiri yang azali dan kekal abadi kerana ia mempunyai hubungan dengan Zat yang Azali dan Abadi.

Tetapi mengikut undang-undang Allah yang tetap dan lazim di sana tidak ada sebarang mainan kerana yang wujud di sana hanya keseriusan sahaja dan hanya lunas kebenaran sahaja, dan kebenaran semulajadi itu tetap mengalahkan kebatilan yang tidak mantap:

بَلْ نَقْذِفُ بِٱلْحَقِّ عَلَى ٱلْبَـٰطِلِ فَيَدْمَغُهُۥ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ ۚ

*"Malah Kami lontarkan kebenaran itu di atas kebatilan lalu ia menghancurkannya dan ia terus terhapus."(18)*

Kata-kata "بل" itu digunakan untuk berpindah dari pembicaraan mengenai permainan kepada pembicaraan mengenai hakikat yang diperlaku dan ditentukan oleh undang-undang Allah iaitu hakikat kemenangan kebenaran dan kehapusan kebatilan.

Ayat ini menggambarkan undang-undang ini dengan gambaran fizikal yang hidup dan bergerak seolah-olah kebenaran itu berupa sebiji peluru di tangan qudrat Ilahi untuk membedil kebatilan dan memecahkan otaknya dan menyebabkan kebatilan itu terhapus, musnah dan hilang.

Inilah undang-undang yang telah ditetapkan Allah, kebenaran itu merupakan asas semulajadi di dalam tabi'at alam buana dan merupakan sifat yang amat mendalam di dalam struktur alam al-wujud, dan kebatilan itu dari asal lagi dinafikan dari penciptaan alam buana ini. Ia merupa sesuatu yang baru yang tidak mempunyai asal dan tidak mempunyai sebarang kuasa. Ia diburu Allah dan dibedilkan dengan kebenaran supaya ia terhapus. Sesuatu yang diburui Allah tidak akan kekal dan sesuatu yang dibedil qudrat Ilahi itu tidak akan hidup.

Kadang-kadang manusia terfikir bahawa hakikat yang berlaku di alam kenyataan itu bertentangan dengan hakikat yang diterangkan Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya itu. Ini berlaku di masa-masa tertentu, di mana kebatilan kelihatan berjaya menonjolkan diri dengan sombong, sedangkan kebenaran kelihatan menyorokkan diri seolah-olah tewas. Ini hanya berlaku dalam satu tempoh yang tertentu sahaja, dan tempoh ini dilanjutkan Allah mengikut kehendak iradat-Nya untuk menguji manusia, kemudian berlakulah undang-undang Allah yang azali dan abadi yang menjadi tapak tegak penciptaan langit dan bumi, juga menjadi tapak asas 'aqidah dan da'wah.

Orang-orang yang beriman tidak pernah diharui keraguan terhadap kebenaran janji Allah dan terhadap keaslian kebenaran di dalam pembinaan alam al-wujud dan peraturannya, juga terhadap kemenangan kebenaran yang dijadikan peluru untuk menembak dan menghapuskan kebatilan. Apabila Allah menguji mereka dengan kemenangan kebatilan di dalam satu masa yang tertentu, maka mereka terus mengetahui bahawa kemenangan itu adalah suatu ujian dari Allah. Mereka sedar bahawa Allah sedang mendidik mereka untuk mengatasi kelemahan atau kekurangan yang terdapat di dalam jiwa mereka, kerana Allah mahu melengkapkan mereka dengan persediaan untuk membolehkan mereka menyambut kebenaran yang menang. Mereka seterusnya sedar bahawa Allah menjadikan mereka sebagai tabir qudrat Ilahi dan membiarkan mereka melintasi sendiri masa ujian itu untuk menyempurnakan kekurangan dan mengubati kelemahan mereka. Apabila mereka bertindak segera mengubati diri mereka, maka Allah akan memendekkan masa ujian itu kepada mereka dan melaksanakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya melalui tangan mereka. *"Malah Kami lontarkan kebenaran itu di atas kebatilan lalu ia menghancurkannya dan ia terus terhapus.."*, dan Allah berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya.

**(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 20)**

Demikianlah Al-Qur'anul-Karim menjelaskan hakikat yang agung itu kepada kaum Musyrikin yang selalu mencemuhkan Al-Qur'an dan Rasulullah s.a.w. Mereka menyifatkan Al-Qur'an sebagai sihir, syair dan rekaan Muhammad, sedangkan Al-Qur'an sebuah kitab yang benar, yang tetap menang, tetap mengalah dan menghapuskan kebatilan. Selepas penjelasan itu diiringi pula dengan amaran yang keras terhadap akibat cemuhan-cemuhan mereka itu:

وَلَكُمُ ٱلْوَيْلُ مِمَّا تَصِفُونَ ﴿١٨﴾

*"Dan kamu akan memperolehi kecelakaan kerana perbuatan kamu menyifatkan Allah dengan sifat-sifat yang tidak wajar."(18)*

Kemudian Al-Qur'an mengemukakan kepada mereka satu contoh dari contoh-contoh keta'atan dan ibadat sebagai bandingan dengan penderhakaan dan ketidak pedulian mereka, iaitu contoh keta'atan makhluk-makhluk yang lebih hampir dari mereka kepada Allah, tetapi walaupun mereka hampir kepada Allah, namun mereka begitu tekun menunjukkan keta'atan dan mengerjakan ibadat, tanpa pernah lemah dan cuai:

وَلَهُۥ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَمَنْ عِندَهُۥ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِۦ وَلَا يَسْتَحْسِرُونَ ﴿١٩﴾ يُسَبِّحُونَ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ لَا يَفْتُرُونَ ﴿٢٠﴾

*"Dan Dia memiliki sekalian penghuni langit dan bumi. Dan makhluk (malaikat) yang berada di sisi-Nya tidak pernah merasa sombong untuk beribadat kepada-Nya dan tidak pernah merasa lemah (19). Mereka beribadat malam dan siang tanpa berhenti-henti."(20)*

Tiada siapa yang mengetahui penghuni langit dan bumi melainkan Allah. Tiada siapa yang mengetahui bilangan mereka melainkan Allah. Ilmu manusia tidak yakin kecuali kepada kewujudan manusia sahaja, tetapi orang-orang yang beriman yakin kepada kewujudan malaikat dan jin kerana kedua-duanya disebut di dalam Al-Qur'an, tetapi kita tidak dapat mengetahui hakikat mereka melainkan sekadar apa yang diceritakan Allah Pencipta mereka. Mungkin di sana ada makhluk-makhluk yang lain dari mereka yang berakal, yang mendiami planet-planet yang lain dari bumi ini. Mereka mempunyai tabi'at dan rupa bentuk yang sesuai dengan tabi'at planet-planet itu. Hanya Allah sahaja yang mengetahui hal ini.

Apabila kita membaca ayat:

وَلَهُۥ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ

*"Dan Dia memiliki sekalian penghuni langit dan bumi"(19)*

maka kita hanya mengetahui mana-mana makhluk (malaikat) yang kita ketahui sahaja, dan kita serahkan makhluk-makhluk (malaikat) yang kita tidak

mengetahui kepada ilmu Allah Pencipta langit, bumi dan para penghuninya.

وَمَنْ عِندَهُۥ

*"Dan makhluk (malaikat) yang berada di sisi-Nya"(19)*

pengertian yang dekat dari ayat ini ialah para malaikat, tetapi Kami tidak mahu menentu dan mengikatkan pengertiannya kerana ayat ini umum meliputi malaikat dan makhluk-makhluk yang lain. Kata-kata *"di sisi"* yang dihubungkan kepada Allah tidak bererti tempat dan tidak pula menentukan sesuatu sifat.

وَمَنْ عِندَهُۥ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِۦ وَلَا
يَسْتَحْسِرُونَ ﴿١٩﴾

*"Dan makhluk (malaikat) yang berada di sisi-Nya tidak pernah merasa sombong untuk beribadat kepada-Nya dan tidak pernah merasa lemah."(19)*

Mereka tidak sombong seperti orang-orang Musyrikin dan tidak pula merasa lemah mengerjakan ibadat. Seluruh hidup mereka dipenuhi ibadat dan tasbih siang dan malam tanpa putus-putus dan tanpa lemah.

Makhluk manusia juga boleh menjadikan seluruh hidup mereka penuh ibadat tanpa menumpukan kegiatan mereka kepada tasbih dan ibadat seperti para malaikat, kerana Islam mengira setiap harakat dan setiap nafas itu ibadat apabila seseorang itu bertawajjuh kepada Allah dengan harakat dan nafas itu walaupun harakat itu dalam bentuk kegiatan meni'mati ni'mat-ni'mat hidup.

* * * * * *

### (Pentafsiran ayat-ayat 21 - 25)

#### *Konsep Wahdaniyah Allah*

Dalam suasana tasbih yang tidak pernah lemah dan putus kepada Allah yang memiliki langit, bumi dan seluruh penghuninya, Al-Qur'an mengecam kaum Musyrikin dan mengecam perbuatan mereka menyembah tuhan-tuhan yang lain. Di samping itu ia mengemukakan dalil wahdaniyah yang dapat disaksikan di dalam peraturan dan undang-undang alam buana yang sama, yang menunjukkan kepada Pentadbirnya yang sama, juga dalil-dalil Wahdaniyah yang diambil dari kitab-kitab suci yang silam, yang wujud di kalangan Ahlil-Kitab:

أَمِ ٱتَّخَذُوٓا۟ ءَالِهَةً مِّنَ ٱلْأَرْضِ هُمْ يُنشِرُونَ ﴿٢١﴾
لَوْ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَا ۚ فَسُبْحَـٰنَ ٱللَّهِ
رَبِّ ٱلْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٢٢﴾
لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

أَمِ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً ۖ قُلْ هَاتُوا۟ بُرْهَـٰنَكُمْ ۖ
هَـٰذَا ذِكْرُ مَن مَّعِىَ وَذِكْرُ مَن قَبْلِى ۗ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا
يَعْلَمُونَ ٱلْحَقَّ ۖ فَهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٢٤﴾
وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِىٓ إِلَيْهِ
أَنَّهُۥ لَآ إِلَـٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعْبُدُونِ ﴿٢٥﴾

*"Apakah mereka memilih tuhan-tuhan dari bumi yang dapat menghidupkan orang-orang yang mati?(21) Andainya di langit dan di bumi itu ada tuhan-tuhan selain Allah nescaya kedua-duanya akan musnah binasa, maka Maha Sucilah Allah yang mempunyai 'Arasy dari sifat-sifat yang tidak wajar yang disifatkan mereka (22) Dia tidak ditanya segala apa yang dilakukan-Nya tetapi mereka akan ditanya (segala apa yang dilakukan mereka) (23) Apakah mereka memilih tuhan-tuhan selain Allah? Katakanlah: Bawakanlah dalil-dalil kamu. Kitab Al-Qur'an ini menyebut cerita orang-orang yang semasa denganku di samping menyebut cerita para rasul sebelumku, malah kebanyakan mereka tidak mengetahui 'aqidah yang benar, maka kerana itu mereka berpaling dari-Nya (24) Dan tiada seorang rasul pun yang Kami utuskan sebelummu melainkan Kami wahyukan kepadanya bahawa sesungguhnya tiada Tuhan selain Aku sahaja. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepada-Ku."(25)*

Pertanyaan terhadap perbuatan mereka menyembah tuhan-tuhan yang lain adalah satu pertanyaan untuk mengecam mereka. Cara Al-Qur'an menyifatkan tuhan-tuhan itu sebagai tuhan yang berkuasa menghidupkan orang-orang yang mati itu merupakan suatu ejekan terhadap tuhan-tuhan yang disembahkan mereka, kerana di antara sifat-sifat utama Tuhan yang sebenar ialah Dia berkuasa membangkitkan orang-orang yang mati dari dalam bumi, maka apakah tuhan-tuhan yang disembahkan mereka itu juga berkuasa berbuat demikian? Tentulah tidak, dan mereka juga tidak berani mendakwa bahawa tuhan-tuhan itu berkuasa menciptakan hayat atau mengulangi hayat. Jadi jelaslah bahawa tuhan-tuhan itu tidak mempunyai sifat utama dari sifat-sifat Allah yang sebenar.

Itulah logik alam kenyataan yang dilihat di bumi, dan di sana terdapat pula satu dalil kebuanaan yang diambil dari realiti alam al-wujud:

لَوْ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَا ۚ

*"Andainya di langit dan di bumi itu ada tuhan-tuhan selain Allah nescaya kedua-duanya akan musnah binasa."(22)*

Alam buana ditegakkan di atas satu undang-undang yang mengikatkan seluruh bahagiannya dan menyelaraskan di antara semua bahagiannya di samping menyelaraskan di antara harakat bahagian-bahagian ini dengan harakat majmu' yang teratur. Undang-undang yang tunggal ini adalah dari ciptaan iradat yang tunggal bagi Tuhan Yang Tunggal.

Andainya tuhan-tuhan itu berbilang-bilang tentulah iradat juga berbilang-bilang dan akibatnya undang-undang juga turut beraneka ragam kerana iradat itu merupakan gejala dari zat yang mempunyai iradat dan undang-undang itu merupakan gejala dari iradat yang lulus, dan tentulah tidak wujud kesatuan yang mengatur seluruh jentera alam ini tidak wujud yang menyatukan perjalanannya, hala tujuannya dan gerak lakunya, dan tentulah kekacauan dan kerosakan akan berlaku akibat tidak wujudnya keselarasan gerak laku alam buana yang dapat dilihat dengan jelas dan tidak pernah diingkar oleh manusia yang paling kuat tidak percayakan kewujudan Tuhan, kerana keselarasan ini terpampang di alam realiti dan dapat dirasakan oleh pancaindera.

Fitrah yang sihat yang menyambut dan menerima kesan undang-undang yang tunggal bagi seluruh alam buana ini tetap membuat pengakuan semulajadi terhadap keesaan undang-undang ini, terhadap keesaan iradat yang menciptakan undang-undang ini dan terhadap keesaan Pencipta dan Pentadbir alam yang teratur rapi ini, di mana struktur kejadiannya tidak pernah rosak dan perjalanannya tidak pernah kacau:

فَسُبْحَٰنَ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٢٢﴾

*"Maha Sucilah Allah yang mempunyai 'Arasy dari sifat-sifat yang tidak wajar yang disifatkan mereka."(22)*

Mereka menyifatkan Allah mempunyai sekutu-sekutu. Maha Sucilah Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Berkuasa itu dari segala sekutu. Dia adalah Tuhan yang *"mempunyai 'Arasy"* dan 'Arasy itu adalah lambang dari kekuasaan dan penguasaan penuh. Maha Sucilah Allah dari segala sifat-sifat yang disifatkan mereka. Seluruh alam buana yang teratur rapi dan bersih dari segala kekacauan dan kerosakan itu menyaksikan segala apa yang dikatakan mereka adalah dusta belaka.

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

*"Dia tidak ditanya segala apa yang dilakukan-Nya tetapi mereka akan ditanyai (segala apa yang dilakukan mereka)."(23)*

Bilakah Tuhan yang berkuasa penuh di atas seluruh alam buana ini dipersoalkan? Dan siapakah yang akan menyoalnya? Sedangkan Dia berkuasa di atas seluruh hamba-Nya dan iradat-Nya bebas dan berkuatkuasa yang tidak pernah dibatas oleh kehendak iradat yang lain walaupun dari kehendak undang-undang yang dipilihnya sendiri sebagai pengendali yang mengatur perjalanan alam buana. Soal dan hisab hanya berlaku berdasarkan garis-garis batas dan ukuran-ukuran yang ditentukan, sedangkan iradat Allah yang bebas itulah yang meletakkan seluruh garis-garis batasan dan ukuran-ukuran itu, dan ia tidak terikat dengan garis-garis batasan dan ukuran yang ditetapkan untuk alam buana ini melainkan pastilah mengikut bagaimana kehendak-Nya, dan seluruh manusia adalah dipertanggungjawabkan terhadap garis-garis batasan yang telah ditentukan Allah dan merekalah yang akan ditanyakan kelak.

Kadang-kadang manusia yang dikongkong oleh perasaan takbur itu mengemukakan pertanyaan yang sombong dan hairan, mengapakah Allah buat begini? Apakah tujuan Dia berbuat begitu? Seolah-olah mereka mahu berkata bahawa mereka tidak nampak apa-apa hikmat dan tujuan dari ciptaan Allah itu.

Pertanyaan ini membawa erti bahawa mereka telah melampaui batas adab susila yang wajib terhadap Tuhan yang disembah. Begitu juga mereka telah melampaui batas-batas kefahaman manusia yang lemah, yang tidak mengetahui segala faktor, segala sebab dan segala tujuan, kerana daya kefahaman mereka terbatas dalam ruang lingkupnya yang terhad sahaja.

Hanya Allah yang mengetahui segala sesuatu, yang mentadbir segala sesuatu dan menguasai segala sesuatu itulah jua yang berkuasa mengatur, mentadbir dan memutus.

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

*"Dia tidak ditanya segala apa yang dilakukan-Nya tetapi mereka akan ditanyai (segala apa yang dilakukan mereka)."(23)*

Di samping mengemukakan dalil kebuanaan yang diambil dari tabi'at dan realiti alam al-wujud, Al-Qur'an menyoal mereka tentang dalil naqli yang menjadi landasan mereka di dalam kepercayaan syirik yang tidak berasa itu:

أَمِ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً ۖ قُلْ هَاتُوا۟ بُرْهَٰنَكُمْ ۖ هَٰذَا ذِكْرُ مَن مَّعِىَ وَذِكْرُ مَن قَبْلِى ۗ

*"Apakah mereka memilih tuhan-tuhan selain Allah? Katakanlah: Bawakanlah dalil-dalil kamu. Kitab Al-Qur'an ini menyebut cerita orang-orang yang semasa denganku di samping menyebut cerita para rasul sebelumku."(24)*

Kitab Al-Qur'an ini mengandungi cerita orang-orang yang sezaman dengan Rasulullah s.a.w. juga cerita para Rasul yang terdahulu dari beliau. Tidak ada di dalam ajaran-ajaran yang dibawa oleh mereka cerita sekutu-sekutu Allah, kerana seluruh agama samawi adalah ditegakkan di atas lunas 'aqidah tauhid belaka, maka dari manakah kaum Musyrikin itu mengambil kepercayaan syirik yang ditolak oleh tabi'at alam buana ini dan tidak mempunyai sebarang dalil dari kitab-kitab yang telah silam?

بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ٱلْحَقَّ ۖ فَهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٢٤﴾ وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِىٓ إِلَيْهِ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعْبُدُونِ ﴿٢٥﴾

*"Malah kebanyakan mereka tidak mengetahui 'aqidah yang benar, maka kerana itu mereka berpaling dari-Nya.(24) Dan tiada seorang rasul pun yang Kami utuskan sebelummu*

*melainkan Kami wahyukan kepadanya bahawa sesungguhnya tiada Tuhan selain Aku sahaja. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepada-Ku."(25)*

Kepercayaan tauhid merupakan asas 'aqidah sejak Allah mengutuskan para rasul-Nya kepada manusia, dan 'aqidah ini tidak pernah berubah dan dipinda, iaitu mentauhidkan Tuhan Pencipta di samping mentauhidkan Tuhan yang disembah. Tiada perpisahan di antara Uluhiyah dan Rububiyah dan tiada ruang syirik dalam Uluhiyah dan Ubudiyah. Kepercayaan tauhid merupakan asas yang teguh, iaitu seteguh undang-undang alam buana dan ia berhubung rapat dengan undang-undang alam buana dan merupakan salah satu dari undang-undang itu.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 29)**

Kemudian Al-Qur'an membentangkan dakwaan kaum Musyrikin Arab yang mengatakan bahawa Allah mempunyai anak. Inilah salah satu kepercayaan jahiliyah yang karut:

وَقَالُوا اتَّخَذَ الرَّحْمَٰنُ وَلَدًا ۗ سُبْحَانَهُ ۚ بَلْ عِبَادٌ مُّكْرَمُونَ ﴿٢٦﴾ لَا يَسْبِقُونَهُ بِالْقَوْلِ وَهُم بِأَمْرِهِ يَعْمَلُونَ ﴿٢٧﴾ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يَشْفَعُونَ إِلَّا لِمَنِ ارْتَضَىٰ وَهُم مِّنْ خَشْيَتِهِ مُشْفِقُونَ ﴿٢٨﴾ وَمَن يَقُلْ مِنْهُمْ إِنِّي إِلَٰهٌ مِّن دُونِهِ فَذَٰلِكَ نَجْزِيهِ جَهَنَّمَ ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِي الظَّالِمِينَ ﴿٢٩﴾

*"Dan mereka berkata: Allah Maha Penyayang itu mempunyai anak. Maha Sucilah Allah, malah mereka (malaikat-malaikat yang dikatakan anak -anak Allah itu) adalah para hamba-Nya yang dimuliakan (26) Mereka tidak mendahului-Nya dengan mengemukakan cadangan dan mereka menjunjung segala perintah-Nya (27) Allah mengetahui segala apa yang ada di hadapan mereka dan segala apa yang ada di belakang mereka dan mereka tidak memberi syafa'at melainkan kepada orang yang diredhai-Nya dan mereka sentiasa berwaspada kerana takut kepada-Nya (28) Dan barang siapa di antara mereka yang berkata: Akulah tuhan selain Allah, maka Kami akan balaskannya dengan Neraka Jahannam. Demikianlah Kami membalas golongan yang zalim."(29)*

***Kepercayaan Tuhan Mempunyai Anak***

Dakwaan yang mengatakan bahawa Allah S.W.T. mempunyai anak itu telah mengambil beberapa bentuk kepercayaan di dalam berbagai-bagai masyarakat jahiliyah. Di sisi kaum Musyrikin Arab ia terkenal dalam bentuk kepercayaan malaikat itu puteri Allah, dan di sisi kaum Musyrikin Yahudi pula ia terkenal dalam bentuk kepercayaan 'Uzayr itu anak Allah dan di sisi kaum Musyrikin Kristian ia terkenal dalam bentuk kepercayaan 'Isa itu anak Allah. Semuanya merupakan kepercayaan-kepercayaan sesat jahiliyah di dalam berbagai-bagai bentuk rupa dan zaman.

Tetapi yang difahamkan bahawa dakwaan yang dimaksudkan oleh penjelasan ayat di sini ialah dakwaan kaum Musyrikin Arab yang mengatakan malaikat itu puteri Allah. Al-Qur'an menolak kepercayaan itu dengan menerangkan tabi'at kejadian malaikat. Mereka bukannya puteri-puteri Allah sebagaimana yang didakwa mereka, malah mereka hanya ((عباد مكرمون)) *"para hamba-Nya yang dimuliakan"* di sisi Allah. Mereka tidak pernah mencadang atau mengusulkan sesuatu kepada Allah kerana mereka memelihara adab sopan dan menjaga sifat mereka yang sentiasa patuh dan memuliakan Allah. Mereka hanya bertindak melaksanakan perintah Allah dan tidak pernah membantahinya. Seluruh mereka berada dalam ruang lingkup ilmu Allah. Mereka tidak memohon syafa'at melainkan untuk orang-orang yang diredhai Allah, iaitu orang-orang yang Allah bersetuju menerima syafa'at untuk mereka. Mereka dengan tabi'at semulajadi mereka sentiasa takut kepada Allah dan bimbangkan kemurkaan-Nya walaupun kedudukan mereka amat hampir kepada Allah dan walaupun mereka suci dan sentiasa ta'at, iaitu keta'atan yang tidak berbelah bahagi dan tidak pernah menyeleweng. Mereka tidak pernah mendakwa mempunyai sifat-sifat ketuhanan, dan andainya mereka pernah mendakwakannya tentulah mereka telah menerima balasan orang-orang yang berani mendakwa ketuhanan walaupun siapa sahaja, iaitu balasan Neraka Jahannam. Itulah balasan orang-orang yang zalim yang membuat dakwaan yang zalim ini terhadap setiap yang benar, setiap manusia dan setiap sesuatu di alam buana ini.

Demikianlah dakwaan kaum Musyrikin dalam bentuk kepercayaan ini kelihatan amat lemah, keji, mustahil dan tidak pernah didakwa oleh seseorang pun. Dan andainya ada orang yang mendakwakannya tentulah dia akan mendapat balasannya yang amat pedih.

Demikianlah Al-Qur'an menyentuh hati manusia dengan pemandangan malaikat yang patuh setia dan takut kepada Allah, sedangkan kaum Musyrikin masih terus bercakap lancang dan membuat dakwaan-dakwaan yang bukan-bukan.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 33)**

Setelah selesai membentangkan dalil-dalil kebuanaan (الأدلة الكونية) yang membuktikan keesaan Allah dan dalil-dalil naqli (الأدلة النقلية) yang menolak konsep berbilang tuhan dan dalil-dalil wahdaniyah yang menyentuh hati manusia, ia membawa pula hati manusia menjelajah alam buana yang amat luas, di mana qudrat Allah mentadbirkannya dengan penuh

kebijaksanaan, sedangkan mereka tidak menghiraukan bukti-bukti kekuasaan Allah yang tersergam di hadapan mata dan hati itu:

أَوَلَمْ يَرَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَنَّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَٰهُمَا ۖ وَجَعَلْنَا مِنَ ٱلْمَآءِ كُلَّ شَىْءٍ حَىٍّ ۖ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

وَجَعَلْنَا فِى ٱلْأَرْضِ رَوَٰسِىَ أَن تَمِيدَ بِهِمْ وَجَعَلْنَا فِيهَا فِجَاجًا سُبُلًا لَّعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ﴿٣١﴾

وَجَعَلْنَا ٱلسَّمَآءَ سَقْفًا مَّحْفُوظًا ۖ وَهُمْ عَنْ ءَايَٰتِهَا مُعْرِضُونَ ﴿٣٢﴾

وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ ۖ كُلٌّ فِى فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٣٣﴾

*"Apakah orang-orang kafir itu tidak mengetahui bahawa langit dan bumi itu pada asalnya merupakan satu benda yang padu lalu Kami pisahkan di antara keduanya, dan Kami jadikan dari air segala makhluk yang hidup. Mengapakah mereka tidak beriman? (30) Dan Kami telah ciptakan di bumi gunung-ganang yang teguh supaya ia tidak menggoncangkan mereka dan Kami jadikan padanya lorong-lorong sebagai jalan-jalan laluan supaya mereka dapat berjalan dengan betul (31) Dan Kami telah ciptakan langit sebagai bumbung yang terpelihara, sedangkan mereka berpaling dari bukti-bukti (kekuasaan kami) (32) Dan Dialah yang telah menciptakan malam dan siang, matahari dan bulan dan semuanya terapung-apung di tempat peredaran masing-masing."(33)*

### *Asal-usul Kejadian Langit Dan Bumi Di Antara Al-Qur'an Dan Teori Ilmiyah*

Itulah penjelajahan di alam buana yang terpampang di hadapan mata, sedangkan hati manusia lalai dari meneliti dalil-dalil alam buana yang besar walaupun di sana terdapat bukti-bukti yang mengkagumkan apabila direnungi dengan mata hati nurani yang terbuka dan dengan perasaan yang penuh sedar.

Penjelasan Al-Qur'an yang menyatakan bahawa langit dan bumi itu pada asalnya merupakan satu benda yang padu lalu Allah pisahkan di antara keduanya, merupakan satu persoalan yang wajar mendapat perhatian yang teliti setiap kali teori-teori ilmu astronomi maju ke depan dalam usaha mentafsirkan gejala-gejala alam buana dan menyentuh sekitar persoalan ini yang telah disebut oleh Al-Qur'anul-Karim sejak lebih dari seribu tiga ratus tahun.

Teori yang wujud hari ini mengatakan bahawa kumpulan-kumpulan bintang seperti kumpulan keluarga matahari (sistem solar) yang terdiri dari matahari dan planet-planetnya seperti bumi dan bulan adalah pada asalnya berupa sekumpulan sadim (سديما) atau nebula, kemudian berpisah dan mengambil bentuknya yang bulat, juga mengatakan bahawa bumi pada asalnya adalah sepotongan dari matahari kemudian berpisah darinya dan membeku.

Tetapi ini hanya suatu teori ilmu astronomi sahaja yang mantap pada hari ini, dan mungkin besok teori ini disangkal teori yang lain dan satu teori baru akan muncul mentafsirkan gejala-gejala alam dengan satu andaian yang lain pula, yang kemudian akan berubah menjadi suatu teori.

Kita para penganut agama Islam tidak akan mentafsirkan ayat dari Al-Qur'an yang diyakinkan kebenarannya ini mengikut teori-teori yang tidak diyakini kebenarannya. Walaupun ia diterima hari ini tetapi besok ia mungkin ditolak pula. Oleh sebab itu di dalam Tafsir Fi Zilal ini kami tidak cuba menyesuaikan di antara nas-nas Al-Qur'an dengan teori-teori yang dikatakan bersifat ilmiyah, kerana teori-teori ini merupakan suatu perkara yang berlainan dari hakikat-hakikat ilmiyah yang kukuh dan boleh diuji seperti hakikat pengembangan logam-logam dengan sebab panas, hakikat perubahan air menjadi wap dan hakikat pembekuan air dengan sebab sejuk dan sebagainya dari hakikat-hakikat ilmiyah yang lain. Hakikat-hakikat ilmiyah ini merupakan suatu perkara yang berlainan dari teori-teori ilmiyah sebagaimana kami telah nyatakan sebelum ini di dalam Tafsir Fi Zilal ini.

Al-Qur'an bukannya sebuah kitab teori-teori ilmiyah dan ia juga tidak diturunkan supaya menjadi buku sains ujian, malah Al-Qur'an ialah sebuah sistem untuk seluruh bidang kehidupan, sebuah sistem untuk membetulkan akal fikiran manusia supaya ia bertindak dan bergiat dalam batas-batasnya yang wajar, juga untuk membetulkan masyarakat supaya membenarkan akal bertindak dengan bebasnya tanpa mencampuri dalam butir-butir dan perincian-perincian yang bersifat ilmiyah semata-mata kerana persoalan ini adalah ditinggalkan kepada tugas akal setelah ia dibetul dan dibebaskan.

Al-Qur'an kadang-kadang memberi isyarat kepada hakikat-hakikat alam buana seperti hakikat yang dijelaskan di dalam ayat ini:

أَنَّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَٰهُمَا ۖ

*"Bahawa langit dan bumi itu pada asalnya merupakan satu benda yang padu lalu Kami pisahkan di antara keduanya"(30)*

kita percaya dengan penuh keyakinan kepada hakikat ini semata-mata kerana ia dijelaskan didalam Al-Qur'an. Walaupun kita tidak mengetahui bagaimana langit dan bumi itu dipisahkan atau bagaimana langit itu dipisahkan dari bumi dan kita bersedia menerima teori-teori falak yang tidak bertentangan dengan hakikat yang dijelaskan secara umum di dalam Al-Qur'an, tetapi kita tidak akan membawa nas-nas Al-Qur'an itu berkejar-kejar di belakang setiap teori astronomi dan kita tidak mencari pengesahan

terhadap hakikat -hakikat yang diterangkan Al-Qur'an di dalam teori-teori manusia, kerana hakikat yang diterangkan Al-Qur'an itu adalah hakikat yang diyakini kebenarannya. Pendeknya apa yang dapat dikatakan di sini ialah teori-teori astronomi yang wujud pada hari ini tidak bertentangan dengan konsep umum yang dikemukakan oleh nas Al-Qur'an yang telah mendahului teori itu berabad-abad lamanya.

Separuh yang kedua dari ayat ini:

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ

*"Dan Kami jadikan dari air segala makhluk yang hidup."(30)*

juga menjelaskan satu hakikat yang amat penting. Ahli-ahli sains mengirakan penemuan hakikat ini sebagai satu penemuan yang amat besar dan mereka memberi sanjungan yang tinggi kepada Darwin kerana berjaya menemui hakikat ini dan menjelaskan bahawa air itulah buaian hayat yang pertama.

Hakikat ini sebenarnya amat menarik perhatian walaupun penerangannya di dalam Al-Qur'anul-Karim tidak melahirkan rasa ketakjuban di dalam jiwa kita dan tidak menambahkan lagi keyakinan kita terhadap kebenaran Al-Qur'an, kerana keyakinan penuh kita terhadap kebenaran mutlak Al-Qur'an dalam segala hakikat yang diterangkannya adalah diambil dari kepercayaan kita bahawa Al-Qur'an itu adalah diturunkan dari sisi Allah, bukannya kerana ia bersesuaian dengan teori-teori atau penemuan-penemuan sains. Apa yang dapat kita katakan di sini ialah teori evolusi Darwin dan kuncu-kuncunya mengenai perkara ini khususnya . adalah tidak bertentangan dengan konsep yang diterangkan Al-Qur'an.

Sejak lebih dari tiga belas abad Al-Qur'anul-Karim menarik perhatian orang-orang kafir supaya meneliti keajaiban-keajaiban ciptaan Allah di alam buana ini, dan membidas sikap mereka yang tidak mahu beriman kepada-Nya, sedangkan mereka melihat bukti-buktinya yang jelas bertaburan di merata pelosok alam al-wujud:

أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

*"Mengapakah mereka tidak beriman?"(30)*

Sedangkan bukti-bukti di sekeliling mereka di alam buana boleh membawa mereka kepada keimanan terhadap Allah Tuhan Yang Maha Pencipta, Maha Pentadbir dan Maha Bijaksana.

Kemudian Al-Qur'an terus membentangkan pemandangan-pemandangan alam yang amat mengkagumkan:

وَجَعَلْنَا فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَنْ تَمِيدَ بِهِمْ

*"Dan Kami telah ciptakan di bumi gunung-ganang yang teguh supaya ia tidak mengoncangkan mereka."(31)*

***Fungsi Gunung-ganang***

Di sini Al-Qur'an menjelaskan bahawa gunung-ganang yang teguh ini adalah berfungsi untuk memelihara imbangan bumi supaya tidak bergoncang dan terumbang-ambing. Pemeliharaan imbangan itu terlaksana di dalam berbagai-bagai bentuk. Ia mungkin memelihara imbangan di antara tekanan luaran permukaan bumi dengan tekanan dalaman perut bumi yang berlainan dari satu kawasan ke satu kawasan, iaitu kemunculan gunung-ganang di suatu kawasan mungkin mengimbangkan kerendahan bumi di kawasan yang lain. Walau bagaimanapun ayat ini menjelaskan bahawa gunung-ganang itu mempunyai hubungan dengan imbangan bumi dan kemantapannya. Marilah kita tinggalkan sahaja persoalan ini kepada kajian-kajian ilmiyah untuk menyingkapkan bagaimana cara imbangan itu berlaku kerana inilah bidang semulajadinya, dan cukuplah untuk kita mendapat dari nas Al-Qur'an ini sentuhan kesedaran dan rangsangan untuk berfikir dan meneliti ciptaan qudrat Ilahi Yang Maha Kreatif yang mentadbirkan alam buana yang amat besar ini.

وَجَعَلْنَا فِيهَا فِجَاجًا سُبُلًا لَعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ﴿٣١﴾

*"Dan Kami jadikan padanya lorong-lorong sebagai jalan-jalan laluan supaya mereka dapat berjalan dengan betul."(31)*

Al-Qur'an menyebut lorong-lorong gunung-ganang, iaitu lorong-lorong di antara banjaran-banjarannya yang tinggi yang boleh dijadikan jalan-jalan laluan. Di samping lorong-lorong yang disebut dalam ayat ini menggambarkan keadaan yang sebenar di alam kenyataan, maka ia juga secara halus menunjukkan kepada lorong-lorong di alam 'aqidah semoga mereka menemui lorong-lorong dan jalan-jalan yang membawa mereka kepada keimanan sebagaimana mereka menemui lorong-lorong dan jalan-jalan di gunung-ganang.

وَجَعَلْنَا السَّمَاءَ سَقْفًا مَحْفُوظًا

*"Dan Kami telah ciptakan langit sebagai bumbung yang terpelihara."(32)*

Istilah langit ialah segala sesuatu yang berada di atas kita dan kita dapat melihat di atas kita sesuatu yang seakan-akan bumbung. Al-Qur'an menjelaskan bahawa langit itu adalah bumbung yang terpelihara, yakni terpelihara dari segala kerosakan dengan sebab wujudnya undang-undang alam buana yang amat halus, dan terpelihara dari segala kecemaran sebagai lambang tempat yang tinggi, di mana turunnya ayat-ayat pengajaran dari Allah:

وَهُمْ عَنْ آيَاتِهَا مُعْرِضُونَ ﴿٣٢﴾

*"Sedangkan mereka berpaling dari bukti-bukti (kekuasaan Kami)."(32)*

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٣٣﴾

*"Dan Dialah yang telah menciptakan malam dan siang, matahari dan bulan, dan semuanya terapung-apung di tempat peredaran masing-masing."(33)*

Malam dan siang merupakan dua gejala alam. Matahari dan bulan merupakan dua jirim yang besar, yang mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan manusia di bumi dan seluruh makhluk yang hidup. Penelitian di sekitar pertukaran malam dan siang dan di sekitar peredaran matahari dan bulan dengan peraturan yang amat halus dan tidak pernah mungkir walau sekalipun serta berterusan tanpa berhenti walau sesa'at pun, adalah wajar menyedarkan hati manusia kepada keesaan undang-undang alam, keesaan iradat dan keesaan Tuhan Pencipta, Pentadbir Yang Maha Berkuasa.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 34 - 35)**

Pada akhir pusingan ini, Al-Qur'an menghubungkan di antara undang-undang buana dari segi penciptaannya, struktur kejadiannya dan pengendaliannya dengan undang-undang hidup manusia dari segi tabi'atnya, kesudahannya dan tempat kembalinya:

وَمَا جَعَلْنَا لِبَشَرٍ مِّن قَبْلِكَ الْخُلْدَ ۖ أَفَإِن مِّتَّ فَهُمُ الْخَالِدُونَ ﴿٣٤﴾

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ۗ وَنَبْلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً ۖ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

*"Dan Kami tidak pernah jadikan seorang manusia pun sebelummu yang hidup kekal (di dunia), maka apakah jika engkau mati (wahai Muhammad) mereka akan hidup kekal? (34) Setiap yang bernyawa akan merasai mati, dan Kami akan menduga kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai suatu ujian, dan kepada Kami seluruh kamu akan dikembalikan."(35)*

***Setiap Yang Hidup Berakhir Dengan Maut***

Kami tidak pernah menciptakan seorang manusia yang hidup kekal abadi sebelummu, kerana setiap makhluk yang baru akan mati dan musnah belaka dan setiap sesuatu yang mempunyai titik permulaan akan berakhir dengan titik penghabisan. Dan jika Rasulullah s.a.w. itu mati, maka apakah mereka akan hidup kekal abadi? Dan jika mereka tidak akan hidup kekal, maka mengapakah mereka tidak beramal dengan amalan orang-orang yang akan mati? Mengapakah mereka tidak berfikir dan mengambil pengajaran?

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ۗ

*"Setiap yang bernyawa akan merasai mati"(35)*

Inilah undang-undang alam yang menguasai hayat. Undang-undang ini tidak memberi sebarang pengecualian. Alangkah wajar bagi setiap manusia yang hidup membuat perhitungan mati yang akan dirasainya.

Itulah mati yang menjadi titik penghabisan kepada setiap yang hidup dan merupakan perhentian akhir bagi perjalanan hidup yang pendek di dunia ini. Dan seluruh mereka akan pulang kepada Allah. Kebaikan dan keburukan yang menimpa manusia di dalam masa perjalanan merupakan ujian dan dugaan Allah kepada mereka:

*"Dan Kami akan menduga kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai suatu ujian."(35)*

***Allah Menguji Manusia Dengan Kesusahan Dan Kesenangan***

Ujian dengan keburukan atau kesusahan itu dapat dimengertikan dengan mudah, kerana tujuan ujian itu untuk mengetahui sejauh mana kesabaran dan ketahanan orang yang diuji, tetapi ujian dengan kebaikan atau kesenangan itu memerlukan kepada suatu penjelasan.

Sebenarnya ujian dengan kebaikan dan kesenangan itu lebih berat kesannya walaupun manusia melihatnya lebih mudah dari ujian dengan keburukan dan kesusahan.

Ramai orang yang tahan menghadapi ujian dengan keburukan dan kesusahan, tetapi amat sedikit orang yang tahan menghadapi ujian dengan kebaikan dan kesenangan.

Ramai orang-orang yang tabah menghadapi ujian kesakitan dan kelemahan, tetapi sangat sedikit orang yang tahan menghadapi ujian kesihatan dan kekuasaan dan berupaya menahan kekuatan nafsunya yang berkecamuk dalam diri dan sendi tulang anggota-anggota mereka.

Ramai orang yang mampu bersabar menghadapi kesusahan kerana kemiskinan dan penafian, di mana hati mereka terus gagah dan tidak tumbang dan melutut hina, tetapi sangat sedikit mereka yang tahan menghadapi gugatan kekayaan dan keberadaan dan godaan-godaan kesenangan, keni'matan, nafsu keinginan dan kemahuan-kemahuan yang tamak yang dirangsangkan kekayaan dan keberadaan itu.

Ramai orang-orang yang tahan menerima penderaan dan penindasan. Mereka tidak takut menghadapinya, mereka dapat bersabar menerima ancaman, ugutan dan tidak gentar berdepan dengannya, tetapi sangat sedikit orang yang tahan menghadapi godaan keinginan nafsu, pangkat kebesaran, kesenangan dan kekayaan.

Ramai orang-orang yang tahan berjuang dan mendapat kecederaan, tetapi sangat sedikit yang tahan menghadapi kemewahan dan keseronokan, kemudian tidak pula ditimpa penyakit tamak yang membinasakan seseorang dan penyakit senang yang

mematahkan segala hemah yang tinggi dan merendahkan jiwa.

Ujian dengan kesusahan kadang-kadang menimbulkan perasaan megah dan merangsangkan semangat melawan atau daya juang dan mengemblengkan kekuatan urat saraf hingga seluruh kekuatannya dikerah untuk menentang dan mengatasi kesusahan itu, tetapi kesenangan hidup akan membuat seseorang itu mempunyai urat saraf yang kendur dan lemah dan menyebabkannya hilang daya waspada dan daya melawan.

Justeru itulah ramai orang-orang yang berjaya melintasi peringkat kesusahan, tetapi apabila mereka hidup senang lenang, maka mereka akan gugur dalam ujian itu. Itulah keadaan manusia kecuali mereka yang dipeliharakan Allah. Mereka merupakan golongan yang disifatkan Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya yang berikut:

عجباً لأمر المؤمن إن أمره كله خير، وليس ذلك لأحد إلا للمؤمن ، إن أصابته سراء شكر فكان خيراً له ، وإن أصابته ضراء صبر فكان خيراً له

*"Keadaan orang yang beriman itu amatlah menarik, kerana seluruh keadaannya baik belaka. Keadaan itu tidak diperolehi sesiapa pun melainkan oleh orang yang beriman sahaja, iaitu jika dia mendapat kesenangan, dia bersyukur, maka kesyukuran itu memberi kebajikan kepadanya, dan jika dia ditimpa kesusahan, dia bersabar, maka kesabaran itu memberi kebajikan kepadanya"* [2]

..... golongan ini sangat sedikit!.

Oleh itu kesedaran jiwa semasa diuji dengan kesenangan itu adalah lebih baik dari kesedarannya semasa diuji dengan kesusahan. Dan hubungan yang tidak putus dengan Allah semasa kesusahan dan kesenangan itu merupakan satu-satunya jaminan kebaikan.

**(Kumpulan ayat-ayat 36 - 47)**

وَإِذَا رَءَاكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِن يَتَّخِذُونَكَ إِلَّا هُزُوًا أَهَٰذَا ٱلَّذِى يَذْكُرُ ءَالِهَتَكُمْ وَهُم بِذِكْرِ ٱلرَّحْمَٰنِ هُمْ كَٰفِرُونَ ﴿٣٦﴾ خُلِقَ ٱلْإِنسَٰنُ مِنْ عَجَلٍ سَأُو۟رِيكُمْ ءَايَٰتِى فَلَا تَسْتَعْجِلُونِ ﴿٣٧﴾ وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٣٨﴾ لَوْ يَعْلَمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ حِينَ لَا يَكُفُّونَ عَن وُجُوهِهِمُ ٱلنَّارَ وَلَا عَن ظُهُورِهِمْ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٣٩﴾ بَلْ تَأْتِيهِم بَغْتَةً فَتَبْهَتُهُمْ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ رَدَّهَا وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ ﴿٤٠﴾ وَلَقَدِ ٱسْتُهْزِئَ بِرُسُلٍ مِّن قَبْلِكَ فَحَاقَ بِٱلَّذِينَ سَخِرُوا۟ مِنْهُم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٤١﴾ قُلْ مَن يَكْلَؤُكُم بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ مِنَ ٱلرَّحْمَٰنِ ۗ بَلْ هُمْ عَن ذِكْرِ رَبِّهِم مُّعْرِضُونَ ﴿٤٢﴾ أَمْ لَهُمْ ءَالِهَةٌ تَمْنَعُهُم مِّن دُونِنَا ۚ لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَ أَنفُسِهِمْ وَلَا هُم مِّنَّا يُصْحَبُونَ ﴿٤٣﴾ بَلْ مَتَّعْنَا هَٰٓؤُلَآءِ وَءَابَآءَهُمْ حَتَّىٰ طَالَ عَلَيْهِمُ ٱلْعُمُرُ ۗ أَفَلَا يَرَوْنَ أَنَّا نَأْتِى ٱلْأَرْضَ نَنقُصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَآ ۚ أَفَهُمُ ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿٤٤﴾ قُلْ إِنَّمَآ أُنذِرُكُم بِٱلْوَحْىِ ۚ وَلَا يَسْمَعُ ٱلصُّمُّ ٱلدُّعَآءَ إِذَا مَا يُنذَرُونَ ﴿٤٥﴾ وَلَئِن مَّسَّتْهُمْ نَفْحَةٌ مِّنْ عَذَابِ رَبِّكَ لَيَقُولُنَّ يَٰوَيْلَنَآ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٤٦﴾ وَنَضَعُ ٱلْمَوَٰزِينَ ٱلْقِسْطَ لِيَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْـًٔا ۖ وَإِن كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا ۗ وَكَفَىٰ بِنَا حَٰسِبِينَ ﴿٤٧﴾

*"Dan apabila orang-orang kafir melihatmu, mereka tidak melayanimu melainkan dengan ejekan (mereka berkata): Inikah dia orangnya yang mencelakan tuhan-tuhan kamu, sedangkan mereka menunjukkan kekufuran apabila disebut Allah Yang Maha Penyayang (36). Manusia itu dijadikan dengan tabi'at gopoh. Aku akan memperlihatkan kepada*

---

[2] *Diriwayatkan oleh Muslim dengan sanadnya di dalam bab* الزهد والرقائق

*kamu bukti-bukti kekuasaan-Ku, maka janganlah kamu menggesakanku supaya Allah segerakan 'azab (ke atas kamu) (37). Dan mereka berkata: Bilakah janji 'azab ini jika kamu betul bercakap benar? (38). Andainya orang-orang kafir itu mengetahui ketika mereka tidak berdaya menahankan api Neraka dari menyelar muka dan belakang mereka dan mereka tidak akan diberi pertolongan (tentulah mereka tidak menggesakan kedatangan 'azab itu) (39). Malah 'azab itu akan menimpa mereka secara mendadak menyebabkan mereka menjadi bingung dan tidak mampu menolakkannya dan tidak pula mereka diberi tempoh (40). Sesungguhnya para rasul sebelummu juga telah diejek-ejekkan lalu orang-orang yang mengejek dari golongan mereka itu ditimpakan 'azab kerana ejekan yang dilakukan mereka (41). Katakanlah: Siapakah yang memelihara kamu malam dan siang selain dari Allah Yang Maha Penyayang, malah mereka berpaling dari mengingati Tuhan mereka? (42) Apakah mereka mempunyai tuhan-tuhan yang berkuasa mempertahankan mereka dari 'azab Kami, sebenarnya mereka (tuhan-tuhan palsu) itu tidak terdaya menolong diri mereka sendiri dan mereka tidak pula disertakan kekuatan dari Kami? (43) Malah Kami telah mengurniakan ni'mat kesenangan kepada mereka dan datuk nenek mereka hingga umur mereka berlanjutan. Apakah tidak mereka melihat bagaimana Kami menyerang negeri mereka dan mengurangkan daerah-daerah sempadan (ta'luk jajahannya)? Apakah mereka yang mendapat kemenangan? (44) Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya memberi amaran kepada kamu dengan wahyu (dari Allah) dan si pekak sememangnya tidak dapat mendengar seruan apabila mereka diberi amaran (45). Dan sesungguhnya jika mereka disentuh hembusan 'azab Tuhanmu nescaya mereka merintih: Amboi celakalah nasib kami! Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang zalim (46). Dan Kami akan menegakkan neraca keadilan pada hari Qiamat. Oleh itu setiap orang tidak akan dianiayai sedikitpun, dan jika amalan itu seberat biji sawi sekalipun nescaya Kami akan membawanya juga (untuk ditimbang) dan cukuplah Kami sendiri menjadi jurukira".(47)*

Setelah selesai melakukan penjelajahan yang jauh di merata pelosok alam buana, melihat undang-undang alam al-wujud, perjalanan da'wah-da'wah para rasul yang silam, meninjau kesudahan hidup manusia dan kebinasaan-kebinasaan umat-umat yang terdahulu, Al-Qur'an kembali pula kepada pembicaraan yang dimulakan pada permulaan surah, iaitu pembicaraan mengenai sambutan dan penerimaan kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. dan Al-Qur'an yang diwahyukan kepadanya, juga mengenai ejekan-ejekan mereka terhadap beliau serta kedegilan mereka berpegang dengan kepercayaan syirik.

Kemudian ia memperkatakan tentang tabi'at manusia yang gopoh dan tentang permintaan kaum Musyrikin yang menggesa agar disegerakan 'azab ke atas mereka, lalu Allah mengingatkan mereka terhadap kedahsyatan 'azab yang digesakan mereka itu serta memberi amaran terhadap keburukan akibat dari perbuatan mereka mempermain-main dan mengejek Rasulullah s.a.w. Kemudian ia menayangkan kepada mereka satu pemandangan, di mana naungan kekuasaan orang-orang yang menang dan memerintah dunia ini mengerut dan mengecil, di samping menayangkan pemandangan yang menunjukkan para pendusta di'azabkan pada hari Akhirat.

Pusingan ini ditamatkan dengan pembicaraan tentang kehalusan hisab dan balasan pada hari Qiamat. Ia menghubungkan hisab dan balasan itu dengan undang-undang alam buana, fitrah manusia dan dengan Sunnatullah dalam kehidupan manusia dan dalam da'wah-da'wah.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 44)**

وَإِذَا رَءَاكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ إِن يَتَّخِذُونَكَ إِلَّا هُزُوًا أَهَٰذَا ٱلَّذِي يَذۡكُرُ ءَالِهَتَكُمۡ وَهُم بِذِكۡرِ ٱلرَّحۡمَٰنِ هُمۡ كَٰفِرُونَ ٣٦

*"Dan apabila orang-orang kafir melihatmu, mereka tidak melayanimu melainkan dengan ejekan (mereka berkata): Inikah dia orangnya yang mencelakan tuhan-tuhan kamu, sedangkan mereka menunjukkan kekufuran apabila disebut Allah Yang Maha Penyayang?"(36)*

Orang-orang kafir itu tidak percaya kepada Allah Yang Maha Penyayang yang mencipta dan mentadbirkan alam buana ini kerana membantah perbuatan Rasulullah s.a.w. yang telah menyebut tuhan-tuhan/berhala-berhala yang disembah mereka dengan sebutan yang buruk, sedangkan mereka menunjukkan kekufuran terhadap Allah Yang Maha Penyayang itu tanpa segan-segan dan malu aib. Ini adalah perbuatan yang amat ganjil.

Mereka mengejek Rasulullah s.a.w. dan, memandang beliau bertindak terlalu jauh apabila beliau memburuk-burukkan berhala-berhala mereka:

أَهَٰذَا ٱلَّذِي يَذۡكُرُ ءَالِهَتَكُمۡ

*"Inikah dia orangnya yang mencelakan tuhan-tuhan kamu?"(36)*

tetapi mereka tidak merasa bahawa mereka telah bertindak keterlaluan apabila mereka menunjukkan kekufuran mereka terhadap Allah dan berpaling dari Al-Qur'an yang diturunkan Allah kepada mereka, sedangkan mereka para hamba Allah yang kerdil. Ini adalah satu percanggahan yang pelik, yang menunjukkan sejauh mana kerosakan yang telah menimpa fitrah mereka dan menimpa daya nilai mereka dalam mempertimbangkan sesuatu.

***Manusia Bertab'iat Gopoh***

Kemudian mereka menggesa agar 'azab yang diancam oleh Rasulullah s.a.w. itu ditimpa ke atas mereka dengan segera, lalu Al-Qur'an mengingatkan mereka terhadap akibatnya yang buruk dan sememangnya manusia bertabi'at gopoh:

خُلِقَ ٱلۡإِنسَٰنُ مِنۡ عَجَلٖۚ سَأُوْرِيكُمۡ ءَايَٰتِي فَلَا تَسۡتَعۡجِلُونِ ٣٧

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٣٨﴾

*"Manusia itu dijadikannya dengan tabi'at gopoh. Aku akan memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Ku, maka janganlah kamu menggesakanku supaya Allah segerakan 'azab (ke atas kamu) (37). Dan mereka berkata: Bilakah janji 'azab ini jika kamu betul bercakap benar?"(38)*

*"Manusia itu dijadikan dengan tabi'at gopoh"*, sifat gopoh dan terburu-buru itu berada di dalam tabi'at dan struktur kejadiannya. Dia selalu memandang ke belakang detik masa kini kerana dia mahu memegangnya dengan tangannya dan mahu mendapatkan apa sahaja yang terlintas dalam hatinya. Dia mahu meminta supaya dibawa segala apa yang dijanjikan kepadanya walaupun ia membahaya dan menyakitkan mereka. Inilah yang pasti terjadi kepadanya kecuali dia mempunyai hubungan yang rapat dengan Allah dan di sini barulah dia merasa tenang dan tenteram dan menyerahkan segala urusan mereka kepada Allah tanpa bersikap gopoh-gapah dan terburu-buru hendak menyelesaikannya. Keimanan ialah keyakinan, kesabaran dan ketenangan.

Kaum Musyrikin menggesa agar 'azab itu ditimpakan ke atas mereka dengan segera dan mereka tertanya-tanya bilakah masa tibanya janji 'azab itu, iaitu 'azab di Akhirat dan 'azab di dunia. Kini Al-Qur'an melukiskan gambaran 'azab Akhirat kepada mereka dan mengingatkan mereka tentang 'azab dunia yang telah menimpa para pengejek sebelum mereka:

لَوْ يَعْلَمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ حِينَ لَا يَكُفُّونَ عَن وُجُوهِهِمُ ٱلنَّارَ وَلَا عَن ظُهُورِهِمْ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٣٩﴾

بَلْ تَأْتِيهِم بَغْتَةً فَتَبْهَتُهُمْ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ رَدَّهَا وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ ﴿٤٠﴾

وَلَقَدِ ٱسْتُهْزِئَ بِرُسُلٍ مِّن قَبْلِكَ فَحَاقَ بِٱلَّذِينَ سَخِرُوا۟ مِنْهُم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٤١﴾

*"Andainya orang-orang kafir itu mengetahui ketika mereka tidak berdaya menahankan api Neraka dari menyelar muka dan belakang mereka dan mereka tidak akan diberi pertolongan (tentulah mereka tidak menggesakan kedatangan 'azab itu) (39) Malah 'azab itu akan menimpa mereka secara mendadak menyebabkan mereka menjadi bingung dan tidak mampu menolakkannya dan tidak pula mereka diberi tempoh (40). Sesungguhnya para rasul sebelummu juga telah diejek-ejekkan lalu orang-orang yang mengejek dari golongan mereka itu ditimpakan 'azab kerana ejekan yang dilakukan mereka."(41)*

Andainya mereka tahu apa yang akan berlaku tentulah mereka berubah sikap dan tentulah mereka berhenti dari mengejek dan mengesa-gesa meminta 'azab. Sekarang lihatlah apa yang akan berlaku kepada mereka.

Mereka diselar api dari setiap penjuru, kerana itu mereka berhempas pulas bertindak seperti orang gila - digambarkan oleh ungkapan tersirat - untuk menahankan api Neraka dari menyelar muka mereka, tetapi malangnya mereka tidak berupaya. Mereka seolah-olah diserang api dari segenap sudut, mereka tidak berdaya menolaknya dan tidak pula berdaya menangguhkan 'azab itu kepada suatu masa yang dekat.

Serangan api Neraka yang mendadak itu adalah sebagai balasan terhadap ejekan mereka yang meminta agar 'azab itu segera menimpa mereka:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٣٨﴾

*"Dan mereka berkata: Bilakah janji 'azab ini jika kamu betul bercakap benar?"(38)*

Jawapan kepada pertanyaan ini ialah serangan yang mendadak yang membuat mereka kehilangan akal dan kelumpuhan iradat. Serangan itu telah melemahkan mereka dari berfikir dan bertindak dan menafikan mereka mendapat tangguhan dan tundaan.

Itulah gambaran 'azab di Akhirat. Adapun 'azab dunia, maka ia telah pun menimpa ke atas para pengejek dari umat-umat sebelum mereka walaupun mereka tidak ditimpa 'azab penghapusan, tetapi 'azab dalam bentuk dibunuh, ditawan dan ditewaskan tidak terhalang dari berlaku ke atas mereka. Oleh sebab itu mereka seharusnya berwaspada dari bertindak mengejek Rasul mereka. Jika tidak, maka nasib yang akan menimpa orang-orang yang mengejek para rasul itu memang telah diketahui umum. Itulah Sunnatullah yang tidak pernah mungkir, dan kebenarannya telah disaksikan oleh peristiwa-peristiwa kebinasaan yang berlaku ke atas para pengejek.

Apakah mereka mempunyai tuhan lain yang menjaga mereka malam dan siang selain dari Allah Yang Maha Penyayang, yang berkuasa mempertahankan mereka dari 'azab dunia dan Akhirat?

قُلْ مَن يَكْلَؤُكُم بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ مِنَ ٱلرَّحْمَٰنِ ۗ بَلْ هُمْ عَن ذِكْرِ رَبِّهِم مُّعْرِضُونَ ﴿٤٢﴾

أَمْ لَهُمْ ءَالِهَةٌ تَمْنَعُهُم مِّن دُونِنَا ۚ لَا يَسْتَطِيعُونَ

نَصْرَ أَنفُسِهِمْ وَلَا هُم مِّنَّا يُصْحَبُونَ ﴿٤٣﴾

*"Katakanlah: Siapakah yang memelihara kamu malam dan siang selain dari Allah Yang Maha Penyayang, malah mereka berpaling dari mengingati Tuhan mereka (42). Apakah mereka mempunyai tuhan-tuhan yang berkuasa mempertahankan mereka dari 'azab Kami, sebenarnya mereka (tuhan-tuhan palsu) itu tidak terdaya menolong diri mereka sendiri dan mereka tidak pula disertakan kekuatan dari Kami?"(43)*

Sesungguhnya Allahlah yang menjaga setiap jiwa malam dan siang. Dia bersifat Maha Penyayang dan tiada Tuhan yang lain dari-Nya yang menjadi Pengawal dan Pelindung. Tanyalah kepada mereka: Adakah mereka mempunyai pengawal yang lain dari Allah?

Pertanyaan itu merupakan satu pertanyaan mengecamkan sikap mereka yang lalai dari mengingati Allah, sedangkan Allahlah yang mengawal mereka malam dan siang dan tiada pengawal yang lain dari Allah:

بَلْ هُمْ عَن ذِكْرِ رَبِّهِم مُّعْرِضُونَ ﴿٤٢﴾

*"Malah mereka berpaling dari mengingati Tuhan mereka."(42)*

Kemudian Al-Qur'an mengulangi pertanyaan itu dalam satu bentuk yang lain:

أَمْ لَهُمْ آلِهَةٌ تَمْنَعُهُم مِّن دُونِنَا ۚ

*"Apakah mereka mempunyai tuhan-tuhan yang berkuasa mempertahankan mereka dari 'azab Kami"(43)*

dan tuhan-tuhan inilah yang selama ini menjaga dan memelihara mereka? Tidak sekali-kali tidak, kerana:

لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَ أَنفُسِهِمْ

*"Sebenarnya mereka (tuhan-tuhan palsu itu) tidak terdaya menolong diri mereka sendiri"(43)*

dan sudah tentu pula mereka tidak terdaya menolong orang lain.

وَلَا هُم مِّنَّا يُصْحَبُونَ ﴿٤٣﴾

*"Dan mereka tidak pula disertakan kekuatan dari Kami"(43)*

hingga mereka dapat mengambil kekuatan dari penyertaan qudrat Ilahi bersama mereka sebagaimana kekuatan yang diambil oleh Harun dan Musa ketika Allah berfirman kepada mereka.

إِنَّنِي مَعَكُمَا أَسْمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾

*"Sesungguhnya Aku bersama kamu berdua; Aku sentiasa mendengar dan melihat."*

(Surah Taha: 46)

Sebenarnya tuhan-tuhan palsu itu tidak mempunyai sebarang kekuatan dan tidak mendapat pertolongan dari Allah yang membolehkan mereka mengambil kekuatan darinya. Mereka adalah amat lemah.

Setelah selesai mengemukakan dialog mengejek dan mengecam sikap mereka, iaitu dialog yang mendedahkan kekarutan kepercayaan kaum Musyrikin yang kosong dari logik dan dalil itu, maka Al-Qur'an beralih dari dialog itu kepada penjelasan mendedahkan sebab kedegilan mereka, kemudian ia menyentuh kesedaran mereka dengan satu sentuhan yang menggoncangkan hati mereka apabila ia menarik perhatian mereka supaya merenungi qudrat kekuasan Allah yang mengecilkan kawasan sempadan negeri yang dikuasai oleh pemerintah-pemerintah yang gagah dan menang, di mana sempadan-sempadan negeri itu dikecilkan dan menyebabkan mereka hidup tersorok di suatu kawasan yang terpencil dan kecil selepas mereka hidup dalam kawasan yang luas, penuh kekuatan dan kekuasaan:

بَلْ مَتَّعْنَا هَٰؤُلَاءِ وَآبَاءَهُمْ حَتَّىٰ طَالَ عَلَيْهِمُ الْعُمُرُ ۗ أَفَلَا يَرَوْنَ أَنَّا نَأْتِي الْأَرْضَ نَنقُصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَا ۚ أَفَهُمُ الْغَالِبُونَ ﴿٤٤﴾

*"Malah Kami telah mengurniakan ni'mat kesenangan kepada mereka dan datuk nenek mereka hingga umur mereka berlanjutan. Apakah tidak mereka melihat bagaimana Kami menyerang negeri mereka dan mengurangkan daerah-daerah sempadan (ta'luk jajahannya)? Apakah mereka yang mendapat kemenangan?"(44)*

Kesenangan dan keni'matan yang berpanjangan yang diwarisi turun-temurun itulah yang telah merosakkan fitrah manusia yang bersih. Kesenangan dan keni'matan merupakan kemewahan dan kemewahan merosakkan hati dan melemahkan perasaan, dan akhirnya ia membawa kepada kelemahan kepekaan perasaan seseorang terhadap Allah dan membutakan matahatinya dari meneliti bukti-bukti kekuasaan Allah. Inilah ujian dengan ni'mat kesenangan apabila manusia tidak mengawasi dirinya dan menghubungkan dirinya dengan Allah tanpa melupainya.

Justeru itu ayat ini menyentuh hati mereka dengan menayangkan satu pemandangan yang berlaku setiap hari di mana-mana sudut bumi ini, di mana kawasan negeri-negeri yang diperintah oleh kerajaan-kerajaan yang kuat dan menang bertukar menjadi negeri-negeri yang kecil, sedangkan dahulunya negeri-negeri itu merupakan sebuah empayar-empayar yang luas. Kini tiba-tiba ia menjadi negeri yang kalah setelah sekian lama menjadi negeri yang menang dan tiba-tiba ia menjadi negeri yang kecil bilangan penduduknya sedangkan dahulu penduduknya amat ramai, dan seterusnya ia menjadi negeri yang sedikit kebajikannya sedangkan dahulunya ia merupakan negeri yang melimpah-ruah dengan berbagai-bagai kebajikan.

Ungkapan ayat ini menggambarkan kuasa qudrat Allah sedang melipat, mengecil dan memotongkan kawasan-kawasan sempadan negeri itu hingga tiba-

tiba ia menjadi satu pemandangan yang menarik, di mana terdapat gerak perasaan yang halus dan rasa ketakutan yang mencemaskan:

*"Apakah mereka yang mendapat kemenangan?"(44)*

Apakah tidak berlaku ke atas mereka akibat yang sama, yang telah menimpa orang-orang yang lain?

* * * * * *

### (Pentafsiran ayat-ayat 45 - 46)

Di bawah bayangan pemandangan yang membuat hati menggigil ini, Rasulullah s.a.w. diperintah supaya menyampaikan amaran:

قُلْ إِنَّمَآ أُنذِرُكُم بِٱلْوَحْىِ ۚ وَلَا يَسْمَعُ ٱلصُّمُّ ٱلدُّعَآءَ إِذَا مَا يُنذَرُونَ ﴿٤٥﴾

*"Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya memberi amaran kepada kamu dengan wahyu (dari Allah) dan si pekak sememangnya tidak dapat mendengar seruan apabila mereka diberi amaran."(45)*

Oleh itu hendaklah mereka berwaspada agar jangan sampai mereka juga menjadi kaum yang pekak, yang tidak mendengar pengajaran-pengajaran yang baik dan akibatnya sempadan-sempadan negeri mereka yang di bawah kekuasaan mereka itu akan dilipat dan dikerat oleh kuasa qudrat Allah dan segala keni'matan dan kesenangan hidup mereka turut dipotong dan dikurangkan.

Kemudian Al-Qur'an menyambung penerangannya dengan nadanya yang berkesan di dalam hati, di mana ia menggambarkan keadaan jiwa mereka ketika disentuh oleh 'azab Allah:

وَلَئِن مَّسَّتْهُمْ نَفْحَةٌ مِّنْ عَذَابِ رَبِّكَ لَيَقُولُنَّ يَٰوَيْلَنَآ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٤٦﴾

*"Dan sesungguhnya jika mereka disentuh hembusan 'azab Tuhanmu nescaya mereka merintih: Amboi celakalah nasib kami. Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang zalim."(46)*

Kata-kata "نفحة" (hembusan) biasanya digunakan kepada angin rahmat, tetapi di sini ia digunakan kepada angin 'azab seksa seolah-olah ayat ini berkata: *"Dengan sentuhan 'azab yang paling halus akan membuat mereka melaung-laung mengakui kesalahan mereka, tetapi sayang pengakuan itu tidak lagi berguna."* Sebelum ini surah ini telah menayangkan pemandangan negeri-negeri yang ditimpa 'azab Allah menyebabkan penduduknya berseru:

قَالُوا۟ يَٰوَيْلَنَآ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿١٤﴾

فَمَا زَالَت تِّلْكَ دَعْوَىٰهُمْ حَتَّىٰ جَعَلْنَٰهُمْ حَصِيدًا خَٰمِدِينَ ﴿١٥﴾

*"Jawab mereka: Celakalah kami! Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang melakukan kezaliman (14). Demikianlah mereka terus mengeluh sehingga Kami binasakan mereka laksana tanaman yang dituai yang mati sunyi sepi."(15)*

Itulah akibat pengakuan setelah terluput waktu. Oleh itu adalah lebih baik mereka mendengar amaran dari wahyu Allah ketika kesempatan masih ada dan sebelum mereka disentuh hembusan 'azab Allah.

* * * * * *

### (Pentafsiran ayat 47)

Pusingan ini diakhiri dengan salah satu pemandangan hari hisab:

وَنَضَعُ ٱلْمَوَٰزِينَ ٱلْقِسْطَ لِيَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْـًٔا ۖ وَإِن كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا ۗ وَكَفَىٰ بِنَا حَٰسِبِينَ ﴿٤٧﴾

*"Dan Kami akan menegakkan neraca keadilan pada hari Qiamat. Oleh itu setiap orang tidak akan dianiayai barang sedikit pun, dan jika amalan itu seberat biji sawi sekalipun nescaya Kami akan membawanya juga (untuk ditimbang), dan cukuplah Kami sendiri menjadi jurukira."(47)*

Kata-kata "حبّة" (biji sawi) itu menggambarkan sekecil benda yang dapat dilihat mata dan seringan-seringan benda yang diletakkan di atas daun neraca, namun demikian ia tidak juga ditinggal dan diabaikan pada hari hisab. Neraca timbangan yang amat halus pada hari itu akan merakamkan beratnya.

Oleh itu setiap orang hendaklah memeriksa apakah persediaan yang telah dibuat mereka untuk menghadapi hari esok, setiap hati hendaklah mendengar amaran Rasul, dan setiap mereka yang lalai, tidak peduli dan mengejek da'wah Rasul itu hendaklah bertindak segera sebelum mereka ditimpa 'azab di dunia atau di Akhirat, kerana andainya mereka terselamat dari 'azab dunia, mereka akan menghadapi pula 'azab Akhirat, di mana segala neraca timbangan amalan sedang disediakan, iaitu neraca timbangan yang tidak akan menganiayai seseorang barang sedikit pun dan tidak akan mengabaikan amalan mereka walau seberat biji sawi sekalipun.

Demikianlah neraca timbangan amalan di Akhirat yang amat halus itu berhubung rapat dengan undang-undang alam buana yang amat halus, juga berhubung rapat dengan peraturan-peraturan da'wah, tabi'at-tabi'at hidup dan manusia, dan seluruhnya bertemu selaras dan padu di tangan iradat Ilahi yang tunggal, yang menjadi sebahagian dari bukti-bukti yang menyaksikan kebenaran persoalan

'aqidah tauhid yang menjadi paksi pembicaraan surah ini.

**(Kumpulan ayat-ayat 48 - 92)**

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَىٰ وَهَٰرُونَ ٱلْفُرْقَانَ وَضِيَآءً وَذِكْرًا لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٤٨﴾

ٱلَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِٱلْغَيْبِ وَهُم مِّنَ ٱلسَّاعَةِ مُشْفِقُونَ ﴿٤٩﴾

وَهَٰذَا ذِكْرٌ مُّبَارَكٌ أَنزَلْنَٰهُ أَفَأَنتُمْ لَهُۥ مُنكِرُونَ ﴿٥٠﴾

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَآ إِبْرَٰهِيمَ رُشْدَهُۥ مِن قَبْلُ وَكُنَّا بِهِۦ عَٰلِمِينَ ﴿٥١﴾

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِۦ مَا هَٰذِهِ ٱلتَّمَاثِيلُ ٱلَّتِىٓ أَنتُمْ لَهَا عَٰكِفُونَ ﴿٥٢﴾

قَالُوا۟ وَجَدْنَآ ءَابَآءَنَا لَهَا عَٰبِدِينَ ﴿٥٣﴾

قَالَ لَقَدْ كُنتُمْ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُمْ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٥٤﴾

قَالُوٓا۟ أَجِئْتَنَا بِٱلْحَقِّ أَمْ أَنتَ مِنَ ٱللَّٰعِبِينَ ﴿٥٥﴾

قَالَ بَل رَّبُّكُمْ رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ٱلَّذِى فَطَرَهُنَّ وَأَنَا۠ عَلَىٰ ذَٰلِكُم مِّنَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٥٦﴾

وَتَٱللَّهِ لَأَكِيدَنَّ أَصْنَٰمَكُم بَعْدَ أَن تُوَلُّوا۟ مُدْبِرِينَ ﴿٥٧﴾

فَجَعَلَهُمْ جُذَٰذًا إِلَّا كَبِيرًا لَّهُمْ لَعَلَّهُمْ إِلَيْهِ يَرْجِعُونَ ﴿٥٨﴾

قَالُوا۟ مَن فَعَلَ هَٰذَا بِـَٔالِهَتِنَآ إِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٩﴾

قَالُوا۟ سَمِعْنَا فَتًى يَذْكُرُهُمْ يُقَالُ لَهُۥٓ إِبْرَٰهِيمُ ﴿٦٠﴾

قَالُوا۟ فَأْتُوا۟ بِهِۦ عَلَىٰٓ أَعْيُنِ ٱلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَشْهَدُونَ ﴿٦١﴾

قَالُوٓا۟ ءَأَنتَ فَعَلْتَ هَٰذَا بِـَٔالِهَتِنَا يَٰٓإِبْرَٰهِيمُ ﴿٦٢﴾

قَالَ بَلْ فَعَلَهُۥ كَبِيرُهُمْ هَٰذَا فَسْـَٔلُوهُمْ إِن كَانُوا۟ يَنطِقُونَ ﴿٦٣﴾

فَرَجَعُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ فَقَالُوٓا۟ إِنَّكُمْ أَنتُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٦٤﴾

ثُمَّ نُكِسُوا۟ عَلَىٰ رُءُوسِهِمْ لَقَدْ عَلِمْتَ مَا هَٰٓؤُلَآءِ يَنطِقُونَ ﴿٦٥﴾

قَالَ أَفَتَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَنفَعُكُمْ شَيْـًٔا وَلَا يَضُرُّكُمْ ﴿٦٦﴾

أُفٍّ لَّكُمْ وَلِمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾

قَالُوا۟ حَرِّقُوهُ وَٱنصُرُوٓا۟ ءَالِهَتَكُمْ إِن كُنتُمْ فَٰعِلِينَ ﴿٦٨﴾

قُلْنَا يَٰنَارُ كُونِى بَرْدًا وَسَلَٰمًا عَلَىٰٓ إِبْرَٰهِيمَ ﴿٦٩﴾

وَأَرَادُوا۟ بِهِۦ كَيْدًا فَجَعَلْنَٰهُمُ ٱلْأَخْسَرِينَ ﴿٧٠﴾

*"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Musa dan Harun kitab Taurat yang membezakan di antara yang hak dan yang batil, juga sebagai cahaya penyuluh dan pengajaran kepada orang-orang yang bertaqwa (48). Iaitu orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka tanpa melihat-Nya dan mereka sentiasa menaruh kebimbangan kepada hari Qiamat (49). Dan Al-Qur'an ini adalah sebuah kitab pengajaran yang berkat, yang Kami telah turunkannya, maka mengapakah kamu mengingkarinya? (50) Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Ibrahim hidayatnya sebelum ini dan Kami memang mengetahui keadaannya (51). (Kenangilah) ketika Ibrahim berkata kepada bapa dan kaumnya: Patung-patung apakah ini yang kamu bertungkus lumus beribadat kepadanya? (52) Jawab mereka: Kami dapati datuk nenek kami menyembahkannya (53). Kata Ibrahim: Kamu dan datuk nenek kamu adalah berada di dalam kesesatan yang amat nyata (54). Jawab mereka: Apakah engkau datang membawa ajaran yang benar kepada kami atau engkau dari golongan orang-orang yang bermain-main sahaja? (55) Ibrahim berkata: Sebenarnya Tuhan kamu itu ialah Tuhan langit dan bumi yang telah diciptakan-Nya dan aku adalah dari golongan orang-orang yang menyaksi kebenaran (56). Demi Allah aku akan melakukan rancangan yang tidak baik terhadap berhala-berhala kamu selepas kamu berundur meninggalkannya (57). Lalu dia (Ibrahim) menjadikan semua berhala-berhala itu hampir hancur berkecai kecuali satu berhala yang terbesar agar kelak mereka dapat bertanya kepadanya (58). Mereka bertanya: Siapakah yang melakukan perbuatan ini terhadap tuhan tuhan kami? Sesungguhnya orang ini adalah dari golongan orang-orang yang zalim (59). Jawab mereka: Kami dengar ada seorang pemuda yang mencelakan berhala-berhala ini yang dipanggil Ibrahim (60). Kata mereka: Bawalah dia kemari di hadapan mata khalayak*

*yang ramai supaya mereka dapat menyaksikan (61). Mereka bertanya: Apakah engkau yang telah melakukan perbuatan ini terhadap tuhan-tuhan kami, wahai Ibrahim? (62) Jawab Ibrahim: Sebenarnya yang melakukan perbuatan itu ialah berhala yang terbesar inilah. Tanyalah sendiri berhala-berhala itu jika mereka, dapat bercakap (63). Mereka kembali berfikir di dalam hati mereka lalu berkata: Sesungguhnya kamulah yang sebenarnya orang-orang yang zalim (64). Kemudian fikiran mereka terbalik songsang (lalu mereka berkata): (Wahai Ibrahim!) Sesungguhnya engkau tentulah telah mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak dapat bercakap (65). Jawab Ibrahim: Mengapakah kamu menyembah selain dari Allah sesuatu yang tidak dapat memberi manfa'at kepada kamu sedikit pun dan tidak pula dapat memberi mudharat kepada kamu? (66) Celakalah kepada kamu dan kepada berhala-berhala yang kamu sembah selain dari Allah, mengapakah kamu tidak berfikir? (67) Mereka pun berkata: Bakarkan dia! Dan bantulah, tuhan-tuhan kamu, jika kamu benar-benar hendak bertindak (68). Kami berfirman: Wahai api! Jadilah engkau sejuk dan selamat kepada Ibrahim! (69) Dan mereka telah merancangkan tindakan yang jahat terhadap Ibrahim lalu Kami jadikan mereka orang-orang yang paling rugi." (70).*

وَنَجَّيْنَٰهُ وَلُوطًا إِلَى ٱلْأَرْضِ ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا لِلْعَٰلَمِينَ ﴿٧١﴾

وَوَهَبْنَا لَهُۥٓ إِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ نَافِلَةً ۖ وَكُلًّا جَعَلْنَا صَٰلِحِينَ ﴿٧٢﴾

وَجَعَلْنَٰهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَآ إِلَيْهِمْ فِعْلَ ٱلْخَيْرَٰتِ وَإِقَامَ ٱلصَّلَوٰةِ وَإِيتَآءَ ٱلزَّكَوٰةِ ۖ وَكَانُوا۟ لَنَا عَٰبِدِينَ ﴿٧٣﴾

وَلُوطًا ءَاتَيْنَٰهُ حُكْمًا وَعِلْمًا وَنَجَّيْنَٰهُ مِنَ ٱلْقَرْيَةِ ٱلَّتِى كَانَت تَّعْمَلُ ٱلْخَبَٰٓئِثَ ۗ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمَ سَوْءٍ فَٰسِقِينَ ﴿٧٤﴾

وَأَدْخَلْنَٰهُ فِى رَحْمَتِنَآ ۖ إِنَّهُۥ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٧٥﴾

وَنُوحًا إِذْ نَادَىٰ مِن قَبْلُ فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ فَنَجَّيْنَٰهُ وَأَهْلَهُۥ مِنَ ٱلْكَرْبِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٧٦﴾

وَنَصَرْنَٰهُ مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَآ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمَ سَوْءٍ فَأَغْرَقْنَٰهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٧٧﴾

وَدَاوُۥدَ وَسُلَيْمَٰنَ إِذْ يَحْكُمَانِ فِى ٱلْحَرْثِ إِذْ نَفَشَتْ فِيهِ غَنَمُ ٱلْقَوْمِ وَكُنَّا لِحُكْمِهِمْ شَٰهِدِينَ ﴿٧٨﴾

فَفَهَّمْنَٰهَا سُلَيْمَٰنَ ۚ وَكُلًّا ءَاتَيْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا ۚ وَسَخَّرْنَا مَعَ دَاوُۥدَ ٱلْجِبَالَ يُسَبِّحْنَ وَٱلطَّيْرَ ۚ وَكُنَّا فَٰعِلِينَ ﴿٧٩﴾

وَعَلَّمْنَٰهُ صَنْعَةَ لَبُوسٍ لَّكُمْ لِتُحْصِنَكُم مِّنۢ بَأْسِكُمْ ۖ فَهَلْ أَنتُمْ شَٰكِرُونَ ﴿٨٠﴾

وَلِسُلَيْمَٰنَ ٱلرِّيحَ عَاصِفَةً تَجْرِى بِأَمْرِهِۦٓ إِلَى ٱلْأَرْضِ ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا ۚ وَكُنَّا بِكُلِّ شَىْءٍ عَٰلِمِينَ ﴿٨١﴾

وَمِنَ ٱلشَّيَٰطِينِ مَن يَغُوصُونَ لَهُۥ وَيَعْمَلُونَ عَمَلًا دُونَ ذَٰلِكَ ۖ وَكُنَّا لَهُمْ حَٰفِظِينَ ﴿٨٢﴾

*"Dan Kami selamatkan Ibrahim dan Lut ke sebuah negeri yang Kami telah berkatikannya untuk sekalian manusia (71). Dan Kami telah mengurniakan kepadanya (Ibrahim), Ishaq (anak) dan juga Ya'kub (cucu) sebagai tambahan, dan setiap orang dari keduanya Kami jadikannya orang yang soleh belaka (72). Dan Kami jadikan mereka para pemimpin yang membimbing manusia dengan perintah Kami dan Kami wahyukan kepada mereka supaya mengerjakan amalan-amalan kebajikan, mendirikan solat dan menunaikan zakat dan mereka sekalian sentiasa beribadat kepada Kami (73). Dan kepada Lut Kami kurniakan kepadanya hikmat dan ilmu dan Kami telah menyelamatkannya dari negeri yang penduduknya melakukan berbagai-bagai perbuatan yang keji, sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang jahat lagi fasiq (74). Dan Kami masukkannya ke dalam rahmat Kami. Sesungguhnya dia adalah dari golongan orang-orang yang soleh (75). Dan (kenangilah) Nuh ketika dia berdo'a sebelum ini lalu Kami memperkenankan do'anya dan kami selamatkannya bersama keluarganya dari malapetaka yang amat besar (76). Dan Kami telah menolongkannya dari (kejahatan) kaum yang telah mendustakan ayat-ayat Kami. Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang jahat lalu Kami tenggelamkan seluruh mereka (77). Dan (kenangilah kisah) Daud dan Sulaiman ketika kedua-duanya menjatuhkan hukuman mengenai tanaman ketika ia dirosakkan oleh kambing-kambing kaumnya yang berkeliaran di dalamnya di waktu malam dan sesungguhnya Kamilah yang telah menyaksikan hukuman itu (78). Kami telah memberi kefahaman (yang lebih adil) kepada Sulaiman mengenai hukuman itu, dan kepada mereka berdua Kami kurniakan hikmat dan ilmu, dan Kami telah menundukkan gunung-ganang dan burung-burung bertasbih bersama Daud, dan Kami adalah berkuasa berbuat demikian (79). Dan Kami telah mengajar kepada Daud kepandaian membuat baju-baju besi untuk kamu supaya ia dapat memelihara kamu dari bahaya-bahaya (tikaman) di dalam peperangan kamu. Apakah kamu bersyukur? (80) Dan (Kami telah menundukkan) kepada Sulaiman angin yang amat kencang yang bertiup dengan perintahnya ke negeri yang Kami telah memberkatinya dan Kamilah Yang Maha Mengetahui segala*

*sesuatu (81). Dan di dalam golongan para syaitan (Kami tundukkan kepada Sulaiman) pasukan yang menyelam untuknya dan melakukan pekerjaan-pekerjaan yang lain dari itu, dan Kamilah yang menjaga mereka." (82).*

وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُۥٓ أَنِّى مَسَّنِىَ ٱلضُّرُّ وَأَنتَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿٨٣﴾

فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ فَكَشَفْنَا مَا بِهِۦ مِن ضُرٍّ ۖ وَءَاتَيْنَٰهُ أَهْلَهُۥ وَمِثْلَهُم مَّعَهُمْ رَحْمَةً مِّنْ عِندِنَا وَذِكْرَىٰ لِلْعَٰبِدِينَ ﴿٨٤﴾

وَإِسْمَٰعِيلَ وَإِدْرِيسَ وَذَا ٱلْكِفْلِ ۖ كُلٌّ مِّنَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٨٥﴾

وَأَدْخَلْنَٰهُمْ فِى رَحْمَتِنَآ ۖ إِنَّهُم مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٦﴾

وَذَا ٱلنُّونِ إِذ ذَّهَبَ مُغَٰضِبًا فَظَنَّ أَن لَّن نَّقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَىٰ فِى ٱلظُّلُمَٰتِ أَن لَّآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّى كُنتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٨٧﴾

فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ وَنَجَّيْنَٰهُ مِنَ ٱلْغَمِّ ۚ وَكَذَٰلِكَ نُۨجِى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٨٨﴾

وَزَكَرِيَّآ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُۥ رَبِّ لَا تَذَرْنِى فَرْدًا وَأَنتَ خَيْرُ ٱلْوَٰرِثِينَ ﴿٨٩﴾

فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ وَوَهَبْنَا لَهُۥ يَحْيَىٰ وَأَصْلَحْنَا لَهُۥ زَوْجَهُۥٓ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا ۖ وَكَانُوا۟ لَنَا خَٰشِعِينَ ﴿٩٠﴾

وَٱلَّتِىٓ أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا فَنَفَخْنَا فِيهَا مِن رُّوحِنَا وَجَعَلْنَٰهَا وَٱبْنَهَآ ءَايَةً لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿٩١﴾

إِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠ رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُونِ ﴿٩٢﴾

*"Dan (kenangilah kisah) Ayyub ketika dia berdo'a kepada Tuhannya: (Ya Tuhanku) sesungguhnya aku telah ditimpa penyakit dan Engkau adalah Tuhan Yang Maha Pengasih di antara semua pengasih (83). Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami hapuskan penyakitnya, dan Kami kurniakan kembali keluarganya dengan bilangan sekali ganda bersama mereka sebagai rahmat dari sisi Kami dan sebagai kenang-kenangan kepada para 'Abidin (84). Dan (kenangilah kisah) Ismail, Idris dan Zulkifli. Semua mereka adalah dari golongan orang-orang yang sabar (85). Dan Kami telah memasukkan mereka ke dalam rahmat Kami. Sesungguhnya mereka dari golongan para Solehin (86). Dan (kenangilah) Zun-Nun (Yunus) ketika ia pergi (meninggalkan kaumnya) dengan keadaan marah dan dia menyangka bahawa Kami tidak akan menyusahkannya lalu dia berdo'a di dalam gelap-gelita: Tiada Tuhan melainkan hanya Engkau. Maha Sucilah Engkau. Sesungguhnya aku telah termasuk di dalam orang-orang yang zalim (87). Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami telah menyelamatkannya dari kedukaan, dan demikianlah Kami bertindak menyelamatkan para Mu'minin (88). Dan (kenangilah kisah) Zakaria ketika dia berdo'a kepada Tuhannya: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau tinggalkanku hidup seorang diri dan Engkau jualah sebaik-baik Pewaris (89). Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami telah mengurniakan Yahya kepadanya dan Kami telah membetulkan isterinya (yang mandul) untuk mengandung anaknya. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang selalu bersegera mengerjakan kebajikan-kebajikan dan mereka sentiasa berdo'a kepada Kami dengan penuh harapan dan kebimbangan, dan mereka adalah orang-orang yang sentiasa khusyu' kepada Kami (90). Dan (kenangilah kisah) Maryam yang memelihara kehormatannya lalu Kami tiupkan ke dalam tubuhnya roh dari ciptaan Kami dan Kami jadikan dia dan puteranya sebagai satu bukti yang besar kepada semesta alam (91). Sesungguhnya umat (para Anbia') ini adalah umat kamu, iaitu umat yang satu dan Aku adalah Tuhan kamu. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepadaKu". (92).*

Pusingan yang ketiga ini membentangkan kisah umat para rasul tetapi tidak meliputi keseluruhan mereka, malah ia menyebut sebahagian dari mereka secara sepintas lalu sahaja dan setengah-setengahnya diceritakan secara terperinci, panjang lebar, dan setengah-setengahnya pula secara ringkas sahaja.

Dalam penceritaan-penceritaan sepintas lalu, dengan babak-babak kisah yang pendek ini, dapatlah dilihat bagaimana Allah mengurniakan rahmat dan pemeliharaan-Nya terhadap para rasul-Nya dan bagaimana akibat-akibat yang telah menimpa umat-umat yang mendustakan para rasul setelah disampaikan kepada mereka penerangan-penerangan yang jelas, begitu juga dapat dilihat beberapa ujian Allah terhadap para rasul sama ada dalam bentuk kesenangan atau kesusahan dan bagaimana mereka telah menempuh ujian itu.

Begitu juga di sana dapat dilihat Sunnatullah yang mengutuskan para rasul dari jenis manusia, juga kesatuan 'aqidah dan kesatuan jalan menuju Allah yang dibawa oleh para rasul di sepanjang zaman seolah-olah mereka merupakan satu umat walaupun zaman dan tempat mereka berjauh-jauhan.

Itulah salah satu dalil keesaan ketuhanan Yang Maha Pencipta, keesaan iradat yang mentadbirkan alam buana dan keesaan undang-undang yang

mengikatkan peraturan-peraturan Allah di alam buana, iaitu undang-undang yang mencantum, menyelaras dan mengarahkannya ke arah yang satu menuju Allah Yang Maha Esa.

وَأَنَا۠ رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُونِ ﴿٩٢﴾

*"Dan Aku adalah Tuhan kamu. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepada-Ku."(92)*

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 48 - 50)**

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَىٰ وَهَٰرُونَ ٱلْفُرْقَانَ وَضِيَآءً وَذِكْرًا لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٤٨﴾

ٱلَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِٱلْغَيْبِ وَهُم مِّنَ ٱلسَّاعَةِ مُشْفِقُونَ ﴿٤٩﴾

وَهَٰذَا ذِكْرٌ مُّبَارَكٌ أَنزَلْنَٰهُ ۚ أَفَأَنتُمْ لَهُۥ مُنكِرُونَ ﴿٥٠﴾

*"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Musa dan Harun kitab Taurat yang membezakan di antara yang hak dan yang batil, juga sebagai cahaya penyuluh dan pengajaran kepada orang-orang yang bertaqwa (48). Iaitu orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka tanpa melihatnya dan mereka sentiasa menaruh kebimbangan kepada hari Qiamat (49). Dan Al-Qur'an ini adalah sebuah kitab pengajaran yang berkat, yang Kami telah turunkannya, maka mengapakah kamu mengingkarinya?."(50)*

Di dalam surah ini telah pun diterangkan bahawa kaum Musyrikin mempersenda-sendakan Rasulullah s.a.w. kerana beliau seorang manusia dan kerana mereka tidak mempercayai Al-Qur'an sebagai wahyu dari Allah, malah mereka menuduh Al-Qur'an itu sebagai sihir atau syair atau rekaan dusta dari beliau.

***Di Antara Taurat Dan Al-Qur'an***

Di dalam ayat-ayat ini Al-Qur'an menjelaskan kepada mereka bahawa penghantaran para rasul dari bangsa manusia itu memanglah suatu Sunnatullah yang berlangsung selama-lamanya dan itulah contoh-contoh rasul di zaman-zaman sebelum ini, dan bahawa kitab-kitab suci yang diturunkan kepada para rasul itu bukanlah suatu perkara baru yang aneh. Lihatlah kedua-dua orang rasul - Musa dan Harun telah dikurniakan Allah kitab Taurat kepada mereka.

Allah menamakan kitab Taurat itu sebagai al-Furqan, yang juga menjadi sifat Al-Qur'an. Jadi dalam persoalan kitab suci ini juga terdapat persamaan hingga kepada nama. Ini ialah kerana semua kitab-kitab suci yang diturunkan Allah itu bersifat Furqan belaka yakni kitab yang membezakan di antara yang hak dan yang batil, di antara hidayat dan kesesatan, di antara sistem hidup ciptaan manusia dan sistem hidup (ciptaan Ilahi) dan di antara tujuan hidup yang benar dan tujuan hidup yang tidak benar. Jadi seluruh kitab-kitab suci itu adalah membezakan di antara yang hak dan yang batil dan pada sifat inilah bertemunya kitab Taurat dengan kitab Al-Qur'an.

Begitu juga Allah jadikan kitab Taurat itu *"sebagai cahaya penyuluh"* yang menerangi kegelapan-kegelapan hati dan 'aqidah, kegelapan kesesatan dan kebatilan, iaitu kegelapan yang menyesatkan akal dan hati nurani, kerana hati manusia akan terus berada di dalam kegelapan sehingga diterangi oleh obor keimanan yang menyuluh setiap penjurunya, menunjukkan sistem hidup yang betul kepadanya dan membetulkan arah dan tujuan hidupnya agar nilai-nilai, konsep-konsep dan pertimbangan-pertimbangannya tidak bercampuraduk dan mengelirukannya.

Allah telah menjadikan kitab Taurat itu sama seperti Al-Qur'an iaitu menjadi *"pengajaran kepada orang-orang yang bertaqwa"* yang mengingatkan mereka kepada Allah, dan kitab Taurat terus menjadi pengajaran kepada Bani Israel. Bagaimana keadaan Bani Israel sebelum diturunkan at-Taurat? Mereka hidup hina dina di bawah sebatan cemeti Fir'aun yang menyembelih anak-anak lelaki mereka dan hanya membenarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup. Di samping itu mereka ditindas sebagai buruh-buruh paksa dan dianiayai.

Allah mengkhususkan orang-orang yang bertaqwa itu dengan sifat:

ٱلَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِٱلْغَيْبِ وَهُم مِّنَ ٱلسَّاعَةِ مُشْفِقُونَ ﴿٤٩﴾

*"Iaitu orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka tanpa melihat-Nya dan mereka sentiasa menaruh kebimbangan kepada hari Qiamat."(49)*

Kerana orang-orang yang mempunyai hati yang takut kepada Allah walaupun tanpa melihat-Nya, juga takut kepada hari Qiamat lalu berusaha untuk bersedia menghadapinya, merekalah sahaja orang-orang yang boleh mendapat faedah dari penyuluh kitab suci dengan hidup yang berpandukannya. Dengan demikian kitab suci yang diturunkan Allah benar-benar menjadi pengajaran yang mengingatkan mereka kepada Allah dan mengangkatkan nama mereka yang gah di kalangan umat manusia.

Itulah keadaan Musa dan Harun...

وَهَٰذَا ذِكْرٌ مُّبَارَكٌ أَنزَلْنَٰهُ ۚ

*"Dan Al-Qur'an ini adalah sebuab kitab pengajaran yang berkat, yang Kami telah turunkannya"(50)*

ia bukannya suatu perkara yang baru dan aneh, malah sebelumnya terdapat kitab-kitab suci lain yang diturunkan Allah. Jadi, penurunan kitab-kitab suci merupakan Sunnatullah yang terkenal.

أَفَأَنتُمْ لَهُۥ مُنكِرُونَ ﴿٥٠﴾

*"Maka mengapakah kamu mengingkarinya?"(50)*

Mengapakah kamu mengingkari Al-Qur'an, sedangkan rasul-rasul yang telah lalu telah menerima kitab-kitab suci yang sama?

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 73)**

Setelah menyebut kisah Musa dan Harun serta kitab suci keduanya secara sepintas lalu, Al-Qur'an kembali menayangkan satu babak penuh dari kisah Ibrahim a.s., iaitu moyang agung bangsa Arab dan pembina rumah Ka'bah, yang kini diisi oleh kaum Musyrikin dengan bermacam-macam berhala yang disembahkan mereka dengan patuh, sedangkan dulunya Ibrahimlah yang telah bertindak memecahkan berhala-berhala itu. Al-Qur'an menyebut kisah Ibrahim di sini ketika beliau mengecam kepercayaan syirik dan memecahkan berhala-berhala kaumnya.

Babak kisah Ibrahim yang terkenal disini ialah babak kerasulan beliau. Ia dibahagikan kepada beberapa adegan yang berturut-turut dan diselangi oleh ruang-ruang kosong yang kecil. Ia dimulakan dengan penerangan bahawa Ibrahim a.s. telah dikurniakan hidayat, iaitu hidayat kepada 'aqidah tauhid, iaitu satu hidayat yang paling besar yang dibayangkan kata-kata "الرشد" (hidayat) dalam ayat ini:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَآ إِبْرَٰهِيمَ رُشْدَهُۥ مِن قَبْلُ وَكُنَّا بِهِۦ عَٰلِمِينَ ﴿٥١﴾

*"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Ibrahim hidayatnya sebelum ini dan Kami memang mengetahui keadaannya."(51)*

***Kisah Ibrahim Dengan Berhala-berhala Kaumnya***

Kami mengurniakan hidayat kepada beliau dan Kami mengetahui keadaannya dan bakat-bakat kebolehannya untuk memikul amanah kerasulan yang dipikul oleh para rasul.

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِۦ مَا هَٰذِهِ ٱلتَّمَاثِيلُ ٱلَّتِىٓ أَنتُمْ لَهَا عَٰكِفُونَ ﴿٥٢﴾

*"(Kenangilah) ketika Ibrahim berkata kepada bapa dan kaumnya: Patung-patung apakah ini yang kamu bertungkus lumus beribadat kepadanya?"(52)*

Perkataan beliau ini menunjukkan bahawa beliau telah menerima hidayat dari Allah. Beliau menamakan batu-batu dan kayu-kayu berhala itu dengan namanya yang sebenar iaitu "patung-patung apakah ini?" Beliau tidak mengatakan "tuhan-tuhan", dan mengecam perbuatan mereka menyembah patung-patung itu dengan bertungkus lumus, tekun dan patuh. Kata-kata "عاكفون" memberi pengertian bertungkus lumus, tekun dan amalan ibadat yang berterusan. Walaupun mereka tidak menghabiskan seluruh waktu mereka dalam penyembahan berhala-berhala - namun mereka begitu kasih kepada berhala-berhala itu. Itulah ketekunan abstrak bukannya ketekunan menghabiskan waktu. Nabi Ibrahim a.s. mengejek perbuatan kasih yang ditunjukkan mereka kepada berhala-berhala itu dan menggambarkannya dengan gambaran yang buruk, iaitu mereka bertungkus lumus dan tekun menyembah berhala-berhala itu.

Jawapan dan hujjah yang diberikan mereka ialah:

*"Jawab mereka: Kami dapati datuk nenek kami menyembahkannya."(53)*

Jawapan ini menunjukkan bentuk akal dan jiwa manusia yang membatu di dalam acuan taqlid yang buta, iaitu tandingan dari sifat-sifat kebebasan keimanan, iaitu bebas berfikir, meneliti dan membuat penilaian terhadap benda-benda dan peraturan-peraturan mengikut nilai-nilainya yang haqiqi bukannya mengikut nilai-nilai secara taqlid. Oleh sebab itu keimanan kepada Allah bererti kebebasan dari kepercayaan-kepercayaan yang karut, yang didokong oleh taqlid dan warisan-warisan yang membatu, yang tidak ditegakkan di atas sesuatu dalil:

قَالَ لَقَدْ كُنتُمْ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُمْ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٥٤﴾

*"Kata Ibrahim: Kamu dan datuk nenek kamu adalah berada di dalam kesesatan yang amat nyata."(54)*

Ibadat yang dilakukan oleh nenek moyang mereka tidak dapat memberi apa-apa nilai yang tidak dipunyai oleh berhala-berhala itu. Ia tidak dapat memberikan kepadanya sifat kesucian yang tidak wajar dengannya, kerana nilai-nilai itu bukannya terbit dari taqlid datuk nenek dan taqdis mereka, malah nilai-nilai itu adalah lahir dari penilaian yang bebas dan tidak terikat.

Apabila Ibrahim a.s. mencabar mereka dengan kebebasan membuat penilaian dan dengan kesimpulan yang berterus terang itu, mereka terus bertanya:

قَالُوٓا۟ أَجِئْتَنَا بِٱلْحَقِّ أَمْ أَنتَ مِنَ ٱللَّٰعِبِينَ ﴿٥٥﴾

*"Jawab mereka: Apakah engkau datang membawa ajaran yang benar kepada kami atau engkau dari golongan orang-orang yang bermain-main sahaja."(55)*

Itulah pertanyaan orang yang goyang 'aqidahnya dan tidak yakin kepada apa yang dipegang olehnya, kerana dia tidak pernah memikirkannya dengan halus dan teliti, malah fikiran dan jiwanya juga kosong kerana dipengaruhi kepercayaan yang karut dan taqlid yang buta. Oleh kerana itu dia tidak tahu manakah perkataan-perkataan yang benar, sedangkan ibadat pastilah ditegakkan di atas keyakinan bukannya di atas kepercayaan-kepercayaan yang karut, bergoyang dan tidak bersandar kepada sesuatu dalil. Inilah padang gurun, di mana sesatnya dan meraba-rabanya golongan manusia yang tidak berpegang dengan 'aqidah tauhid yang bersih, jelas dan lurus di dalam pemikiran akal dan perasaan hati nurani.

Tetapi Ibrahim a.s. berpegang dengan kepercayaan yang yakin dan kukuh. Beliau benar-benar mengenal Tuhannya dan menjunjung 'aqidah itu di dalam hati dan akal fikirannya serta Menyatakan kepercayaan itu dengan perkataan orang yang beriman dengan kukuh dan yakin:

قَالَ بَل رَّبُّكُمْ رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ٱلَّذِى فَطَرَهُنَّ وَأَنَا۠ عَلَىٰ ذَٰلِكُم مِّنَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٥٦﴾

*"Ibrahim berkata: Sebenarnya Tuhan kamu itu ialah Tuhan langit dan bumi yang telah diciptakan-Nya dan aku adalah dari golongan orang-orang yang menyaksi kebenaran hakikat itu."(56)*

Tuhan yang sebenar itu ialah Tuhan Yang Maha Esa, iaitu Tuhan manusia dan Tuhan langit dan bumi. Sifat Rububiyah-Nya diambil dari sifat-Nya sebagai Pencipta. Kedua-duanya merupakan dua sifat yang tidak terpisah. *"Sebenarnya Tuhan kamu itu ialah Tuhan langit dan bumi yang telah ciptakan-Nya"*. Inilah 'aqidah yang lurus dan bersih, bukannya seperti kepercayaan kaum Musyrikin yang percaya kepada berbagai-bagai tuhan, sedangkan dalam waktu yang sama mereka percaya bahawa tuhan-tuhan yang mereka sembahkan itu tidak mempunyai kuasa mencipta, malah yang berkuasa mencipta ialah Allah, namun demikian mereka masih menyembah tuhan-tuhan yang mereka sendiri mengetahui tidak berkuasa menciptakan sesuatu apa.

Ibrahim percaya dengan kepercayaan orang yang telah melihat sesuatu di alam kenyataan tanpa sebarang keraguan:

وَأَنَا۠ عَلَىٰ ذَٰلِكُم مِّنَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٥٦﴾

*"Dan aku adalah dari golongan orang-orang yang menyaksi kebenaran hakikat itu."(56)*

Walaupun Ibrahim tidak menyaksi penciptaan langit dan bumi, juga tidak menyaksi penciptaan dirinya dan kaumnya, namun hakikat ini terlalu jelas dan kukuh hingga ke tahap dipercayai dan disaksikan oleh orang-orang yang beriman dengan penuh keyakinan, iaitu mereka menyaksi bahawa segala makhluk yang wujud di alam buana ini membuktikan keesaan Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Pentadbir dan segala apa yang ada pada diri manusia mengakui Wahdaniyah Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Pentadbir, juga mengakui keesaan undang-undang yang mentadbir dan mengendalikan alam buana ini.

Kemudian Ibrahim a.s. mengumumkan kepada kumpulan kaumnya yang bersoal jawab dengan beliau bahawa beliau telah berazam hendak melakukan sesuatu terhadap tuhan-tuhan mereka dan tidak akan berundur dari keazaman itu:

وَتَٱللَّهِ لَأَكِيدَنَّ أَصْنَٰمَكُم بَعْدَ أَن تُوَلُّوا۟ مُدْبِرِينَ ﴿٥٧﴾

*"Demi Allah aku akan melakukan rancangan yang tidak baik terhadap berhala-berhala kamu selepas kamu berundur meninggalkannya."(57)*

Beliau tidak menyatakan rancangan yang tidak baik yang diazamkan beliau itu dengan terus terang, dan Al-Qur'an juga tidak menyebut bagaimana kaumnya itu menjawab perkataan beliau yang mengancam itu. Ini mungkin kerana mereka yakin dan percaya bahawa Ibrahim tidak akan dapat melakukan sesuatu yang tidak baik terhadap tuhan-tuhan mereka. Oleh kerana itu mereka terus meninggalkan beliau begitu sahaja.

فَجَعَلَهُمْ جُذَٰذًا إِلَّا كَبِيرًا لَّهُمْ لَعَلَّهُمْ إِلَيْهِ يَرْجِعُونَ ﴿٥٨﴾

*"Lalu dia (Ibrahim) menjadikan semua berhala-berhala itu hampir hancur berkecai kecuali satu berhala yang terbesar agar kelak mereka dapat bertanya kepadanya."(58)*

Yakni berhala-berhala yang disembah mereka telah berubah menjadi ketulan-ketulan dan kepingan-kepingan batu dan kayu yang pecah berkecai kecuali berhala yang terbesar sahaja yang tidak diusik oleh Ibrahim dengan tujuan agar kelak mereka dapat bertanya kepadanya, iaitu bagaimana peristiwa ini boleh berlaku, sedangkan dia ada tercegat di situ dan mengapa dia tidak mempertahankan keselamatan berhala-berhala yang kecil itu, dan agar mereka dapat menyemak dan memikirkan kembali seluruh persoalan menyembah berhala itu semoga mereka dapat kembali semula ke jalan yang benar dan dapat memahami betapa karut dan sesatnya perbuatan mereka menyembah berhala-berhala itu.

Apabila kaum Ibrahim kembali berkunjung ke kuil itu, mereka dapati berhala-berhala telah hancur berkeping-kepingan kecuali berhala yang terbesar sahaja yang terselamat, tetapi mereka tidak bertanya kepada berhala itu dan tidak pula menanyakan diri mereka sendiri. Jika benar berhala-berhala ini tuhan-tuhan mengapa peristiwa pemusnahan boleh berlaku, mengapa berhala-berhala ini tidak bertindak melakukan sesuatu untuk mempertahankan keselamatan dirinya. Mengapa si berhala yang paling besar ini tidak pula bertindak melindungkan berhala-berhala yang kecil itu? Mereka tidak mengemukakan pertanyaan ini kepada diri mereka kerana kepercayaan khurafat itu telah melumpuhkan akal mereka dari berfikir, dan sikap taqlid telah membelenggukan pemikiran mereka dari membuat renungan dan penelitian yang lebih mendalam. Mereka tinggalkan pertanyaan yang wajar ini dan terus menyatakan kemarahan mereka terhadap orang yang memecahkan berhala-berhala ini dan sanggup melakukan perbuatan yang tidak baik terhadapnya:

قَالُوا۟ مَن فَعَلَ هَٰذَا بِـَٔالِهَتِنَآ إِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٩﴾

*"Mereka bertanya: Siapakah yang melakukan perbuatan ini terhadap tuhan-tuhan kami? Sesungguhnya orang ini adalah dari golongan orang-orang yang zalim."(59)*

Pada masa inilah mereka teringat kepada Ibrahim kerana mereka pernah mendengar Ibrahim mencela bapanya dan orang-orang yang ada bersama dengannya kerana menyembah berhala-berhala ini, serta mengancam untuk melakukan sesuatu yang tidak baik terhadap tuhan-tuhan mereka selepas mereka berundur dari kuil berhala-berhala itu.

قَالُوا۟ سَمِعْنَا فَتًى يَذْكُرُهُمْ يُقَالُ لَهُۥٓ إِبْرَٰهِيمُ ﴿٦٠﴾

*"Jawab mereka: Kami dengar ada seorang pemuda yang mencelakan berhala-berhala ini yang dipanggil Ibrahim."(60)*

Dari ayat ini nampak jelas bahawa Ibrahim a.s. masih dalam usia muda belia ketika beliau dikurniakan hidayat oleh Allah. Beliau telah mengecam perbuatan menyembah berhala dan bertindak menghancurkan berhala-berhala itu, tetapi apakah Allah telah mewahyukan risalah kepada beliau pada masa itu? Atau apa yang dilakukan beliau itu hanya merupakan suatu ilham yang telah menunjukkannya ke jalan yang benar sebelum beliau dibangkitkan menjadi Rasul, kerana itulah beliau menyeru bapanya ke jalan yang benar dan mencela kaumnya yang menyembah berhala-berhala?

Inilah pendapat yang lebih rajih.

Tetapi di sana ada lagi satu kemungkinan bahawa maksud dari kata-kata mereka "*kami dengar ada seorang pemuda*" ialah untuk mengecil-ngecilkan taraf Ibrahim. Ini dibuktikan perbuatan mereka yang berpura-pura tidak tahu tentang diri beliau ketika mereka berkata: "*Yang dipanggil Ibrahim*" dengan tujuan untuk memperkecil-kecilkan Ibrahim dan menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang tidak terkenal dan tidak penting. Mungkin juga tujuan mereka begitu, tetapi kami tarjihkan bahawa Ibrahim a.s. pada masa itu masih dalam usia yang sangat muda:

قَالُوا۟ فَأْتُوا۟ بِهِۦ عَلَىٰٓ أَعْيُنِ ٱلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَشْهَدُونَ ﴿٦١﴾

*"Kata mereka: Bawalah dia ke mari di hadapan mata khalayak yang ramai supaya mereka dapat menyaksikan."(61)*

Tindakan ini bertujuan untuk memburukkan nama Ibrahim dan mengumumkan perbuatan beliau di hadapan khalayak yang ramai!

قَالُوٓا۟ ءَأَنتَ فَعَلْتَ هَٰذَا بِـَٔالِهَتِنَا يَٰٓإِبْرَٰهِيمُ ﴿٦٢﴾

*"Mereka bertanya: Apakah engkau yang telah melakukan perbuatan ini terhadap tuhan-tuhan kami, wahai Ibrahim?"(62)*

Mereka masih berkeras mendakwa berhala-berhala itu sebagai tuhan-tuhan walaupun dalam keadaan hancur lebur, tetapi Ibrahim telah berjaya mempersendakan mereka dan meletakkan mereka dalam keadaan yang sinis walaupun dia sebatang kara dan bilangan mereka begitu ramai. Ini kerana Ibrahim berfikir dengan akalnya yang terbuka dan dengan hatinya yang berhubung dengan Allah. Pemikiran beliau yang sedemikian tidak dapat menahan dirinya selain dari mempersenda-sendakan mereka dan menjawab pertanyaan mereka dengan jawapan yang sesuai dengan taraf pemikiran mereka yang rendah:

قَالَ بَلْ فَعَلَهُۥ كَبِيرُهُمْ هَٰذَا فَسْـَٔلُوهُمْ إِن كَانُوا۟ يَنطِقُونَ ﴿٦٣﴾

*"Jawab Ibrahim: Sebenarnya yang melakukan perbuatan itu ialah berhala yang terbesar inilah. Tanyalah sendiri berhala-berhala itu.jika mereka dapat bercakap."(63)*

Jawapan ini mengandungi sendaan yang amat jelas, tidak ada sebab bagi kita untuk menamakan jawapan ini sebagai satu pembohongan dari Nabi Ibrahim a.s. dan cuba mencari berbagai-bagai alasannya sebagaimana yang dipertikaikan oleh para Mufassirin. Perkara ini jauh lebih mudah dari itu lagi. Beliau bertujuan mengatakan kepada mereka: Bahawa berhala-berhala itu tidak mengetahui siapakah yang telah menghancurkannya sama ada saya yang melakukannya atau berhala yang besar ini yang melakukannya. Berhala ini juga tidak mempunyai daya gerak seperti berhala-berhala yang dihancurkan itu. Ia adalah pepejal yang tidak mempunyai daya berfikir dan kamu juga sama dengan berhala-berhala itu. Kamu telah dirampas daya berfikir hingga tidak dapat membeza di antara yang harus dan yang mustahil dan hingga kamu sendiri tidak tahu sama ada saya yang menghancurkannya atau berhala besar ini yang menghancurkannya "*tanyalah sendiri berhala-berhala itu jika mereka dapat bercakap*".

Jelaslah bahawa sendaan dan ejekan Ibrahim itu telah menggoncangkan hati mereka dan membuat mereka kembali berfikir dengan insaf:

فَرَجَعُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ فَقَالُوٓا۟ إِنَّكُمْ أَنتُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٦٤﴾

*"Mereka kembali berfikir di dalam hati mereka lalu berkata: Sesungguhnya kamulah yang sebenarnya orang-orang yang zalim."(64)*

Memanglah satu alamat yang baik apabila mereka menyedari pendirian mereka yang karut dan perbuatan mereka yang zalim menyembah patung-patung itu. Memanglah satu petanda yang baik apabila mata hati mereka terbuka bagi pertama kalinya memikirkan kepercayaan yang karut, yang wajar bagi mereka mempersalah diri mereka dan perbuatan mereka yang zalim, yang dilakukan mereka dengan penuh kelalaian itu, tetapi sayang kesedaran itu hanya merupakan sekelip cahaya yang terang sahaja kemudian terus kembali gelap. Ia hanya merupakan satu denyut harakat kesedaran sahaja kemudian hati mereka terus kembali jumud.

ثُمَّ نُكِسُوا عَلَىٰ رُءُوسِهِمْ لَقَدْ عَلِمْتَ مَا هَٰؤُلَاءِ يَنطِقُونَ ﴿٦٥﴾

*"Kemudian fikiran mereka terbalik songsang (lalu mereka berkata): (Wahai Ibrahim!) Sesungguhnya engkau tentulah telah mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak dapat bercakap."(65)*

Memang benar kali yang pertama mereka sedar, tetapi kali yang kedua fikiran mereka terbalik songsang pula sebagaimana digambarkan oleh Al-Qur'an dengan ungkapannya yang amat menarik. Kali pertama merupakan kesedaran mereka untuk berfikir dan kali yang kedua merupakan fikiran mereka yang terbalik songsang, yang tidak lagi menggunakan akal. (Inilah keadaan mereka yang sebenar) Jika tidak, maka kata-kata mereka yang akhir ini merupakan satu hujjah yang mengalahkan mereka sendiri, kerana tidak ada alasan yang lebih kuat bagi Ibrahim dari alasan bahawa berhala-berhala itu sama sekali tidak dapat bercakap. Dan oleh sebab itulah beliau berkata kepada mereka dengan kasar dan dengan perasaan yang marah di luar kebiasaannya kerana beliau selalunya bersifat sabar dan penyantun. Beliau berbuat demikian kerana kekarutan pemikiran mereka telah melampaui batas kesabaran seseorang yang penyantun.

قَالَ أَفَتَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنفَعُكُمْ شَيْئًا وَلَا يَضُرُّكُمْ ﴿٦٦﴾

أُفٍّ لَّكُمْ وَلِمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ ۖ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾

*"Jawab Ibrahim: Mengapakah kamu menyembah selain dari Allah sesuatu yang tidak dapat memberi manfa'at kepada kamu sedikit pun dan tidak pula dapat memberi mudharat kepada kamu (66). Celakalah kepada kamu dan kepada berhala-berhala yang kamu sembah selain dari Allah, mengapakah kamu tidak berfikir?"(67)*

Perkataan-perkataan ini membayangkan kemarahan yang terpendam di dalam dada dan membayangkan perasaan takjub terhadap kekarutan fikiran yang melampaui batas biasa.

Sampai di sini mereka dikongkong oleh perasaan berbangga dengan dosa sebagaimana yang selalu berlaku kepada pemerintah-pemerintah yang zalim apabila mereka kehilangan hujjah dan alasan lalu mereka bertindak menggunakan kekuatan yang zalim dan penindasan yang kejam:

قَالُوا حَرِّقُوهُ وَانصُرُوا آلِهَتَكُمْ إِن كُنتُمْ فَاعِلِينَ ﴿٦٨﴾

*"Mereka pun berkata: Bakarkan dia! Dan bantulah tuhan-tuhan kamu, jika kamu benar-benar hendak bertindak."(68)*

Alangkah baiknya nasib tuhan-tuhan yang ditolong para penyembahnya, sedangkan mereka sendiri tidak berkuasa memberi manfa'at atau mudharat kepada diri mereka sendiri apatah lagi untuk menolong para penyembah mereka.

"*Mereka pun berkata: Bakarkan dia*", tetapi sebelum itu perintah Ilahi telah pun dikeluarkan, lalu perintah ini membatalkan segala perintah yang lain dan menggagalkan segala rancangan yang jahat. Itulah perintah tertinggi yang tidak dapat dihalangkan:

قُلْنَا يَا نَارُ كُونِي بَرْدًا وَسَلَامًا عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ ﴿٦٩﴾

*"Kami berfirman: Wahai api! Jadilah engkau sejuk dan selamat kepada Ibrahim!"(69)*

Lalu api itu pun menjadi sejuk dan selamat kepada mereka.

Bagaimana?

Mengapa kita harus bertanya peristiwa ini sahaja, sedangkan kata-kata "kun" itu telah menciptakan berbagai-bagai makhluk dan alam, berbagai-bagai undang-undang dan peraturan.

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَن يَقُولَ لَهُ كُن فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

*"Sesungguhnya urusan ciptaan Allah apabila Dia hendak menciptakan sesuatu Dia hanya memerintah kepadanya: Jadilah, maka iapun terus jadi."*

(Surah Yaasin: 82)

Kita tidak harus bertanya: Mengapa api tidak membakar Ibrahim, sedangkan biasanya api itu membakar segala jisim yang hidup? Kerana Tuhan yang memerintah api: "*Wahai api! Janganlah engkau membakar!*" Tuhan itulah juga yang memerintah "*Wahai api! Jadilah engkau sejuk dan selamat*". Ia hanya merupakan sepatah perintah yang dapat mewujudkan apa sahaja yang dikehendaki-Nya sama ada sesuatu yang dikehendaki-Nya merupakan perkara yang biasa kepada manusia atau luar biasa.

Hanya orang-orang yang mengukur kerja-kerja Allah S.W.T. dengan kerja-kerja manusia sahaja yang tergamak bertanya: Bagaimana hal ini boleh berlaku? Bagaimana ia mungkin berlaku? Tetapi bagi orang-orang yang memahami perbezaan di antara dua sifat dan dua alat itu, mereka sama sekali tidak akan bertanya suatu apa. Mereka tidak cuba merekakan alasan-alasan sama ada bersifat ilmiyah atau tidak bersifat ilmiyah, kerana permasalahan tidak wujud sama sekali di bidang ini. Permasalahan tidak wujud di bidang mengemukakan dalil-dalil dan analisa-analisa mengikut neraca pertimbangan dan ukuran-ukuran manusia. Segala cara pemikiran yang diguna untuk memahami mu'jizat-mu'jizat yang seperti ini selain dari cara pemikiran menyerahkan kepada qudrat Allah yang mutlaq adalah cara pemikiran yang tidak betul

dari asasnya lagi, kerana kerja-kerja Allah tidak tunduk dan terta'luk kepada neraca-neraca ukuran-ukuran manusia dan ilmu pengetahuan mereka yang sedikit dan terbatas.

Kita hanya wajib percaya bahawa peristiwa ini benar-benar telah berlaku, kerana Allah Penciptanya berkuasa berbuat begitu, tentang bagaimana Allah boleh membuat api itu menjadi sejuk dan selamat? Bagaimana Dia lakukan terhadap Ibrahim hingga beliau tidak dapat dihanguskan api? Maka pertanyaan-pertanyaan seperti ini tidak dijelaskan oleh Al-Qur'an memandangkan perkara-perkara yang seperti ini-tidak dapat difahami oleh akal fikiran manusia yang terbatas dan kita tidak harus berpegang dengan dalil-dalil yang lain dari Al-Qur'an.

Kejadian perubahan api menjadi sejuk dan selamat kepada Ibrahim merupakan satu contoh sahaja dari contoh-contoh seumpamanya yang berlaku di dalam berbagai-bagai bentuk rupa, tetapi kejadian-kejadian ini tidak menggoncang dan menakjubkan perasaan manusia sebagaimana yang ditimbulkan oleh peristiwa api yang tidak membakar Ibrahim, yang berlaku secara terbuka dan jelas itu. Berapa banyak kesusahan dan malapetaka yang telah menimpa individu-individu dan kelompok. Malapetaka-malapetaka itu sepatutnya memberi pukulan maut kepada mereka, tetapi kerana sesuatu perkara yang kecil sahaja malapetaka-malapetaka itu terhindar dari mereka dan menyebabkan mereka hidup tidak mati, dan menyebabkan malapetaka itu menyegar tidak melumpuh dan membawa banyak kebaikan, sedangkan akibat biasanya membawa berbagai-bagai keburukan.

Ungkapan atau perintah *"Wahai api! Jadilah engkau sejuk dan selamat kepada Ibrahim"* merupakan perintah Ilahi yang sentiasa berulang-ulang dalam kehidupan individu-individu, kumpulan-kumpulan dan bangsa-bangsa, juga berulang-ulang di dalam kehidupan pemikiran-pemikiran, 'aqidah-'aqidah dan da'wah-da'wah. Ia merupakan lambang dari perintah Ilahi yang membatalkan segala perintah yang lain dan menggagalkan segala tindakan jahat, kerana ia merupakan perintah tertinggi yang tidak dapat ditolak:

وَأَرَادُوا۟ بِهِۦ كَيْدًا فَجَعَلْنَٰهُمُ ٱلْأَخْسَرِينَ ﴿٧٠﴾

*"Dan mereka telah merancangkan tindakan yang jahat terhadap Ibrahim lalu Kami jadikan mereka orang-orang yang paling rugi."(70)*

Menurut riwayat-riwayat, nama raja yang semasa dengan Nabi Ibrahim a.s. ialah Namrud, iaitu raja orang-orang Arami di Iraq. Baginda dan para pembesar kaumnya telah dibinasakan dengan 'azab Allah. Berbagai-bagai riwayat yang tidak sama telah menceritakan butir-butir kisah Raja Namrud ini dan kita tidak mempunyai apa-apa dalil. Yang penting kepada kita di sini ialah Allah telah menyelamatkan Nabi Ibrahim dari rancangan jahat yang diatur oleh Namrud. Baginda dan para pembesarnya yang merancangkan tindakan jahat itu telah menderita kerugian dan kegagalan:

*"Lalu Kami jadikan mereka orang-orang yang paling rugi."(70)*

Demikianlah Al-Qur'an menceritakan kisah itu secara umum tanpa memberi suatu gambaran yang tertentu.

وَنَجَّيْنَٰهُ وَلُوطًا إِلَى ٱلْأَرْضِ ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا لِلْعَٰلَمِينَ ﴿٧١﴾

*"Dan Kami selamatkan Ibrahim dan Lut ke sebuah negeri yang Kami telah berkatikannya untuk sekalian manusia."(71)*

### *Negeri Syam Merupakan Tempat Kebangkitan Para Rasul Dari Zuriat Ismail*

Negeri yang dimaksudkan di sini ialah negeri Syam, tempat beliau dan anak saudaranya Lut berpindah. Negeri Syam merupakan negeri tempat turunnya wahyu Allah selama satu zaman yang amat panjang. Ia merupakan tempat kebangkitan para rasul dari keturunan Ibrahim. Di sinilah terdapat tanah suci dan tanah haram yang kedua dan di sinilah terdapat keberkatan tanah yang subur dan rezeki yang mewah di samping keberkatan wahyu dan nubuwwah generasi demi generasi.

وَوَهَبْنَا لَهُۥٓ إِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ نَافِلَةً ۖ وَكُلًّا جَعَلْنَا صَٰلِحِينَ ﴿٧٢﴾ وَجَعَلْنَٰهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَآ إِلَيْهِمْ فِعْلَ ٱلْخَيْرَٰتِ وَإِقَامَ ٱلصَّلَوٰةِ وَإِيتَآءَ ٱلزَّكَوٰةِ ۖ وَكَانُوا۟ لَنَا عَٰبِدِينَ ﴿٧٣﴾

*"Dan Kami telah mengurniakan kepadanya (Ibrahim), Ishaq (anak) dan juga Ya'kub (cucu) sebagai tambahan dan setiap orang dari keduanya Kami jadikannya orang yang soleh belaka (72). Dan Kami jadikan mereka para pemimpin yang membimbing manusia dengan perintah Kami dan Kami wahyukan kepada mereka supaya mengerjakan amalan-amalan kebajikan, mendirikan solat dan menunaikan zakat dan mereka sekalian sentiasa beribadat kepada Kami."(73)*

Ibrahim a.s. telah meninggalkan tanahairnya, keluarganya dan kaumnya lalu Allah gantikannya dengan negeri Syam yang penuh keberkatan, satu negeri yang lebih baik dari negeri asalnya dan menggantikannya dengan anaknya Ishaq dan cucunya Ya'kub selaku keluarga baru yang lebih baik dari keluarga asalnya, dan menggantikannya dengan zuriat keturunan yang membentuk satu umat yang ramai bilangannya dan menjadi satu kaum yang lebih baik dari kaum asalnya. Dari keturunan beliaulah Allah jadikan pemimpin-pemimpin yang menunjuk manusia kepada agama Allah, menyuruh mereka mengerjakan

segala amalan yang baik, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat dan mereka sentiasa ta'at dan patuh kepada Allah. Itulah sebaik-baik gantian, sebaik-baik balasan dan sebaik-baik kesudahan hidup yang dikurniakan Allah kepada Ibrahim a.s. Beliau telah diuji dengan kesusahan lalu beliau hadapinya dengan penuh kesabaran dan akhirnya mendapat kesudahan hidup yang mulia, yang layak dengan darjat kesabarannya yang amat cemerlang.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 74 - 75)**

وَلُوطًا ءَاتَيْنَٰهُ حُكْمًا وَعِلْمًا وَنَجَّيْنَٰهُ مِنَ ٱلْقَرْيَةِ ٱلَّتِى كَانَت تَّعْمَلُ ٱلْخَبَٰٓئِثَ ۗ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمَ سَوْءٍ فَٰسِقِينَ ﴿٧٤﴾

وَأَدْخَلْنَٰهُ فِى رَحْمَتِنَآ ۖ إِنَّهُۥ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٧٥﴾

*"Dan kepada Lut Kami kurniakan kepadanya hikmat dan ilmu dan Kami telah menyelamatkannya dari negeri yang penduduknya melakukan berbagai-bagai perbuatan yang keji, sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang jahat lagi fasiq (74). Dan Kami masukkannya ke dalam rahmat Kami. Sesungguhnya dia adalah dari golongan orang-orang yang soleh."(75)*

***Perpindahan Nabi Lut Dan Ibrahim Dari Negeri Iraq Ke Negeri Syam***

Kisah Nabi Lut a.s. telah pun diceritakan dengan terperinci. Ia disebut di sini secara sepintas lalu sahaja. Beliau telah berpindah bersama-sama bapa saudaranya Ibrahim a.s. dari negeri Iraq ke negeri Syam. Beliau tinggal di Kampung Sadum, iaitu sebuah kampung yang suka mengamalkan kejahatan seks yang ganjil, iaitu mencari kepuasan seks sesama lelaki secara terang-terangan, tanpa malu-malu dan segan. Lalu Allah binasakan kampung itu serta penduduknya:

إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمَ سَوْءٍ فَٰسِقِينَ ﴿٧٤﴾

*"Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang jahat lagi fasiq."(74)*

Allah telah menyelamatkan Lut dan keluarganya kecuali isterinya:

وَأَدْخَلْنَٰهُ فِى رَحْمَتِنَآ ۖ إِنَّهُۥ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٧٥﴾

*"Dan Kami masukkannya ke dalam rahmat Kami. Sesungguhnya dia adalah dari golongan orang-orang yang soleh."(75)*

Ungkapan ini menggambarkan rahmat itu seolah-olah suatu tempat perlindungan, di mana Allah memasukkan ke dalamnya siapa sahaja yang dikehendaki-Nya dan di sana mereka mendapat keamanan, kesenangan dan rahmat.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 76 - 77)**

Kisah Nuh juga disebut secara sepintas lalu:

وَنُوحًا إِذْ نَادَىٰ مِن قَبْلُ فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ فَنَجَّيْنَٰهُ وَأَهْلَهُۥ مِنَ ٱلْكَرْبِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٧٦﴾

وَنَصَرْنَٰهُ مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَآ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمَ سَوْءٍ فَأَغْرَقْنَٰهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٧٧﴾

*"Dan (kenangilah) Nuh ketika dia berdo'a sebelum ini lalu Kami memperkenankan do'anya dan kami selamatkannya bersama keluarganya dari malapetaka yang amat besar (76). Dan Kami telah menolongkannya dari (kejahatan) kaum yang telah mendustakan ayat-ayat Kami. Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang jahat lalu Kami tenggelamkan seluruh mereka."(77)*

Inilah kisah sepintas lalu yang tidak diperincikan sedikit pun untuk menjelaskan bahawa Allah telah memperkenankan do'a Nuh a.s. ketika beliau berdo'a *"sebelum ini"* iaitu sebelum Ibrahim dan Lut. Allah juga telah menyelamatkan Nub dan keluarganya kecuali isterinya dan membinasakan kaumnya dengan banjir yang amat besar. Itulah *"malapetaka yang amat besar"* yang diceritakan dengan terperinci di dalam Surah Hud.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 78 - 82)**

***Kelebihan-kelebihan Nabi Daud Dan Nabi Sulaiman***

Kemudian Al-Qur'an menceritakan agak terperinci sedikit satu babak dari kisah Daud dan Sulaiman:

وَدَاوُۥدَ وَسُلَيْمَٰنَ إِذْ يَحْكُمَانِ فِى ٱلْحَرْثِ إِذْ نَفَشَتْ فِيهِ غَنَمُ ٱلْقَوْمِ وَكُنَّا لِحُكْمِهِمْ شَٰهِدِينَ ﴿٧٨﴾

فَفَهَّمْنَٰهَا سُلَيْمَٰنَ ۚ وَكُلًّا ءَاتَيْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا ۚ وَسَخَّرْنَا مَعَ دَاوُۥدَ ٱلْجِبَالَ يُسَبِّحْنَ وَٱلطَّيْرَ ۚ وَكُنَّا فَٰعِلِينَ ﴿٧٩﴾

وَعَلَّمْنَٰهُ صَنْعَةَ لَبُوسٍ لَّكُمْ لِتُحْصِنَكُم مِّنۢ بَأْسِكُمْ ۖ فَهَلْ أَنتُمْ شَٰكِرُونَ ﴿٨٠﴾

وَلِسُلَيْمَٰنَ ٱلرِّيحَ عَاصِفَةً تَجْرِى بِأَمْرِهِۦٓ إِلَى ٱلْأَرْضِ ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا ۚ وَكُنَّا بِكُلِّ شَىْءٍ عَٰلِمِينَ ﴿٨١﴾

وَمِنَ ٱلشَّيَٰطِينِ مَن يَغُوصُونَ لَهُۥ وَيَعۡمَلُونَ عَمَلٗا دُونَ ذَٰلِكَۖ وَكُنَّا لَهُمۡ حَٰفِظِينَ ﴿٨٢﴾

*"Dan (kenangilah kisah) Daud dan Sulaiman ketika kedua-duanya menjatuhkan hukuman mengenai tanaman ketika ia dirosakkan oleh kambing-kambing kaumnya yang berkeliaran di dalamnya di waktu malam dan sesungguhnya Kamilah yang telah menyaksikan hukuman itu (78). Kami telah memberi kefahaman (yang lebih adil) kepada Sulaiman mengenai hukuman itu, dan kepada mereka berdua Kami kurniakan hikmat dan ilmu, dan Kami telah menundukkan gunung-ganang dan burung-burung bertasbih bersama Daud, dan Kami adalah berkuasa berbuat demikian (79). Dan Kami telah mengajar kepada Daud kepandaian membuat baju-baju besi untuk kamu supaya ia dapat memelihara kamu dari bahaya-bahaya (tikaman) di dalam peperangan kamu. Apakah kamu bersyukur? (80) Dan (Kami telah menundukkan) kepada Sulaiman angin yang amat kencang yang bertiup dengan perintahnya ke negeri yang Kami telah memberkatinya, dan Kamilah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu (81). Dan di dalam golongan para syaitan (Kami tundukkan kepada Sulaiman) pasukan yang menyelam untuknya dan melakukan pekerjaan-pekerjaan yang lain dari itu, dan Kamilah yang menjaga mereka."(82)*

Kisah tanaman yang telah diadili oleh Daud dan Sulaiman itu telah diceritakan oleh para rawi seperti berikut: Ada dua orang lelaki datang berguam di hadapan Nabi Daud a.s., seorang darinya tuanpunya tanaman atau ladang dan menurut satu riwayat yang lain ladang kurma, dan seorang lagi ialah penternak kambing. Tuanpunya tanaman telah mendakwa bahawa kambing-kambing itu telah memasuki ladang tanamannya di waktu malam dan merosakkannya hingga semua tanaman musnah, lalu Daud a.s. pun menjatuhkan hukuman, iaitu tuanpunya ladang boleh mengambil kambing-kambing penternaknya sebagai ganti tanamannya yang rosak itu. Kemudian penternak kambing itu datang mendapatkan Sulaiman a.s. dan menceritakan keputusan hukuman yang dijatuhkan oleh Daud, lalu Sulaiman a.s. pun mengadap ayahandanya, Daud sambil bersabda: "Wahai Nabiyullah, hukuman yang lebih adil bukannya seperti hukuman yang telah dijatuhkan oleh ayahanda". Daud a.s. terus bertanya: "Bagaimana hukumannya?" Jawab Sulaiman: "Serahkan kambing-kambing itu kepada tuanpunya ladang supaya dia dapat mengambil manfa'at dari ternakan itu dan serahkan ladang itu kepada penternak kambing itu supaya dia membetulkan kerosakan yang telah berlaku kepada ladang itu sehingga pulih seperti sediakala, dan selepas itu pulangkan semula kepada tuanpunya masing-masing hak kepunyaannya, iaitu tuanpunya ladang mengambil balik bendangnya dan penternak kambing mengambil balik kambing-kambing ternakannya". Lalu Daud a.s. pun bersabda!: "Hukuman yang diputuskan oleh anakanda ini adalah lebih adil". Lalu Daud pun meminda keputusannya dan mengenakan hukuman yang telah diputuskan oleh Sulaiman.

Keputusan hukuman yang dibuat oleh Daud dan Sulaiman dalam kes ini merupakan keputusan yang dibuat menurut ijtihad mereka masing-masing dan kedua-dua hukuman itu telah disaksikan oleh Allah, kemudian Allah mengilhamkan kepada Sulaiman hukuman yang lebih adil dan bijaksana dan memahamkan beliau hukuman itu dan itulah hukuman yang lebih tepat.

Hukuman Daud a.s. semata-mata bertujuan memberi gantirugi kepada tuanpunya ladang tanaman dan tujuan ini sudah pun cukup adil, tetapi hukuman Sulaiman a.s. di samping mendokong dasar keadilan, ia juga merupakan hukuman yang membina dan membangun, yakni keadilan hukuman ini mendorong ke arah pembinaan dan pembangunan. Inilah keadilan yang dinamik dan positif dalam bentuknya yang membina dan mendorong ke arah pembangunan. Itulah hukuman dari pembukaan dan ilham dari Allah yang dikurniakan kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya.

Kedua-dua Daud dan Sulaiman a.s. itu telah dikurniakan hikmat dan ilmu pengetahuan:

وَكُلًّا ءَاتَيۡنَا حُكۡمٗا وَعِلۡمٗاۚ

*"Dan kepada mereka berdua Kami kurniakan hikmat ilmu pengetahuan."(79)*

Tidak ada apa-apa kesalahan di dalam keputusan hukuman yang dijatuhkan Daud a.s.; tetapi keputusan hukuman yang diberikan Sulaiman a.s. adalah lebih tepat, kerana keputusan itu adalah dari ilham Ilahi.

Kemudian Al-Qur'an menerangkan pemberian-pemberian istimewa masing-masing yang dikurniakan Allah kepada mereka berdua:

وَسَخَّرۡنَا مَعَ دَاوُۥدَ ٱلۡجِبَالَ يُسَبِّحۡنَ وَٱلطَّيۡرَۚ وَكُنَّا فَٰعِلِينَ ﴿٧٩﴾ وَعَلَّمۡنَٰهُ صَنۡعَةَ لَبُوسٖ لَّكُمۡ لِتُحۡصِنَكُم مِّنۢ بَأۡسِكُمۡۖ فَهَلۡ أَنتُمۡ شَٰكِرُونَ ﴿٨٠﴾

*"Dan Kami telah menundukkan gunung-ganang dan burung-burung bertasbih bersama Daud, dan Kami adalah berkuasa berbuat demikian (79). Dan Kami telah mengajar kepada Daud kepandaian membuat baju-baju besi untuk kamu supaya ia dapat memelihara kamu dari bahaya-bahaya (tikaman) di dalam peperangan kamu. Apakah kamu bersyukur?"(80)*

Daud a.s. telah dikenali dengan mazmur-mazmurnya, iaitu pengucapan nasyid-nasyid tasbih kepada Allah yang dikumandangkan beliau dengan suaranya yang merdu, yang mencetuskan gema di sekelilingnya dan disahuti gunung-ganang dan burung-burung.

Apabila hati seseorang hamba telah bersambung dengan Allah, maka dia akan merasa bersambung dengan seluruh alam buana, dan seluruh jantung alam buana akan berdegup bersama dengan degup jantungnya, dan hilanglah segala tembok halangan

dan pemisahan yang terjadi akibat perasaan yang merasakan wujudnya perbezaan di antara berbagai-bagai jenis makhluk itu dan menimbulkan batas-batas dan tembok-tembok pemisahan di antara mereka. Di waktu inilah seluruh hati dan hakikat-hakikatnya akan bertemu dengan hati alam buana dan hakikatnya.

Dalam sa'at-sa'at sorotan cahaya gemilang ini rohnya akan merasa bercantum dan berpadu dengan seluruh roh alam buana. Di waktu ini dia tidak merasa adanya sesuatu yang terkeluar dari zatnya atau merasa dirinya berbeza dengan makhluk-makhluk yang wujud di sekelilingnya, malah seluruh makhluk di sekelilingnya adalah bercantum dengan zatnya.

Dari ayat ini kita dapat menggambarkan Nabi Daud a.s. ketika beliau melagukan mazmur-mazmurnya bahawa beliau lupakan dirinya yang terpisah dan berbeza dari yang lain, dan rohnya mengembara di bawah naungan Allah di merata pelosok alam buana, dan menjelajah seluruh makhluk sama ada yang tidak bernyawa atau yang bernyawa. Gema tasbih makhluk-makhluk itu dirasakannya bersahut-sahutan dan bersambut-sambutan dengan gema tasbihnya, dan seluruh alam buana ketika itu seolah-olah merupakan satu orkestra yang mengumandangkan sebuah lagu tasbih yang mengagung-agungkan kebesaran Allah dan memuji-Nya.

وَإِن مِّن شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِۦ وَلَٰكِن لَّا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ

*"Tiada suatu makhluk melainkan ia bertasbih memuji Allah, tetapi kamu tidak memahami tasbih mereka"*

(Surah al-Isra': 44)

orang-orang yang memahami tasbih makhluk-makhluk itu ialah orang-orang yang bebas dari batas-batas dan tembok-tembok pemisahan dan terbang bebas bersama-sama roh sekalian makhluk menuju kepada Allah.

وَسَخَّرْنَا مَعَ دَاوُۥدَ ٱلْجِبَالَ يُسَبِّحْنَ وَٱلطَّيْرَ ۚ وَكُنَّا فَٰعِلِينَ ﴿٧٩﴾

*"Dan Kami telah menundukkan gunung-ganang dan burung-burung bertasbih bersama Daud, dan Kami adalah berkuasa berbuat demikian."(79)*

Yakni di sana tiada suatu makhluk pun yang tidak tunduk kepada qudrat Allah atau enggan menerima kehendak iradat Allah, sama ada makhluk itu merupakan makhluk biasa kepada manusia atau luar biasa.

وَعَلَّمْنَٰهُ صَنْعَةَ لَبُوسٍ لَّكُمْ لِتُحْصِنَكُم مِّنۢ بَأْسِكُمْ ۖ فَهَلْ أَنتُمْ شَٰكِرُونَ ﴿٨٠﴾

*"Dan Kami telah mengajar kepada Daud kepandaian membuat baju-baju besi untuk kamu supaya ia dapat memelihara kamu dari bahaya-bahaya (tikaman) di dalam peperangan kamu. Apakah kamu bersyukur?"(80)*

Itulah kepandaian membuat baju besi dari cincin-cincin besi yang berkaitan atau saling menjalin satu sama lain, sedangkan sebelum ini ia dibuat dalam bentuk kepingan-kepingan besi yang keras kerana baju besi yang diperbuat dari kaitan dan jalinan cincin-cincin besi itu lebih mudah digunakan dan lebih lembut. Kini jelaslah bahawa Nabi Daud a.s. merupakan orang yang pertama merekakan baju besi jenis ini dengan ajaran Allah. Allah sentiasa mengurniakan ni'mat kepada manusia dan telah mengajar Daud a.s, kepandaian membuat baju besi untuk melindungi mereka dari tikaman-tikaman musuh di dalam peperangan:

لِتُحْصِنَكُم مِّنۢ بَأْسِكُمْ

*"Supaya ia dapat memelihara kamu dari bahaya (tikaman) di dalam peperangan kamu."(80)*

Kemudian Al-Qur'an mengemukakan pertanyaan yang bertujuan memberi bimbingan dan galakan kepada mereka:

فَهَلْ أَنتُمْ شَٰكِرُونَ ﴿٨٠﴾

*"Apakah kamu bersyukur?"(80)*

Tamadun manusia berjalan perlahan-lahan selangkah demi selangkah di belakang penemuan-penemuan yang baru. Ia tidak datang secara melompat kerana urusan khilafah atau pemerintahan bumi ini diserahkan kepada manusia dan daya-daya pemikirannya yang dikurniakan kepadanya untuk membolehkan mereka mengaturkan langkah pada setiap hari dan menyusun kembali kehidupannya mengikut langkah yang baru itu. Usaha menyusun semula kehidupan mengikut peraturan yang baru itu bukanlah suatu perkara yang mudah kepada jiwa manusia. Ia menggoncangkan ketenteramannya dan mengubahkan kebiasaan-kebiasaannya. Ia memerlukan satu jangka waktu untuk memulihkan ketenteraman dan kestabilan yang diperlukannya demi melakukan kegiatan bekerja dan menghasilkan pengeluaran. Oleh sebab itulah hikmat kebijaksanaan Allah menetapkan adanya satu jangka masa ketenteraman atau kestabilan selepas setiap penyusunan yang baru.

Kegelisahan yang menekan saraf dunia hari ini adalah berpunca dari kecepatan berlakunya goncangan-goncangan akibat penemuan-penemuan ilmiyah dan perubahan-perubahan sosial yang tidak dapat memberi masa ketenteraman dan kestabilan yang cukup kepada manusia, iaitu ia tidak dapat memberi peluang yang cukup kepada jiwa manusia untuk membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan perubahan atau kedudukan yang baru itu.

Itulah keistimewaan Nabi Daud a.s. dan keistimewaan nabi Sulaiman pula adalah lebih besar lagi:

وَلِسُلَيْمَٰنَ ٱلرِّيحَ عَاصِفَةً تَجْرِي بِأَمْرِهِۦٓ إِلَى ٱلْأَرْضِ ٱلَّتِي بَٰرَكْنَا فِيهَا ۚ وَكُنَّا بِكُلِّ شَيْءٍ عَٰلِمِينَ ﴿٨١﴾ وَمِنَ ٱلشَّيَٰطِينِ مَن يَغُوصُونَ لَهُۥ وَيَعْمَلُونَ عَمَلًا دُونَ ذَٰلِكَ ۖ وَكُنَّا لَهُمْ حَٰفِظِينَ ﴿٨٢﴾

*"Dan (Kami telah menundukkan) kepada Sulaiman angin yang amat kencang yang bertiup dengan perintahnya ke negeri yang Kami telah memberkatinya, dan Kamilah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu (81). Dan di dalam golongan para syaitan (Kami tundukkan kepada Sulaiman) pasukan yang menyelam untuknya dan melakukan pekerjaan-pekerjaan yang lain dari itu, dan Kamilah yang menjaga mereka."(82)*

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat, berbagai-bagai kefahaman dan pendapat yang berlegar di sekitar keistimewaan-keistimewaan mu'jizat Nabi Sulaiman a.s. Kebanyakannya diambil dari dongeng-dongeng Israeliyat dan gambaran-gambaran khayal yang karut-marut. Tetapi kami tidak mahu mengembara di padang yang sesat ini. Kami hanya berhenti setakat batas-batas nas keterangan Al-Qur'an sahaja kerana di sebalik batas-batas itu tidak terdapat keterangan-keterangan yang meyakinkan mengenai kisah Sulaiman a.s. itu sendiri.

Nas Al-Qur'an di sini menjelaskan bahawa Allah telah menundukkan angin yang kencang kepada Nabi Sulaiman a.s. Angin itu bertiup mengikut perintah-Nya menuju ke negeri yang telah diberkati Allah. Negeri itu menurut ghalibnya ialah negeri Syam, kerana ia pernah disebut sebelum ini dengan sifat yang sama di dalam kisah Ibrahim a.s. Bagaimanakah angin yang kencang itu ditundukkan kepada Ibrahim?

Di sana ada kisah permaidani terbang yang mengatakan bahawa Sulaiman a.s. dan para pengiringnya duduk di atas permaidani itu kemudian terbang ke Syam dalam waktu yang sebentar sahaja, sedangkan jarak jauhnya memakan masa selama sebulan dengan perjalanan unta dan begitu juga masa pulangnya. Riwayat ini berpegang dengan keterangan yang disebut di dalam Surah Saba' mulai dari firman-Nya:

وَلِسُلَيْمَٰنَ ٱلرِّيحَ غُدُوُّهَا شَهْرٌ وَرَوَاحُهَا شَهْرٌ ۖ

*"Dan (Kami tundukkan) angin kepada Sulaiman, perjalanan, perginya sebulan dan perjalanan baliknya sebulan."*

(Surah Saba': 12)

Tetapi Al-Qur'an tidak menyebut sedikit pun tentang permaidani terbang itu dan ia tidak pula pernah disebut di dalam mana-mana athar yang diyakini kebenarannya. Oleh itu kita tidak mempunyai apa-apa dalil yang dapat kita pegang untuk menjelaskan masalah permaidani terbang itu.

Oleh itu adalah lebih selamat kita mentafsirkan bahawa maksud angin itu ditundukkan kepada Sulaiman ialah angin itu diarahkan bertiup dengan perintah Allah menuju ke negeri yang diberkati Allah dalam perjalanan yang mengambil masa sebulan pergi dan sebulan pulang. Bagaimana? Kami telah tegaskan sebelum ini bahawa qudrat Allah yang bebas itu tidak wajar ditanya bagaimana? Kerana penciptaan undang-undang dan urusan mengendalikan undang-undang itu adalah dari urusan qudrat Ilahi yang bebas itu. Undang-undang alam al-wujud yang diketahui manusia masih amat sedikit dan tidak mustahil bahawa di sana terdapat beberapa undang-undang yang lain, yang tersembunyi dari pengetahuan manusia iaitu undang-undang yang berfungsi dan melahirkan kesan-kesannya apabila kelahiran kesan-kesan itu diizinkan Allah:

وَكُنَّا بِكُلِّ شَيْءٍ عَٰلِمِينَ ﴿٨١﴾

*"Dan Kamilah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu."(81)*

Iaitu ilmu Allah yang mutlaq dan sempurna bukannya seperti ilmu manusia yang amat terbatas.

Demikianlah juga penundukan makhluk jin di bawah perintah Sulaiman a.s. yang bekerja menyelam di dasar-dasar lautan atau di dasar-dasar daratan untuk mengeluarkan perbendaharaan-perbendaharaan yang tersembunyi kepada Sulaiman atau melaksanakan kerja-kerja yang lain. Istilah jin ialah setiap makhluk yang tersembunyi. Banyak nas-nas Al-Qur'an menyebut bahawa di sana ada makhluk yang dinamakan jin yang tersembunyi kepada kita dan dari golongan makhluk inilah yang ditundukkan kepada perintah Nabi Sulaiman a.s., iaitu untuk menyelami lautan dan melakukan kerja-kerja yang lain darinya. Allahlah yang mengawal mereka dan kerana itu mereka tidak dapat melarikan diri, tidak dapat melakukan kerosakan-kerosakan dan tidak dapat menderhaka kepada perintah hamba-Nya Sulaiman dan Allah itulah yang berkuasa di atas para makhluk-Nya. Dialah yang mencipta dan mengarah mereka pada bila-bila masa dan mengikut apa sahaja yang dikehendaki-Nya.

Setakat batas yang selamat inilah sahaja kami berhenti mengenai pentafsiran nas-nas Al-Qur'an di dalam persoalan ini dan kami tidak mahu berenang dalam dongeng-dongeng israeliyat.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 83 - 84)**

Allah telah menguji Daud dan Sulaiman a.s. dengan ni'mat-ni'mat kesenangan. Allah menguji Daud dalam pengadilan dan menguji Sulaiman dengan kuda-kuda yang tenang dan tangkas sebagaimana akan diterangkan di dalam Surah Sad. Oleh itu kami tidak payah menghuraikan kisah ujian itu di sini dengan terperinci sehingga ia disebutkan pada tempatnya

yang sebenar, malah kami terus mengemukakan hasil-hasil dari ujian itu iaitu Daud dan Sulaiman a.s. telah menghadapi ujian dengan ni'mat kesenangan itu dengan penuh sabar setelah beristighfar dari ujian itu, dan kedua-duanya telah berjaya pada akhirnya melintasi ujian itu dengan selamat dan mereka berdua telah mensyukuri ni'mat yang telah dikurniakan Allah itu.

### *Kesabaran Nabi Ayyub a.s.*

Kini tibalah kita kepada ujian dengan kesusahan di dalam kisah Nabi Ayyub a.s.:

وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُۥٓ أَنِّى مَسَّنِىَ ٱلضُّرُّ وَأَنتَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿٨٣﴾

فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ فَكَشَفْنَا مَا بِهِۦ مِن ضُرٍّ وَءَاتَيْنَٰهُ أَهْلَهُۥ وَمِثْلَهُم مَّعَهُمْ رَحْمَةً مِّنْ عِندِنَا وَذِكْرَىٰ لِلْعَٰبِدِينَ ﴿٨٤﴾

*"Dan (kenangilah kisah) Ayyub ketika dia berdo'a kepada Tuhannya: (Ya Tuhanku) sesungguhnya aku telah ditimpa penyakit dan Engkau adalah Tuhan Yang Maha Pengasih di antara semua pengasih (83). Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami hapuskan penyakitnya, dan Kami kurniakan kembali keluarganya dengan bilangan sekali ganda bersama mereka sebagai rahmat dari sisi Kami dan sebagai kenang-kenangan ke ada para 'Abidin."(84)*

Kisah Ayyub a.s. diuji dengan kesusahan itu merupakan satu kisah ujian yang paling indah. Nas-nas Al-Qur'an hanya menyebut intipati kisah itu sahaja tanpa menghuraikannya dengan panjang lebar. Di tempat ini kisah itu menyebut tentang do'a Ayyub a.s. dan bagaimana do'a itu telah diperkenankan Allah, kerana tujuan penerangan ayat-ayat ini ialah untuk menunjukkan limpah rahmat Allah dan pemeliharaan-Nya terhadap para Anbia'-Nya di dalam ujian-ujian yang dihadapi mereka, sama ada ujian dalam bentuk mereka yang didusta dan ditindas oleh kaum mereka atau dalam bentuk ni'mat seperti dalam kisah Daud dan Sulaiman atau dalam bentuk ditimpa kesakitan seperti di dalam kisah Ayyub a.s.

Ayyub a.s. di dalam do'anya di sini tidak lebih dari menyebut keadaan pengidapannya:

أَنِّى مَسَّنِىَ ٱلضُّرُّ

*"Sesungguhnya aku telah ditimpa penyakit"(83)*

dan menyifatkan Allah dengan sifat berikut:

*"Dan Engkau adalah Tuhan Yang Maha Pengasih di antara semua pengasih."(83)*

Di samping itu beliau tidak memohon kepada Allah agar mengubahkan keadaannya kerana sabar menghadapi ujian itu. Beliau tidak mengemukakan apa-apa rayuan dan permintaan kepada Allah kerana menjaga adab sopan santunnya terhadap Allah. Oleh itu beliau merupakan contoh dari seorang hamba yang sabar dan tabah menghadapi ujian, tidak gelisah dan cemas menanggung kesakitan. Itulah sifat-sifat yang dijadikan contoh di setiap zaman[3], malah beliau merasa begitu segan untuk memohon kepada Allah supaya mengangkatkan bala kesakitan yang dihidapinya itu. Beliau menyerah bulat urusan itu kepada Allah kerana yakin bahawa Allah amat mengetahui keadaan penderitaannya dan tidak perlu dikemukakan permintaan dan permohonan.

Ketika Ayyub a.s. berdo'a kepada Allah dengan keyakinan dan adab sopan yang setinggi itu, maka do'anya terus diperkenankan Allah dan beliau dicucurkan dengan rahmat-Nya dan ujian itu pun terus ditamatkan:

فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ فَكَشَفْنَا مَا بِهِۦ مِن ضُرٍّ وَءَاتَيْنَٰهُ أَهْلَهُۥ وَمِثْلَهُم مَّعَهُمْ

*"Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami hapuskan penyakitnya dan Kami kurniakan kembali keluarganya dengan bilangan sekali ganda bersama mereka."(84)*

Allah telah mengangkatkan pengidapan penyakit itu dari tubuh badan beliau dan beliau kembali sihat wal'afiat. Begitu juga Allah telah mengangkatkan bala pengidapan penyakit dari keluarganya dan menggantikan keluarga-keluarganya yang hilang itu dengan sekali ganda bilangan. Menurut satu riwayat, yang dimaksudkan dengan anggota-anggota keluarga beliau yang hilang itu ialah anak-anaknya, lalu Allah kurniakan beliau anak-anak yang sekali ganda ramainya, atau Allah mengurniakan kepada beliau anak-anak dan cucu-cucu yang ramai:

رَحْمَةً مِّنْ عِندِنَا

*"Sebagai rahmat dari sisi Kami"(84)*

kerana setiap ni'mat ini merupakan rahmat dan limpah kurnia dari Allah:

وَذِكْرَىٰ لِلْعَٰبِدِينَ ﴿٨٤﴾

*"Dan sebagai kenang-kenangan kepada para 'Abidin"(84)*

yang dapat mengingatkan mereka kepada Allah dan ujian-Nya, juga kepada limpah rahmat Allah ketika

---

[3] *Banyak pendapat dan riwayat yang menggambarkan pengidapan penyakit yang menimpa Ayyub a. s. secara keterlaluan dan berlebih-lebihan hingga mengatakan bahawa beliau telah mengidap satu penyakit yang menjijikkan dan kerana itu beliau tidak didekati orang dan dibuang keluar kota. Pendapat ini tidak berasas kerana kerasulan itu bertentangan dengan pengidapan penyakit yang menjijikkan. Yang nampak jelas dari nas-nas Al-Qur'an ialah beliau telah ditimpa bala kesakitan pada dirinya dan keluarganya. Ini pun sudah cukup menjadi suatu ujian kepada beliau.*

berada dalam sesuatu bala dan selepasnya. Bala kesakitan yang dialami Ayyub a.s. merupakan suatu teladan kepada seluruh manusia dan kesabaran beliau menghadapinya merupakan suatu pengajaran kepada mereka. Itulah kemuncak kesabaran, adab sopan dan kesudahan yang baik yang dicita-citakan oleh semua orang.

Sebutan "para 'Abidin" di dalam cerita bala ini mempunyai tujuannya yang tertentu, kerana golongan para Abidin itulah yang sentiasa terdedah kepada ujian dan bala. Itulah tanggungan-tanggungan ibadat, tanggungan-tanggungan 'aqidah dan tanggungan-tanggungan iman. Itulah petanda bahawa urusan agama itu adalah urusan yang sungguh-sungguh dan bukannya main-main, dan 'aqidah itu merupakan suatu amanah yang tidak diserah melainkan kepada orang-orang yang jujur dan berupaya memikulnya, iaitu orang-orang yang bersedia dan sanggup menanggung segala tugas-tugas dan akibatnya. 'aqidah itu bukannya sebuah kata yang diucapkan di bibir mulut dan bukannya suatu dakwaan yang boleh didakwa oleh sesiapa sahaja, malah di sana pastilah ada daya kesabaran dan ketabahan supaya para 'Abidin itu dapat melintasi ujian dan dugaan.

* * * * * *

## (Pentafsiran ayat-ayat 85 - 86)

### *Para Anbia' Yang Terkenal Sabar*

Kemudian Al-Qur'an menyebut secara sepintas lalu tentang Ismail, Idris dan Zulkifli a.s.:

وَإِسْمَٰعِيلَ وَإِدْرِيسَ وَذَا ٱلْكِفْلِ ۖ كُلٌّ مِّنَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٨٥﴾

وَأَدْخَلْنَٰهُمْ فِى رَحْمَتِنَآ ۖ إِنَّهُم مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٦﴾

*"Dan (kenangilah kisah) Ismail, Idris dan Zulkifli. Semua mereka adalah dari golongan orang-orang yang sabar (85). Dan Kami telah memasukkan mereka ke dalam rahmat Kami. Sesungguhnya mereka dari golongan para Solehin."(86)*

Ayat-ayat ini menyebut sifat sabar dan tabah dalam kisah para rasul tersebut.

Ismail a.s. telah menunjukkan kesabarannya apabila beliau diuji dengan penyembelihan dan beliau telah berserah bulat kepada Allah seraya berkata:

يَٰٓأَبَتِ ٱفْعَلْ مَا تُؤْمَرُ ۖ سَتَجِدُنِىٓ إِن شَآءَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٠٢﴾

*"Wahai ayahandaku! Kerjakanlah apa sahaja yang diperintahkan Allah kepada ayahanda, dan insya Allah ayahanda akan mendapati anakanda dari golongan orang-orang yang sabar."*

(Surah as-Saffat: 102)

Adapun Idris a.s., maka sebelum ini telah pun diterangkan bahawa zaman dan tempat hidup beliau adalah tidak diketahui. Di sana hanya ada satu riwayat yang mengatakan bahawa beliau itu ialah Ozoris yang telah disembah oleh orang-orang Mesir selepas matinya. Mereka telah menggubah berbaga-bagai cerita dongeng mengenai beliau selaku guru perdana pertama manusia yang mengajar kepandaian pertanian dan pertukangan, tetapi kita tidak mempunyai sesuatu dalil yang membenarkan riwayat ini. Apa yang harus kita ketahui mengenai Idris a.s. ialah beliau adalah dari golongan tokoh-tokoh yang amat sabar, dan kesabarannya adalah dari jenis-jenis kesabaran yang wajar dirakamkan didalam kitab Allah yang kekal abadi.

### *Siapakah Nabi Zulkifli?*

Zulkifli a.s. juga tidak begitu dikenali. Kita tidak dapat menentukan zamannya dan tempatnya. Pendapat yang lebih rajih mengatakan beliau dari golongan Anbia' Bani Israel dan ada pula yang mengatakan beliau dari golongan tokoh-tokoh orang-orang yang soleh dari Bani Israel dan beliau telah membuat kesanggupan kepada salah seorang dari nabi-nabi mereka sebelum wafatnya nabi itu bahawa beliau akan menggantikannya dalam masyarakat Bani Israel dengan syarat beliau sanggup melakukan tiga perkara, iaitu melakukan ibadat di waktu malam, berpuasa pada hari siang dan tidak marah semasa menjalankan tugas kehakiman. Beliau telah menyempurnakan semua kesanggupannya itu dan kerana itulah beliau dinamakan Zulkifli (orang yang menunaikan kesanggupan). Tetapi semua cerita ini merupakan cerita-cerita yang tidak bersandarkan kepada apa-apa dalil. Nas Al-Qur'an yang tersebut di tempat ini adalah cukup untuk merakamkan sifat Zulkifli a.s.:

وَأَدْخَلْنَٰهُمْ فِى رَحْمَتِنَآ ۖ إِنَّهُم مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٦﴾

*"Dan Kami telah memasukkan mereka ke dalam rahmat Kami. Sesungguhnya mereka dari golongan para Solehin."(86)*

Untuk merakamkan sifat sabar itulah yang menjadi tujuan disebutkan nabi-nabi tersebut di dalam ayat ini.

* * * * * *

## (Pentafsiran ayat-ayat 87 - 88)

Kemudian datang pula kisah Yunus a.s. iaitu Zun-Nun.

وَذَا ٱلنُّونِ إِذ ذَّهَبَ مُغَٰضِبًا فَظَنَّ أَن لَّن نَّقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَىٰ فِى ٱلظُّلُمَٰتِ أَن لَّآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّى كُنتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٨٧﴾

فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ وَنَجَّيْنَٰهُ مِنَ ٱلْغَمِّ ۚ وَكَذَٰلِكَ

نُـجِى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٨٨﴾

*"Dan (kenangilah) Zun-Nun (Yunus) ketika ia pergi (meninggalkan kaumnya) dengan keadaan marah dan dia menyangka bahawa Kami tidak akan menyusahkannya lalu dia berdo'a di dalam gelap-gelita: Tiada Tuhan melainkan hanya Engkau. Maha Sucilah Engkau. Sesungguhnya aku telah termasuk di dalam orang-orang yang zalim (87). Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami telah menyelamatkannya dari kedukaan, dan demikianlah Kami bertindak menyelamatkan para Mu'minin."(88)*

***Di Sebalik Kisah Nabi Yunus a.s.***

Kisah Yunus disebutkan disini secara sepintas lalu sahaja kerana menjaga imbangan penerangan. Ia diceritakan dengan terperinci di dalam Surah as-Saffat, tetapi kita terpaksa menceritakan kisah beliau agak terperinci di sini supaya dapat difahami.

Beliau telah digelarkan dengan Zun-Nun (tuanpunya ikan besar) kerana beliau telah ditelan seekor ikan besar kemudian ia meluahkannya kembali. Ceritanya begini: Beliau telah diutuskan ke sebuah negeri, lalu beliau menyeru para penduduknya kepada Allah, tetapi mereka menentang beliau dan menyebabkan beliau merasa bosan dan susah hati, lalu beliau meninggalkan mereka dengan perasaan yang marah. Beliau tidak sabar meneruskan da'wah kepada mereka. Beliau menyangka bahawa Allah tidak akan menyempitkan bumi kepadanya. Bumi Allah amat luas, negeri-negeri dan kampung-kampung lain masih banyak, kaum-kaum yang lain juga masih banyak. Jika kaumnya tidak mahu menerima da'wahnya, maka tentulah Allah boleh mengutuskan beliau kepada satu kaum yang lain pula, inilah maksud:

فَظَنَّ أَن لَّن نَّقْدِرَ عَلَيْهِ

*"Dan dia menyangka bahawa Kami tidak akan menyusahkannya."(87)*

Kemarahan beliau yang berkobar-kobar dan perasaan bosannya yang melemaskan itu telah membawa beliau ke tepi pantai dan di sana beliau mendapati sebuah bahtera yang sarat dengan penumpang lalu beliau menaikinya. Apabila bahtera itu berada di tengah gelombang ia menjadi begitu sarat dan berat, lalu berkatalah malimnya: Salah seorang penumpang pasti dibuang ke dalam laut demi menyelamatkan semua penumpang-penumpang yang lain dari malapetaka tenggelam. Mereka pun mengundi dan undi itu jatuh kepada Yunus a.s., lalu mereka membuang beliau ke dalam laut atau beliau sendiri mencampakkan dirinya ke dalam laut lalu ditelan oleh seekor ikan yang besar yang menyebabkan beliau berada dalam keadaan yang sangat susah dan lemas. Ketika berada di dalam suasana-suasana yang amat gelap itu, iaitu suasana gelap di dalam perut ikan, suasana gelap di dalam lautan dan suasana gelap hari malam, beliau berdo'a kepada Allah:

أَن لَّآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّى كُنتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٨٧﴾

*"Tiada Tuhan melainkan hanya Engkau. Maha Sucilah Engkau. Sesungguhnya aku telah termasuk di dalam orang-orang yang zalim"(87)*

Kemudian Allah memperkenankan do'anya dan menyelamatkan beliau dari kedukacitaan dan kesusahan itu, lalu ikan itu meluahkan beliau kembali di tepi pantai. Kemudian cerita selanjutnya diterangkan dengan terperinci di dalam Surah as-Saffat. Cukuplah sekadar ini untuk kita dalam penerangan ayat ini.

Babak, kisah Yunus a.s. ini mengandungi beberapa perkara yang menarik dan menyentuh hati yang wajar bagi kita berhenti merenunginya sebentar iaitu:

Yunus tidak sabar memikul tugas-tugas da'wah. Beliau cepat bosan dengan gelagat-gelagat kaumnya dan terus meletakkan tugas da'wahnya, kemudian meninggalkan kaumnya dengan perasaan yang marah, bosan dan susah hati, lalu Allah campakkan beliau ke dalam kesusahan yang lebih berat dari kesusahan-kesusahan menghadapi tindak-tanduk kaumnya yang mendustakan da'wahnya. Andainya beliau tidak bertaubat kepada Allah dan mengakui kesalahannya yang telah bertindak zalim terhadap dirinya sendiri, terhadap da'wah dan tugasnya tentulah Allah tidak menyelamatkan beliau dari kesusahan ini, tetapi mujurlah qudrat Ilahi telah memelihara dan menyelamatkan beliau dari kesusahan dan kedukacitaan yang dialaminya itu.

Para pendawah pastilah sanggup menanggung beban-beban tugas da'wah, pastilah sanggup bersabar menghadapi pendustaan dan penindasan orang-orang yang tidak menerima da'wahnya. Memang benar bahawa pendustaan terhadap orang yang benar itu amat pahit dirasakan di dalam hati, tetapi ia merupakan sebahagian dari beban-beban menyampaikan risalah Ilahi. Oleh sebab itulah mereka yang ditugas menyampaikan da'wah pastilah sabar dan tabah, pastilah gigih dan berpendirian kukuh, pastilah sanggup mengulangi da'wah, sanggup memula dan sanggup mengulangi semula.

Mereka tidak seharusnya berputus asa dari mendapat sambutan dari orang-orang yang berhati baik biarpun bagaimana hebat mereka menghadapi keingkaran, pendustaan, keangkuhan dan penentangan. Jika percubaan da'wah pada kali yang seratus gagal untuk sampai ke dalam hati manusia, mungkin percubaan pada kali yang seratus satu akan berjaya sampai ke dalam hati mereka, mungkin pula ia akan berjaya pada kali yang seribu satu... andainya mereka sanggup bersabar pada kali ini dan terus mencuba lagi tanpa putus asa tentulah banyak hati akan terbuka kepada da'wahnya.

Jalan da'wah bukannya jalan yang senang dan lembut. Sambutan hati manusia terhadap da'wah bukannya dekat dan mudah. Di sana terdapat timbunan-timbunan sampah sarap kebatilan, kesesatan, tradisi, dan adat-adat lapuk, peraturan-peraturan dan undang-undang, bikinan manusia yang mempengaruhi hati manusia. Oleh sebab itu sampah-sampah sarap ini pastilah dihapuskan, usaha-usaha merangsang dan membangkitkan kesedaran hati manusia pastilah dilakukan dengan segala cara dan sarana. Usaha-usaha menyentuh segala pusat-pusat yang peka di dalam jiwa manusia pastilah diteruskan dan percubaan-percubaan untuk menemui saraf penyambung di dalam hati mereka pastilah dilakukan. Di antara sentuhan-sentuhan yang banyak itu akan terdapat satu sentuhan yang berjaya apabila diteruskan dengan tekun, sabar dan penuh harapan. Satu sentuhan yang berjaya boleh membawa satu perubahan yang menyeluruh pada hati manusia dalam masa sekelip mata sahaja apabila sentuhan itu kena kepada pada tempatnya. Seseorang penda'wah kadang-kadang menjadi kaget setelah dia mencuba ribuan kali tiba-tiba satu sentuhannya yang sepintas lalu telah mengena tempatnya yang peka di dalam hati manusia dan hati ini terus terangsang dan sedar dengan begitu mudah, sedangkan sebelum ini ia telah menggagalkan segala percubaan.

Perbandingan yang paling dekat yang terlintas di dalam hati saya mengenai usaha-usaha da'wah ini ialah ia tak ubah seperti peti radio mencari stesen pemancar. Anda memutarkan jarumnya berkali-kali pergi dan pulang tetapi gagal mendapatkan stesen itu, kemudian anda mencari lagi dengan hemat dan membetulkan semula jarumnya, tiba-tiba dengan satu gerak sepintas lalu dari tangan anda telah menyambungkan gelombang yang dicari itu lalu terpancarlah gema suara dan lagu yang merdu.

Hati manusia amat serupa dengan peti radio. Oleh itu para penda'wah pastilah berusaha memutarkan jarum penunjuk supaya dapat bertemu dengan stesen hati mereka di sebalik ufuk yang jauh itu. Kadang-kadang satu putaran selepas seribu putaran menemukan stesen yang dicari itu.

Memang mudah kepada seseorang penda'wah melahirkan perasaan marah kerana orang ramai tidak menyambut da'wahnya lalu dia terus meninggalkan mereka. Itulah satu tindakan yang senang. Kemarahan mungkin reda dan saraf yang tegang mungkin tenang, tetapi di mana da'wah itu? Dan apakah hasil yang didapati da'wah itu setelah dipulaukan para pendusta dan penentangnya?

Yang menjadi pokok dan dasar ialah da'wah bukannya penda'wah. Penda'wah mungkin mengalami perasaan bosan, tetapi dia harus menahankan perasaan marahnya dan terus berjuang lagi. Dia lebih baik bersabar dan jangan merasa bosan dan marah terhadap cemuhan-cemuhan mereka. Penda'wah hanya alat di tangan qudrat Ilahi dan Allah lebih mengetahui untuk memelihara dan menjaga da'wahnya. Oleh itu tugas penda'wah ialah menunaikan kewajipan da'wahnya di setiap waktu dan suasana, kemudian serahkan perkembangan selanjutnya kepada Allah kerana hidayat itu ialah hidayat Allah.

Di dalam kisah Zun-Nun terdapat satu pengajaran yang besar kepada para penda'wah, iaitu satu pengajaran yang segia dimenungi mereka.

Di dalam kisah taubat Zun-Nun dan pengakuan beliau terhadap kesalahannya memberi pengajaran yang besar kepada para pendawah, iaitu satu pengajaran yang harus difikirkan mereka dengan teliti.

Kisah Zun-Nun yang mendapat rahmat Allah dan diperkenankan do'anya yang dipohonkan di dalam keadaan yang gelap-gelita adalah memberi berita gembira kepada para Mu'minin:

وَكَذَٰلِكَ نُـۨجِي ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٨٨﴾

*"Dan demikianlah Kami bertindak menyelamatkan para Mu'minin."(88)*

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 89 - 90)**

Kemudian Al-Qur'an menceritakan secara sepintas lalu kisah Nabi Zakaria dan Yahya a.s. dan bagaimana Allah telah memperkenan do'a Zakaria ketika beliau berdo'a kepada-Nya:

وَزَكَرِيَّآ إِذۡ نَادَىٰ رَبَّهُۥ رَبِّ لَا تَذَرۡنِي فَرۡدٗا وَأَنتَ خَيۡرُ ٱلۡوَٰرِثِينَ ﴿٨٩﴾ فَٱسۡتَجَبۡنَا لَهُۥ وَوَهَبۡنَا لَهُۥ يَحۡيَىٰ وَأَصۡلَحۡنَا لَهُۥ زَوۡجَهُۥٓۚ إِنَّهُمۡ كَانُواْ يُسَٰرِعُونَ فِي ٱلۡخَيۡرَٰتِ وَيَدۡعُونَنَا رَغَبٗا وَرَهَبٗاۖ وَكَانُواْ لَنَا خَٰشِعِينَ ﴿٩٠﴾

*"Dan (kenangilah kisah) Zakaria ketika dia berdo'a kepada Tuhannya: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau tinggalkanku hidup seorang diri dan Engkau jualah sebaik-baik Pewaris (89). Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami telah mengurniakan Yahya kepadanya dan Kami telah membetulkan isterinya (yang mandul) untuk mengandung anaknya. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang selalu bersegera mengerjakan kebajikan-kebajikan dan mereka sentiasa berdo'a kepada Kami dengan penuh harapan dan kebimbangan, dan mereka adalah orang-orang yang sentiasa khusyu' kepada Kami."(90)*

***Kisah Nabi Zakaria a.s.***

Kisah kelahiran Yahya telah diterangkan dengan terperinci di dalam Surah Maryam dan Surah Aali-'Imran dan ia disebut di sini selaras dengan

penerangan ayat. Ia memulakan dengan menyebut do'a Zakaria:

رَبِّ لَا تَذَرْنِي فَرْدًا

*"Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau tinggalkanku hidup seorang diri."(89)*

Yakni tanpa anak pinak yang dapat menjaga rumah ibadat. Zakaria a.s. bertugas selaku penjaga rumah ibadat Bani Israel sebelum kelahiran 'Isa a.s., dan beliau memang tidak lupa kepada hakikat bahawa Allahlah yang menjadi pewaris 'aqidah dan pewaris harta kekayaan:

وَأَنتَ خَيْرُ الْوَارِثِينَ ﴿٨٩﴾

*"Dan Engkau jualah sebaik-baik Pewaris."(89)*

(Beliau memang sedar hakikat ini), tetapi beliau mahukan zuriat keturunannya sendiri dapat menjadi pengganti yang baik selepas beliau untuk mengawasi keluarganya, agamanya dan hartanya, kerana makhluk itu merupakan tabir qudrat Ilahi di bumi.

Allah memperkenankan permintaan beliau dengan segera dan secara langsung:

فَاسْتَجَبْنَا لَهُ وَوَهَبْنَا لَهُ يَحْيَىٰ وَأَصْلَحْنَا لَهُ زَوْجَهُ

*"Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami telah mengurniakan Yahya kepadanya dan Kami telah membetulkan isterinya (yang mandul)."(90)*

Sebelum ini isterinya adalah seorang perempuan yang mandul, yang tidak dapat melahirkan anak. Di sini Al-Qur'an memendekkan cerita yang panjang lebar itu dan terus menyebut babak do'a beliau telah diperkenankan Allah:

إِنَّهُمْ كَانُوا يُسَارِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ

*"Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang selalu bersegera mengerjakan kebajikan-kebajikan"(90)*

oleh sebab itulah Allah telah menyegerakan perkenannya menerima do'a beliau.

وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا

*"Dan mereka sentiasa berdo'a kepada Kami dengan penuh harapan dan kebimbangan"(90)*

iaitu harapan untuk mendapatkan keredhaan Allah dan kebimbangan dari ditimpa kemurkaan-Nya. Hati mereka sentiasa berhubung dengan Allah dan sentiasa meletakkan harapan mereka pada Allah.

وَكَانُوا لَنَا خَاشِعِينَ ﴿٩٠﴾

*"Dan mereka adalah orang-orang yang sentiasa khusyu' kepada Kami."(90)*

Iaitu mereka tidak sombong dan angkuh.

Dengan sifat-sifat yang baik ini yang terdapat pada Zakaria, isterinya dan Yahya, maka wajarlah kedua orang tua ini dikurniakan anak yang soleh. Mereka telah membentuk satu keluarga yang baik, yang mendapat rahmat dan keredhaan Allah.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat 91 - 92)**

Pada akhirnya Al-Qur'an menyebut tentang Maryam sesuai dengan menyebut tentang anaknya ('Isa a.s.):

***Maryam Bonda 'Isa Yang Suci***

وَالَّتِي أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا فَنَفَخْنَا فِيهَا مِن رُّوحِنَا وَجَعَلْنَاهَا وَابْنَهَا آيَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿٩١﴾

*"Dan (kenangilah kisah) Maryam yang memelihara kehormatannya lalu Kami tiupkan ke dalam tubuhnya roh dari ciptaan Kami dan Kami jadikan dia dan puteranya sebagai satu bukti yang besar kepada semesta alam."(91)*

Nama Maryam tidak disebut di sini, kerana yang dimaksudkan di dalam salsilah anbia' ialah anaknya 'Isa a.s. dan Maryam hanya disebut di dalam ayat ini sebagai ikutan kepada anaknya sahaja. Di sini Maryam hanya disebut dengan sifatnya sahaja yang ada hubungan dengan anaknya:

وَالَّتِي أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا

*"Dan (kenangilah kisah) Maryam yang memelihara kehormatannya"(91)*

beliau telah memelihara kehormatannya dari segala hubungan kelamin. Istilah "الإحصان" (ihson) biasanya dihantarkan kepada "perkahwinan" secara ikutan, kerana perkahwinan itu dapat memelihara seseorang dari terjatuh ke dalam kejahatan seks, tetapi istilah "ihson" di sini disebut dengan maknanya yang asal iaitu memelihara kehormatannya dari segala hubungan kelamin sama ada yang halal atau yang haram untuk membersihkan Maryam dari segala tohmah orang-orang Yahudi yang mengatakan bahawa beliau telah mengadakan hubungan kelamin dengan Yusuf an-Najjar, yang sama-sama berkhidmat dengan beliau di rumah ibadat itu. Menurut keterangan Injil yang ada sekarang Yusuf an-Najjar telah berkahwin dengan beliau, tetapi dia tidak pernah mengadakan hubungan kelamin dengannya dan tidak pernah mendekatinya.

Beliau telah memelihara kehormatannya:

فَنَفَخْنَا فِيهَا مِن رُّوحِنَا

*"Lalu Kami tiupkan ke dalam tubuhnya roh dari ciptaan Kami."(91)*

Tiupan di sini adalah umum tidak ditentukan tempatnya sama seperti tiupan yang disebut dalam Surah at-Tahrim - penjelasan mengenai perkara ini telah pun dihuraikan sebelum ini di dalam pentafsiran Surah Maryam - juga kerana menjaga dasar hidup di

bawah bayangan nas yang ada di hadapan kita sahaja, iaitu kita tidak mahu memperincikan tentang tiupan itu dengan panjang lebar, malah kita mengikut sekadar apa yang diterangkan oleh nas Al-Qur'an sehingga akhirnya:

وَجَعَلْنَٰهَا وَٱبْنَهَآ ءَايَةً لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿٩١﴾

*"Dan Kami jadikan dia dan puteranya sebagai satu bukti yang besar kepada semesta alam"(91)*

Iaitu satu bukti yang belum pernah wujud sebelumnya dan kemudiannya. Ia adalah satu bukti yang unik dalam sejarah manusia seluruhnya. Oleh itu bukti yang tunggal dari jenis ini sudah cukup untuk difikirkan oleh umat manusia dalam seluruh generasinya agar mereka dapat menanggapkan kewujudan kuasa qudrat yang maha bebas yang mencipta undang-undang tetapi tidak terkepung dan terpenjara, di dalam undang-undang itu sendiri.

* * * * * *

Pada akhir tanyangan yang merangkumi berbagai-bagai contoh dari para rasul, berbagai-bagai contoh ujian dan berbagai-bagai contoh rahmat Allah Al-Qur'an iringi dengan pernyataan yang menerangkan tujuan umum dari tayangan ini:

إِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠ رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُونِ ﴿٩٢﴾

*"Sesungguhnya umat (para Anbia') ini adalah umat kamu, iaitu umat yang satu dan Aku adalah Tuhan kamu. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepada-Ku."(92)*

Umat Anbia' adalah umat kamu, iaitu satu umat yang menganut satu 'aqidah dan menjalani satu jalan hidup, iaitu jalan menuju kepada Allah bukan kepada yang lain dari-Nya.

Itulah umat yang satu di muka bumi dan Tuhan Yang Maha Esa di langit. Tiada Tuhan selain Allah dan tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah.

Di sinilah bertemunya tayangan ini dengan paksi yang menjadi asas pembicaraan seluruh surah ini, di mana ia turut serta menjelaskan 'aqidah tauhid dengan bersaksikan undang-undang alam buana dan undang-undang kewujudan.

**(Kumpulan ayat-ayat 93 - 112)**

وَتَقَطَّعُوٓا۟ أَمْرَهُم بَيْنَهُمْ ۖ كُلٌّ إِلَيْنَا رَٰجِعُونَ ﴿٩٣﴾

فَمَن يَعْمَلْ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَا كُفْرَانَ لِسَعْيِهِۦ وَإِنَّا لَهُۥ كَٰتِبُونَ ﴿٩٤﴾

وَحَرَٰمٌ عَلَىٰ قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَٰهَآ أَنَّهُمْ لَا يَرْجِعُونَ ﴿٩٥﴾

حَتَّىٰٓ إِذَا فُتِحَتْ يَأْجُوجُ وَمَأْجُوجُ وَهُم مِّن كُلِّ حَدَبٍ يَنسِلُونَ ﴿٩٦﴾

وَٱقْتَرَبَ ٱلْوَعْدُ ٱلْحَقُّ فَإِذَا هِىَ شَٰخِصَةٌ أَبْصَٰرُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يَٰوَيْلَنَا قَدْ كُنَّا فِى غَفْلَةٍ مِّنْ هَٰذَا بَلْ كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٩٧﴾

إِنَّكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ حَصَبُ جَهَنَّمَ أَنتُمْ لَهَا وَٰرِدُونَ ﴿٩٨﴾

لَوْ كَانَ هَٰٓؤُلَآءِ ءَالِهَةً مَّا وَرَدُوهَا ۖ وَكُلٌّ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٩٩﴾

لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَهُمْ فِيهَا لَا يَسْمَعُونَ ﴿١٠٠﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ سَبَقَتْ لَهُم مِّنَّا ٱلْحُسْنَىٰٓ أُو۟لَٰٓئِكَ عَنْهَا مُبْعَدُونَ ﴿١٠١﴾

لَا يَسْمَعُونَ حَسِيسَهَا ۖ وَهُمْ فِى مَا ٱشْتَهَتْ أَنفُسُهُمْ خَٰلِدُونَ ﴿١٠٢﴾

لَا يَحْزُنُهُمُ ٱلْفَزَعُ ٱلْأَكْبَرُ وَتَتَلَقَّىٰهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ هَٰذَا يَوْمُكُمُ ٱلَّذِى كُنتُمْ تُوعَدُونَ ﴿١٠٣﴾

*"Dan (namun demikian) mereka berpecah belah di dalam urusan agama mereka. Seluruh mereka akan kembali kepada Kami (93). Oleh itu barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh, sedangkan dia beriman, maka tidak ada sebarang pengingkaran terhadap usahanya yang baik itu dan sesungguhnya Kami mencatatkan amalan itu untuknya (94). Dan tidak mungkin sekali-kali bagi penduduk sebuah negeri yang telah Kami binasakannya bahawa mereka tidak akan kembali kepada kami (95). Sehingga apabila tembok Ya'juj dan Ma'juj dibuka dan mereka menyerbu turun dari seluruh tempat yang tinggi (96). Dan apabila masa janji yang benar itu hampir, maka tiba-tiba seluruh mata orang-orang yang kafir itu terbelalak (mereka berteriak): Amboi celakanya kami! Sesungguhnya kami telah berada dalam kelalaian terhadap hari ini, malah sebenarnya kami adalah orang-orang yang zalim (97). Sesungguhnya kamu dan segala berhala yang kamu sembah selain Allah adalah menjadi bahan bakar Neraka Jahannam, di mana kamu akan memasukinya (98). Jika berhala-berhala itu tuhan-tuhan tentulah mereka tidak masuk Neraka dan seluruh mereka*

*akan kekal di dalamnya (99). Mereka mengeluarkan bunyi hembusan dan sedutan pernafasan yang kuat di dalam Neraka dan mereka tidak mendengar suatu apa yang lain (100). Sesungguhnya orang-orang yang telah memperolehi balasan yang baik dari Kami, maka mereka akan dijauhkan dari Neraka (101). Mereka tidak akan mendengar bunyi julangan api Neraka, dan mereka akan kekal di dalam ni'mat-ni'mat Syurga yang diingini hati mereka (102). Mereka tidak akan dirungsingkan huru-hara Qiamat yang amat besar dan mereka akan disambut para malaikat (yang berkata): Inilah hari (kebahagiaan) kamu yang telah dijanjikan kepada kamu." (103).*

يَوْمَ نَطْوِي ٱلسَّمَآءَ كَطَيِّ ٱلسِّجِلِّ لِلْكُتُبِ ۚ كَمَا بَدَأْنَآ أَوَّلَ خَلْقٍ نُّعِيدُهُۥ ۚ وَعْدًا عَلَيْنَآ ۚ إِنَّا كُنَّا فَٰعِلِينَ ﴿١٠٤﴾

وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي ٱلزَّبُورِ مِنۢ بَعْدِ ٱلذِّكْرِ أَنَّ ٱلْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ ٱلصَّٰلِحُونَ ﴿١٠٥﴾

إِنَّ فِي هَٰذَا لَبَلَٰغًا لِّقَوْمٍ عَٰبِدِينَ ﴿١٠٦﴾

وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠٧﴾

قُلْ إِنَّمَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ فَهَلْ أَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٠٨﴾

فَإِن تَوَلَّوْا فَقُلْ ءَاذَنتُكُمْ عَلَىٰ سَوَآءٍ ۖ وَإِنْ أَدْرِيٓ أَقَرِيبٌ أَم بَعِيدٌ مَّا تُوعَدُونَ ﴿١٠٩﴾

إِنَّهُۥ يَعْلَمُ ٱلْجَهْرَ مِنَ ٱلْقَوْلِ وَيَعْلَمُ مَا تَكْتُمُونَ ﴿١١٠﴾

وَإِنْ أَدْرِي لَعَلَّهُۥ فِتْنَةٌ لَّكُمْ وَمَتَٰعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿١١١﴾

قَٰلَ رَبِّ ٱحْكُم بِٱلْحَقِّ ۗ وَرَبُّنَا ٱلرَّحْمَٰنُ ٱلْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ﴿١١٢﴾

*"(Ingatlah) hari Kami menggulungkan langit seperti menggulungkan lembaran buku-buku. Sebagaimana Kami mulakan penciptaan yang pertama, Kami akan ulanginya sekali lagi. Itulah janji yang tertanggung di atas Kami. Sesungguhnya Kami tetap akan melaksanakannya (104). Dan sesungguhnya Kami telah catatkan di dalam kitab-kitab suci (yang diturunkan kepada manusia) setelah dicatatkan di dalam Luh Mahfuz bahawa bumi ini, diwarisi hamba-hamba-Ku yang soleh (105). Sesungguhnya di dalam Al-Qur'an ini terdapat pengumuman yang jelas kepada golongan para 'Abidin (106). Dan tidaklah Kami utuskan engkau melainkan untuk menjadi rahmat kepada sekalian alam (107). Katakanlah: Sesungguhnya yang diwahyukan kepadaku ialah sesungguhnya Tuhan kamu yang sebenar ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka apakah kamu bersedia menyerahkan diri kepada-Nya? (108) Jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): Aku telah mengisytiharkan (amaran ini) kepada kamu dan aku dan kamu sama-sama mengetahuinya, dan aku tidak mengetahui apakah janji 'azab yang diancamkan kepada kamu itu sudah dekat atau masih jauh (109). Sesungguhnya Allah mengetahui segala percakapan yang lantang dan mengetahui segala percakapan yang kamu sembunyikan (110). Dan aku tidak mengetahui boleh jadi penangguhan 'azab itu merupakan satu ujian kepada kamu dan suatu keni'matan sementara hingga ke suatu masa yang tertentu (111). (Muhammad) merayu: Wahai Tuhanku! Jatuhkanlah hukuman yang benar, dan Tuhan kami adalah Tuhan Yang Maha Penyayang Tuhan yang dipohonkan pertolongan-Nya terhadap segala pembohongan yang disifatkan kamu."(112)*

Inilah pusingan terakhir dari surah ini setelah menayangkan undang-undang Allah di alam buana yang menyaksikan keesaan Allah Pencipta dan undang-undang Allah yang mengutuskan para rasul membawa da'wah yang menyaksikan kesatuan umat dan kesatuan 'aqidah. Di dalam pusingan ini Al-Qur'an menayangkan pemandangan Qiamat dan alamat-alamatnya, di mana dijelaskan nasib kesudahan golongan orang-orang yang mempersekutui Allah dan nasib kesudahan sekutu-sekutu palsu, dan di mana dapat dilihat bahawa hanya Allah Yang Maha Mulia sahaja satu-satunya yang berkuasa mengendali dan mentadbirkan pada hari itu.

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan tentang Sunnatullah dalam pewarisan bumi ini dan tentang rahmat Allah kepada semesta alam yang dapat dilihat pada agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Dan pada ketika inilah Rasulullah s.a.w. diperintah mencucikan tangannya dan meninggalkan orang-orang yang kafir itu menghadapi nasib kesudahan mereka sendiri dan menyerahkan kepada Allah menghukum mereka serta memohon pertolongan-Nya untuk menghadapi tindakan kesyirikan, pendustaan dan ejekan mereka, juga menghadapi sikap mereka yang menumpukan hidup mereka kepada permainan dan hiburan sedangkan hari hisab amat hampir.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 93 - 95)**

وَتَقَطَّعُوٓا أَمْرَهُم بَيْنَهُمْ ۖ كُلٌّ إِلَيْنَا رَٰجِعُونَ ﴿٩٣﴾

فَمَن يَعْمَلْ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَا كُفْرَانَ لِسَعْيِهِۦ وَإِنَّا لَهُۥ كَٰتِبُونَ ﴿٩٤﴾

وَحَرَٰمٌ عَلَىٰ قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَٰهَآ أَنَّهُمْ لَا يَرْجِعُونَ ﴿٩٥﴾

*"Dan (namun demikian) mereka berpecah belah di dalam urusan agama mereka. Seluruh mereka akan kembali kepada Kami (93). Oleh itu barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh, sedangkan dia beriman, maka tidak ada sebarang pengingkaran terhadap usahanya yang baik itu dan sesungguhnya Kami mencatatkan amalan itu untuknya (94). Dan tidak mungkin sekali-kali bagi penduduk sebuah negeri yang telah Kami binasakannya bahawa mereka tidak akan kembali kepada kami."(95)*

### *Manusia Berpecah-belah Di Atas Nama 'Aqidah, Sedangkan 'Aqidah Samawi Sama Sahaja*

Umat para rasul itu satu sahaja. Umat itu tegak di atas 'aqidah yang sama dan agama yang sama yang berlandaskan tauhid yang disaksikan oleh undang-undang alam al-wujud, iaitu kepercayaan tauhid yang diperjuangkan oleh para rasul sejak kerasulan yang pertama sampai kepada kerasulan yang terakhir tanpa sebarang perubahan dan pertukaran pada dasarnya yang pokok ini.

Yang wujud hanya perubahan perincian dan tambahan-tambahan di dalam peraturan-peraturan hidup yang ditegakkan di atas lunas 'aqidah tauhid mengikut kemampuan kesediaan setiap umat dan perkembangan setiap generasi, juga mengikut kadar kesuburan daya-daya pemikiran manusia dan pengalaman-pengalaman serta kadar kesediaan mereka untuk memikul bentuk-bentuk taklif dan perundangan, juga mengikut kadar keperluan-keperluan mereka yang baru yang tumbuh dari pengalaman-pengalaman mereka atau yang timbul akibat dari perkembangan kehidupan, cara-caranya dan perhubungan-perhubungannya dari satu generasi ke satu generasi.

Walaupun wujudnya kesatuan umat para rasul dan wujudnya kesatuan asas seluruh risalah, namun para pengikutnya telah berpecahbelah di antara mereka. Seolah-olah setiap golongan mengambil secebisan dan terus berlalu dengannya dan akibatnya timbullah perdebatan-perdebatan dan perselisihan-perselisihan di antara mereka, dan bernyalalah api permusuhan dan benci membenci terhadap satu sama lain. Semuanya ini berlaku di antara para pengikut seorang rasul yang sama sehingga hampir-hampir mereka berbunuh-bunuhan satu sama lain dengan nama 'aqidah, sedangkan 'aqidah mereka sama dan umat para rasul seluruhnya sama.

Mereka telah berpecah belah di antara mereka di dunia, tetapi seluruh mereka akan kembali kepada Allah pada hari Qiamat:

كُلٌّ إِلَيْنَا رَٰجِعُونَ ﴿٩٣﴾

*"Seluruh mereka akan kembali kepada Kami"(93)*

Hanya kepada Allah sahaja tempat kembali mereka, hanya Allah sahaja yang akan melakukan hisab terhadap mereka dan hanya Allah sahaja yang mengetahui kedudukan mereka sama ada mereka menurut hidayat atau sesat:

### *Di Antara Keimanan Dan Amalan Yang Soleh*

*"Oleh itu barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh, sedangkan dia beriman, maka tidak ada sebarang pengingkaran terhadap usahanya yang baik itu dan sesungguhnya Kami mencatatkan amalan itu untuknya."(94)*

Inilah undang-undang amalan dan balasan. Segala amalan yang soleh tidak akan diingkar dan ditolak apabila amalan itu dilakukan di atas dasar keimanan. Semua amalan itu dicatat di sisi Allah belaka, tiada sedikit pun yang diabai dan hilang.

Keimanan pastilah wujud supaya amalan yang soleh itu mempunyai nilainya, malah keimanan pasti wujud untuk menegakkan kewujudan amalan yang soleh. Keimanan pastilah wujud supaya amalan yang soleh itu membuahkan hasilnya, malah supaya hasil amalan yang soleh itu dapat menegakkan hakikat keimanan.

Keimanan adalah tapak asas kehidupan, kerana keimanan menjadi tali penghubung yang sebenar di antara manusia dengan alam al-wujud. Ia juga merupakan tali pengikat yang menambatkan alam al-wujud dengan segala isi dan penghuninya kepada Allah selaku Penciptanya yang tunggal dan Dialah yang mengembalikannya kepada satu undang-undang yang diredhai Allah. Tapak asas pasti wujud supaya dapat dibinakan bangunan, dan amalan yang soleh itulah yang menjadi bangunan dan bangunan ini akan runtuh seluruhnya jika tidak ditegakkan di atas tapak asas yang kukuh.

Amalan yang soleh itu merupakan buah dari keimanan dan amalan inilah yang membuktikan kewujudan keimanan dan keaktifannya di dalam hati nurani manusia, Islam itu sendiri merupakan 'aqidah yang bergerak cergas. Apabila kewujudan 'aqidah ini bertapak dengan sempurna di dalam hati nurani, maka ia akan berubah kepada tindakan-tindakan mengerjakan amalan-amalan yang soleh yang merupakan bentuk yang lahir dari keimanan yang tersembunyi dan buah yang masak dari pokok Islam yang akar umbinya bertunjang kukuh di dalam bumi.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an sentiasa menggandingkan di antara iman dan amalan yang soleh setiap kali ia menyebut amalan dan balasan, kerana itu tidak ada balasan kepada iman yang kosong, mati, tidak beramal, dan tidak mengeluarkan buah, juga tidak ada balasan kepada amalan yang terputus, yang tidak ditegakkan di atas keimanan.

Amalan yang baik yang tidak lahir dari keimanan itu merupakan amalan secara kebetulan dan sambil lewa sahaja, kerana amalan itu tidak mempunyai hubungan dengan satu sistem hidup yang tersusun rapi dan

tidak mempunyai pertalian dengan undang-undang yang berkuatkuasa. Amalan itu hanya digerakkan oleh keinginan nafsu atau oleh dorongan hati yang tidak mempunyai hubungan dengan pendorong semulajadi amalan yang soleh di alam al-wujud ini, iaitu keimanan kepada satu Tuhan yang merestukan amalan yang soleh, kerana amalan yang soleh itulah wasilah pembangunan di alam buana dan wasilah untuk mencapai kesempurnaan yang telah ditetapkan Allah kepada kehidupan manusia ini. Ia merupakan pergerakan yang mempunyai matlamat yang ada kaitan dengan matlamat hidup dan kesudahannya. Ia bukannya amalan kebetulan dan sambil lewa, bukannya dorongan hati yang mendadak, bukannya lontaran tanpa sasaran dan bukannya hala pergerakan yang terpisah dari hala yang ditujui alam buana dan undang-undangnya yang agung.

Balasan terhadap amalan-amalan itu akan dilangsungkan di Akhirat walaupun sebahagian balasan itu telah diberikan di dunia. Penduduk negeri yang telah dibinasakan secara habisan dengan 'azab Allah pasti akan kembali semula untuk menerima balasan mereka yang terakhir dan adalah mustahil mereka tidak akan kembali, malah mereka tetap kembali dengan segala kepastian.

وَحَرَامٌ عَلَىٰ قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا أَنَّهُمْ لَا يَرْجِعُونَ ﴿٩٥﴾

*"Dan tidak mungkin sekali-kali bagi penduduk sebuah negeri yang telah Kami binasakannya bahawa mereka tidak akan kembali kepada kami."(95)*

Al-Qur'an hanya menyebut penduduk kampung ini sahaja di dalam ayat ini setelah ia menyebut *"seluruh mereka akan kembali kepada Kami"*, kerana mungkin ada orang yang faham bahawa kebinasaan mereka di dunia itu merupakan penghabisan urusan mereka, penghabisan hisab dan balasan mereka. Oleh itu di dalam ayat ini ia menegaskan tentang kepastian mereka kembali kepada Allah. Ia menolak ketidak pulangan mereka dengan penolakan yang amat tegas, iaitu dalam bentuk ia mustahil akan berlaku. Pengungkapan ini mengandungi sedikit keanehan dan keanehan inilah yang telah membawa para Mufassirin menakwilkan ayat ini dengan mengatakan "لا" pada "لايرجعون" ialah "لا" lebihan (tidak berfungsi atau bererti). Dengan ta'wilan demikian ayat ini bertujuan menafikan kepulangan penduduk negeri itu semula kepada kehidupan dunia setelah mereka dibinasakan Allah atau menafikan kepulangan mereka dari kesesatan sehingga hari Qiamat. Kedua-dua ta'wilan ini tidak perlu belaka, kerana pentafsiran ayat ini mengikut sebagaimana pengungkapannya yang lahir adalah lebih baik kerana ia dapat menyampaikan kepada pengertian yang telah kami sebutkan itu.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 96 - 104)**

Kemudian Al-Qur'an menayangkan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang dimulai dengan menjelaskan alamat yang menunjukkan kehampiran masa Qiamat itu, iaitu pembukaan tembok Ya'juj dan Ma'juj:

***Pecahnya Tembok Ya'juj Dan Ma'juj***

حَتَّىٰٓ إِذَا فُتِحَتْ يَأْجُوجُ وَمَأْجُوجُ وَهُم مِّن كُلِّ حَدَبٍ يَنسِلُونَ ﴿٩٦﴾

وَٱقْتَرَبَ ٱلْوَعْدُ ٱلْحَقُّ فَإِذَا هِىَ شَٰخِصَةٌ أَبْصَٰرُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يَٰوَيْلَنَا قَدْ كُنَّا فِى غَفْلَةٍ مِّنْ هَٰذَا بَلْ كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٩٧﴾

إِنَّكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ حَصَبُ جَهَنَّمَ أَنتُمْ لَهَا وَٰرِدُونَ ﴿٩٨﴾

لَوْ كَانَ هَٰٓؤُلَآءِ ءَالِهَةً مَّا وَرَدُوهَا ۖ وَكُلٌّ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٩٩﴾

لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَهُمْ فِيهَا لَا يَسْمَعُونَ ﴿١٠٠﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ سَبَقَتْ لَهُم مِّنَّا ٱلْحُسْنَىٰٓ أُو۟لَٰٓئِكَ عَنْهَا مُبْعَدُونَ ﴿١٠١﴾

لَا يَسْمَعُونَ حَسِيسَهَا ۖ وَهُمْ فِى مَا ٱشْتَهَتْ أَنفُسُهُمْ خَٰلِدُونَ ﴿١٠٢﴾

لَا يَحْزُنُهُمُ ٱلْفَزَعُ ٱلْأَكْبَرُ وَتَتَلَقَّىٰهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ هَٰذَا يَوْمُكُمُ ٱلَّذِى كُنتُمْ تُوعَدُونَ ﴿١٠٣﴾

يَوْمَ نَطْوِى ٱلسَّمَآءَ كَطَىِّ ٱلسِّجِلِّ لِلْكُتُبِ ۚ كَمَا بَدَأْنَآ أَوَّلَ خَلْقٍ نُّعِيدُهُۥ ۚ وَعْدًا عَلَيْنَآ ۚ إِنَّا كُنَّا فَٰعِلِينَ ﴿١٠٤﴾

*"Sehingga apabila tembok Ya'juj dan Ma'juj dibuka dan mereka menyerbu turun dari seluruh tempat yang tinggi (96). Dan apabila masa janji yang benar itu hampir, maka*

*tiba-tiba seluruh mata orang-orang yang kafir itu terbelalak (mereka berteriak): Amboi celakanya kami! Sesungguhnya kami telah berada dalam kelalaian terhadap hari ini, malah sebenarnya kami adalah orang-orang yang zalim (97). Sesungguhnya kamu dan segala berhala yang kamu sembah selain Allah adalah menjadi bahan bakar Neraka Jahannam, di mana kamu akan memasukinya (98). Jika berhala-berhala itu tuhan-tuhan tentulah mereka tidak masuk Neraka dan seluruh mereka akan kekal di dalamnya (99). Mereka mengeluarkan bunyi hembusan dan sedutan pernafasan yang kuat di dalam Neraka dan mereka tidak mendengar suatu apa yang lain (100). Sesungguhnya orang-orang yang telah memperolehi balasan yang baik dari Kami, maka mereka akan dijauhkan dari Neraka (101). Mereka tidak akan mendengar bunyi julangan api Neraka, dan mereka akan kekal di dalam ni'mat-ni'mat Syurga yang diingini hati mereka (102). Mereka tidak akan dirungsingkan huru-hara Qiamat yang amat besar dan mereka akan disambut para malaikat (yang berkata): Inilah hari (kebahagiaan) kamu yang telah dijanjikan kepada kamu (103). (Ingatlah) hari Kami menggulungkan langit seperti menggulungkan lembaran buku-buku. Sebagaimana Kami mulakan penciptaan yang pertama Kami akan ulanginya sekali lagi. Itulah janji yang tertanggung di atas Kami. Sesungguhnya Kami tetap akan melaksanakannya."(104)*

Sebelum ini kami telah pun menerangkan, ketika memperkatakan tentang Ya'juj dan Ma'juj di dalam kisah Zul-Qarnayn di dalam Surah al-Kahfi, bahawa kehampiran masa Qiamat yang benar yang digandingkan oleh ayat ini dengan pembukaan tembok Ya'juj dan Ma'juj mungkin telah berlaku dengan peristiwa serangan kaum Tatar yang menyerbu dan menyerang negeri-negeri di timur dan di barat, menghancurkan kerajaan-kerajaan dan meleburkan singgahsana-singgahsana kerana Al-Qur'an telah menjelaskan sejak masa Rasulullah s.a.w. lagi.

ٱقۡتَرَبَتِ ٱلسَّاعَةُ

*"Qiamat telah hampir."*

(Surah al-Qamar: 1)

Tetapi kehampiran hari Qiamat yang dijanjikan itu tidak menetapkan sesuatu masa yang tertentu, kerana hisab masa dalam perhitungan Allah berlainan dari hisab dalam perhitungan manusia.

وَإِنَّ يَوۡمًا عِندَ رَبِّكَ كَأَلۡفِ سَنَةٖ مِّمَّا تَعُدُّونَ ﴿٤٧﴾

*"Dan sesungguhnya sehari di sisi Tuhanmu adalah seperti seribu tahun dari masa yang dihitungkan kamu."*

(Surah al-Haj: 47)

Yang dimaksudkan di sini ialah menjelaskan keadaan hari Qiamat itu apabila ia datang kelak. Ia didahulukan dengan satu gambaran kecil dari pemandangan bumi, iaitu pemandangan penyerbuan kaum Ya'juj dan Ma'juj dari segenap sudut dalam keadaan mendadak dan huru hara. Gambaran ini mengikut cara biasa Al-Qur'anul-Karim menggunakan pemandangan-pemandangan yang biasa dilihat manusia dan meningkatkan mereka dengan kefahaman-kefahaman mereka di bumi ini untuk memahami pemandangan-pemandangan Qiamat.

Di dalam pemandangan yang ditayangkan di sini diperlihatkan unsur kejutan yang mengkagetkan orang-orang yang terperanjat (dengan masa kehampiran Qiamat itu).

فَإِذَا هِيَ شَٰخِصَةٌ أَبۡصَٰرُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ

*"Maka tiba-tiba seluruh mata orang-orang yang kafir itu terbelalak"(97)*

yakni mata mereka tidak berkelip kerana terlalu dahsyat melihat pemandangan Qiamat yang berlaku secara mendadak itu. Kata-kata "شاخصة" (terbelalak) sengaja didahulukan sebutannya untuk melukiskan pemandangan itu dengan cara yang lebih menonjol.

Dari penceritaan mengenai keadaan mereka, Al-Qur'an beralih pula kepada menayangkan cara mereka memerintah agar pemandangan itu lebih hidup dan menonjol:

يَٰوَيۡلَنَا قَدۡ كُنَّا فِي غَفۡلَةٖ مِّنۡ هَٰذَا بَلۡ كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٩٧﴾

*"Amboi celakanya kami! Sesungguhnya kami telah berasa di dalam kelalaian terhadap hari ini, malah sebenarnya kami adalah orang-orang yang zalim."(97)*

Itulah pernyataan rasa sedih orang-orang yang tiba-tiba melihat hakikat yang dahsyat hingga menyebabkan mereka kaget dan mata mereka terbelalak tidak berkelip-kelip. Mereka merintih menyebut kecelakaan dan kebinasaan. Mereka mengaku dan menyesal, tetapi malangnya masa telah terluput.

Sebaik sahaja keluarnya pengakuan mereka di sa'at-sa'at yang mengkagetkan mereka itu, Allah mengeluarkan keputusan-Nya yang muktamad, yang tidak dapat ditolakkan lagi:

إِنَّكُمۡ وَمَا تَعۡبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ حَصَبُ جَهَنَّمَ أَنتُمۡ لَهَا وَٰرِدُونَ ﴿٩٨﴾

*"Sesungguhnya kamu dan segala berhala, yang kamu sembah selain Allah adalah menjadi bahan bakar Neraka Jahannam, di mana kamu akan memasukinya."(98)*

### *Keadaan Mereka Yang Dicampakkan Ke Dalam Neraka*

Seolah-olah mereka di waktu ini berada di padang pembicaraan, di mana mereka dan tuhan-tuhan sembahan yang didakwakan mereka dihalakan ke Neraka Jahannam dan seolah-olah mereka dicampakkan ke dalam Neraka dengan campakan yang amat dahsyat dan tanpa kasihan belas. Mereka dicampakkan seperti orang mencampak butir-butir buah-buahan. Di waktu inilah dikemukakan kepada mereka dalil yang menunjukkan kedustaan dakwaan mereka bahawa berhala-berhala itu adalah tuhan-tuhan. Dalil yang dikemukakan, kepada mereka

adalah diambil dari kenyataan yang disaksikan mereka sendiri:

لَوۡ كَانَ هَٰٓؤُلَآءِ ءَالِهَةٗ مَّا وَرَدُوهَاۖ

*"Jika berhala-berhala itu tuhan-tuhan tentulah mereka tidak masuk Neraka."(99)*

Itulah dalil hati nurani yang diambil dari pemandangan yang ditunjukkan kepada mereka di dunia dan seolah-olah pemandangan itu sedang berlaku di Akhirat. Kemudian Al-Qur'an terus menerangkan bahawa mereka seolah-olah betul-betul telah memasuki Neraka Jahannam, dan di sana ia menyifatkan keadaan mereka yang sedang berada di dalam Neraka. Iaitu keadaan orang yang berada dalam suasana yang amat susah dan ngeri setelah menginsafi keadaan dirinya:

وَكُلّٞ فِيهَا خَٰلِدُونَ ۝٩٩ لَهُمۡ فِيهَا زَفِيرٞ وَهُمۡ فِيهَا لَا يَسۡمَعُونَ ۝١٠٠

*"Dan seluruh mereka akan kekal di dalamnya. Mereka mengeluarkan bunyi hembusan dan sedutan pernafasan yang kuat di dalam Neraka dan mereka tidak mendengar suatu apa yang lain."(99-100)*

Marilah kita tinggalkan mereka untuk melihat orang-orang yang beriman. Di sana kita dapati mereka terselamat dari keseksaan-keseksaan itu. Mereka telah memperolehi balasan yang baik dan telah ditetapkan mendapat kejayaan dan keselamatan:

إِنَّ ٱلَّذِينَ سَبَقَتۡ لَهُم مِّنَّا ٱلۡحُسۡنَىٰٓ أُوْلَٰٓئِكَ عَنۡهَا مُبۡعَدُونَ ۝١٠١ لَا يَسۡمَعُونَ حَسِيسَهَاۖ وَهُمۡ فِي مَا ٱشۡتَهَتۡ أَنفُسُهُمۡ خَٰلِدُونَ ۝١٠٢

*"Sesungguhnya orang-orang yang telah memperolehi balasan yang baik dari Kami, maka mereka akan dijauhkan dari Neraka (101). Mereka tidak akan mendengar bunyi julangan api Neraka dan mereka akan kekal di dalam ni'mat-ni'mat Syurga yang diingini hati mereka."(102)*

***Keadaan Mereka Yang Dimasukkan Ke Dalam Syurga***

Kata "حسيسها" (bunyi julangan api) adalah dari kata-kata yang mempunyai nada yang dapat menggambarkan maknanya. Ia dapat menggambarkan bunyi jilatan api yang menjalar dan membakar dan melahirkan suara yang mengerikan. Bunyi julangan dan jilatan api itu membuat kulit menggerunyut. Oleh sebab itulah Allah menyelamatkan orang-orang yang beriman yang telah memperolehi balasan yang baik itu dari mendengar bunyi Neraka itu apatah lagi dari mendapat selarannya. Mereka terselamat dari ketakutan yang amat besar yang membingungkan kaum Musyrikin. Mereka hidup aman dan penuh ni'mat sebagaimana yang diingini hati mereka. Mereka disambut para malaikat yang mengalu-alukan kedatangan mereka dan menemani mereka agar hati mereka merasa tenteram dalam suasana yang penuh dengan ketakutan itu:

لَا يَحۡزُنُهُمُ ٱلۡفَزَعُ ٱلۡأَكۡبَرُ وَتَتَلَقَّىٰهُمُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ هَٰذَا يَوۡمُكُمُ ٱلَّذِي كُنتُمۡ تُوعَدُونَ ۝١٠٣

*"Mereka tidak akan dirungsingkan huru-hara Qiamat yang amat besar dan mereka akan disambut para malaikat (yang berkata): Inilah hari (kebahagiaan) kamu yang telah dijanjikan kepada kamu."(103)*

Al-Qur'an menamatkan pemandangan itu dengan pemandangan kesudahan alam dan pemandangan ini turut serta menggambarkan kedahsyatan keadaan yang menguasai hati manusia dan seluruh makhluk yang lain pada hari yang amat gawat itu:

يَوۡمَ نَطۡوِي ٱلسَّمَآءَ كَطَيِّ ٱلسِّجِلِّ لِلۡكُتُبِۚ

*"(Ingatlah) hari Kami menggulungkan langit seperti menggulungkan lembaran buku-buku."(104)*

Tiba-tiba langit tergulung sama seperti penjaga buku-buku menggulungkan lembaran-lembarannya. Tamatlah urusan alam buana dan berakhirlah tayangan itu. Kini alam buana yang biasa dihayati manusia itu telah digulung dan tiba-tiba muncullah sebuah alam buana yang baru:

كَمَا بَدَأۡنَآ أَوَّلَ خَلۡقٖ نُّعِيدُهُۥۚ وَعۡدًا عَلَيۡنَآۚ إِنَّا كُنَّا فَٰعِلِينَ ۝١٠٤

*"Sebagaimana Kami mulakan penciptaan yang pertama, Kami akan ulanginya sekali lagi. Itulah janji yang tertanggung di atas Kami. Sesungguhnya Kami tetap akan melaksanakannya."(104)*

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat 105)**

Setelah menayangkan pemandangan yang menggambarkan kesudahan alam buana dan manusia-manusia yang hidup di Akhirat, Al-Qur'an kembali menjelaskan Sunnatullah mengenai warisan bumi yang akan menjadi milik para hamba-Nya yang soleh di dalam kehidupan dunia. Di antara dua pemandangan ini terdapat hubungan dan pertalian:

***Undang-undang Warisan Bumi***

وَلَقَدۡ كَتَبۡنَا فِي ٱلزَّبُورِ مِنۢ بَعۡدِ ٱلذِّكۡرِ أَنَّ ٱلۡأَرۡضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ ٱلصَّٰلِحُونَ ۝١٠٥

*"Dan sesungguhnya Kami telah catatkan di dalam kitab-kitab suci (yang diturunkan kepada manusia) setelah dicatatkan di dalam Luh Mahfuz bahawa bumi ini diwarisi hamba-hamba-Ku yang soleh."(105)*

Kata-kata "az-Zabur" sama ada dimaksud dengan kitab suci yang dikurniakan kepada Daud a.s. dan jika inilah yang dimaksudkan, maka kata-kata "az-Zikr" yang disebut selepasnya diertikan dengan kitab at-Taurat yang diturunkan sebelum az-Zabur atau sama ada az-Zabur itu menjadi sifat bagi setiap kitab suci dengan erti kitab-kitab itu merupakan sepotongan dari kitab agung iaitu al-Lauhul-Mahfuz yang melambangkan sistem induk atau kitab rujukan lengkap bagi seluruh undang-undang Allah di alam buana.

Walau bagaimanapun, namun maksud pokok dari ayat "*dan sesungguhnya Kami telah catatkan di dalam kitab-kitab suci (yang diturunkan kepada manusia) setelah dicatatkan dalam Luh Mahfuz...*" ialah untuk menjelaskan undang-undanglah yang telah ditetapkan mengenai masalah pewaris bumi iaitu "*bumi ini adalah diwarisi oleh hamba-hamba-Ku yang soleh.*"

Apakah yang dimaksudkan dengan warisan ini? Dan siapakah hamba-hamba Allah yang soleh itu?

Allah telah melantikkan Adam sebagai khalifah di bumi untuk membangun dan mengislahkannya, menyubur dan mengubahsuaikannya, mengguna segala perbendaharaan dan tenaga-tenaga yang tersimpan di dalamnya, memanfa'atkan segala kekayaan bumi yang zahir dan yang batin dan seterusnya memajukan bumi ke tahap kesempurnaan yang ditetapkan di dalam ilmu Allah.

Allah telah menetapkan kepada manusia satu sistem hidup yang lengkap dan sepadu supaya mereka mematuhinya dalam mengaturkan kegiatan mereka di bumi ini, iaitu satu sistem hidup yang ditegakkan di atas keimanan dan amalan yang soleh. Di dalam agama yang akhir kepada manusia, Allah telah memperincikan sistem ini dengan panjang lebar dan menetapkan undang-undang yang dapat menegak dan memeliharakannya, iaitu menjaga keselarasan dan keseimbangan di antara langkah-langkahnya.

Di dalam sistem ini pengimarahan atau pembangunan bumi, penggunaan kekayaan, dan tenaga-tenaganya bukanlah satu-satunya tujuan yang dimaksudkan, tetapi tujuan yang dimaksudkan ialah pengimarahan bumi, di samping pembelaan hati nurani manusia agar mereka dapat mencapai tahap kesempurnaan yang telah ditetapkan Allah dalam kehidupan ini, iaitu agar mereka tidak berubah menjadi haiwan di tengah-tengah tamadun kebendaan yang gilang gemilang dan agar insaniyah mereka tidak menurun ke dasar yang paling rendah ketika mereka memuncak tinggi dalam kemajuan menggunakan sumber-sumber kekayaan bumi yang zahir dan yang batin.

Di tengah jalan perjuangan untuk mencapai keseimbangan dan keselarasan itu berlakulah sebelah daun neraca meringan dan sebelah lagi memberat, iaitu kadang-kadang bumi ini dikuasai oleh kaum yang bermaharajalela, zalim dan pelampau, kadang-kadang dikuasai oleh umat yang liar, jakun dan kaki perang, kadang-kadang dikuasai oleh orang-orang kafir yang jahat yang pintar menggunakan kekuatan-kekuatan dan tenaga-tenaga bumi untuk kemajuan-kemajuan kebendaan, tetapi semuanya itu merupakan pengalaman-pengalaman di tengah jalan perjuangan. Dan warisan yang akhir tetap dikuasai oleh hamba-hamba Allah yang soleh, iaitu orang-orang yang mengumpulkan di antara keimanan dan amalan yang soleh. Kedua-dua unsur itu tidak bercerai tanggal di dalam jiwa dan di dalam kehidupan mereka.

Apabila keimanan hati dan kegiatan-bekerja berkumpul pada satu umat, maka merekalah yang akan memiliki warisan bumi dalam mana-mana zaman di dalam sejarah, tetapi apabila kedua-dua unsur itu berpisah, maka neraca akan menjadi tidak mantap; kadang-kadang kemenangan itu dicapai oleh umat yang berpegang kukuh dengan kemajuan-kemajuan kebendaan ketika kemajuan ini diabaikan oleh umat yang berpura-pura beriman dan ketika hati orang-orang yang beriman kosong dari keimanan yang sebenar, iaitu keimanan yang mendorong ke arah amalan yang soleh, ke arah pengimarahan bumi dan pelaksanaan tugas-tugas khilafah yang diserahkan Allah kepada manusia.

Kewajipan orang-orang yang beriman ialah merealisasikan pengertian keimanan mereka ke alam kenyataan iaitu melakukan amalan yang soleh dan menunaikan tanggungjawab-tanggungjawab khilafah supaya janji Allah itu terlaksana dan undang-undang-Nya berjalan "*bahawa bumi ini diwarisi oleh hamba-hamba-Ku yang soleh.*" Orang-orang Mu'min yang bekerja keras itulah hamba-hamba yang soleh.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 106 - 112)**

Pada akhirnya tibalah pernyataan penamat surah ini yang serupa dengan pernyataan pembukaannya:

إِنَّ فِي هَٰذَا لَبَلَٰغًا لِّقَوْمٍ عَٰبِدِينَ ﴿١٠٦﴾

وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠٧﴾

قُلْ إِنَّمَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ فَهَلْ أَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٠٨﴾

فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُلْ ءَاذَنتُكُمْ عَلَىٰ سَوَآءٍ ۖ وَإِنْ أَدْرِىٓ أَقَرِيبٌ أَم بَعِيدٌ مَّا تُوعَدُونَ ﴿١٠٩﴾

إِنَّهُۥ يَعْلَمُ ٱلْجَهْرَ مِنَ ٱلْقَوْلِ وَيَعْلَمُ مَا

تَكْتُمُونَ ﴿١١٠﴾
وَإِنْ أَدْرِي لَعَلَّهُۥ فِتْنَةٌ لَّكُمْ وَمَتَٰعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿١١١﴾
قَٰلَ رَبِّ ٱحْكُم بِٱلْحَقِّ ۗ وَرَبُّنَا ٱلرَّحْمَٰنُ ٱلْمُسْتَعَانُ
عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ﴿١١٢﴾

*"Sesungguhnya di dalam Al-Qur'an ini terdapat pengumuman yang jelas kepada golongan para 'Abidin (106). Dan tidaklah Kami utuskan engkau melainkan untuk menjadi rahmat kepada sekalian alam (107). Katakanlah: Sesungguhnya yang diwahyukan kepadaku ialah sesungguhnya Tuhan kamu yang sebenar ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka apakah kamu bersedia menyerahkan diri kepada-Nya? (108) Jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): Aku telah mengisytiharkan (amaran ini) kepada kamu dan aku dan kamu sama-sama mengetahuinya dan aku tidak mengetahui apakah janji 'azab yang diancamkan kepada kamu itu sudah dekat atau masih jauh (109). Sesungguhnya Allah mengetahui segala percakapan yang lantang dan mengetahui segala percakapan yang kamu sembunyikan (110). Dan aku tidak mengetahui boleh jadi penangguhan 'azab itu merupakan satu ujian kepada kamu dan suatu keni'matan sementara hingga ke suatu masa yang tertentu (111). (Muhammad) merayu: Wahai Tuhanku! Jatuhkanlah hukuman yang benar, dan Tuhan kami adalah Tuhan Yang Maha Penyayang Tuhan yang dipohonkan pertolongan-Nya terhadap segala pembohongan yang disifatkan kamu". (112).*

### *Kefleksibalan Sistem Hidup Islam Yang Diterangkan Al-Qur'an*

*"Sesungguhnya, di dalam Al-Qur'an ini terdapat pengumuman yang jelas kepada golongan para 'Abidin."(106)*

Maksudnya isi kandungan Al-Qur'an dan segala penjelasannya mengenai undang-undang alam buana dan peraturan-peraturan hidup, mengenai nasib kesudahan manusia di dunia dan Akhirat dan mengenai peraturan-peraturan amalan dan balasan semuanya merupakan pengumuman dan penerangan yang cukup jelas kepada golongan orang-orang yang bersedia untuk menyambut hidayat Allah. Allah namakan golongan ini sebagai golongan *"para 'Abidin"* kerana seseorang 'abid itu adalah seorang yang berhati khusyu', patuh dan siap sedia untuk menerima perintah, berfikir dan mengambil manfa'at.

Allah S.W.T. telah mengutuskan Rasul-Nya sebagai rahmat kepada seluruh manusia agar beliau memimpin mereka ke jalan hidayat. Dan tiada yang menerima hidayat itu melainkan golongan manusia yang mempunyai kesediaan untuk menerimanya walaupun rahmat itu merangkumi orang-orang yang beriman dan orang-orang yang tidak beriman.

Sistem hidup yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. adalah satu sistem yang dapat membahagiakan seluruh umat manusia dan dapat membawa mereka kepada taraf kesempurnaan yang ditetapkan untuk mereka di dalam hidup ini.

Risalah ini telah datang kepada umat manusia ketika mereka mencapai usia kedewasaan dan kematangan akal. Ia datang selaku sebuah kitab yang terbuka kepada akal generasi manusia yang akan datang, iaitu sebuah kitab yang mengandungi dasar-dasar hidup manusia yang tidak berubah dan bersedia untuk memenuhi keperluan-keperluan mereka yang sentiasa membaharu yang hanya diketahui oleh Allah sahaja selaku Pencipta manusia. Allahlah Yang Maha Mengetahui dengan kehendak-kehendak keperluan mereka yang telah diciptakannya dan Dialah Tuhan Yang Maha Halus Pentadbiran-Nya dan Maha Mendalam Ilmu-Nya.

Kitab ini telah menggariskan dasar-dasar sistem hidup yang kekal untuk kehidupan manusia yang sentiasa berkembang dan membaharu, dan di samping itu ia menyerahkan kepada mereka daya utama mengistinbatkan hukum-hukum juzi atau peraturan-peraturan kecil yang diperlu oleh perhubungan-perhubungan kehidupan yang sentiasa subur dan membaharu itu. Begitu juga diserahkan kepada mereka daya utama mengistinbatkan cara-cara pelaksanaannya mengikut suasana-suasana dan keadaan-keadaan kehidupan tanpa bercanggah dengan dasar-dasar pokok sistem yang kekal ini.

Kitab ini telah menjamin kebebasan bertindak kepada akal manusia dengan menjaminkan hak kebebasan akal untuk berfikir, juga dengan jaminan masyarakat yang membenarkannya berfikir, kemudian ia menyerahkan kebebasan berfikir kepada akal manusia dalam lingkungan dasar-dasar pokok sistem Islam yang telah digariskan untuk kepentingan hidup manusia agar ia terus subur, meningkat maju dan sampai ke tahap kesempurnaan yang telah ditetapkan kepada kehidupan manusia di bumi ini.

Pengalaman-pengalaman manusia telah membuktikan sehingga ke sa'at ini bahawa sistem hidup Islam itu telah dan masih mendahului langkah-langkah manusia pada keseluruhannya, ia boleh menerima perkembangan hidup manusia dengan segala pertaliannya secara berterusan di bawah naungannya. Ia sentiasa memimpin mereka dan tidak pernah terkebelakang dari mereka. Ia tidak melumpuhkan pergerakan mereka dan tidak membawa mereka mundur ke belakang kerana ia selama-lamanya mendahului langkah-langkah mereka dan selama-lamanya memberi kelonggaran untuk mereka melangkah dengan sempurna.

Di samping ia memenuhi kegemaran manusia yang mahu berkembang maju, ia tidak menekan atau menindas tenaga-tenaga manusia dengan apa-apa bentuk tekanan sekalipun sama ada dengan bentuk tekanan individu atau tekanan kelompok. Ia tidak mengharamkan mereka meni'mati hasil-hasil daya

usaha mereka dan keni'matan-keni'matan hidup yang telah dicapaikan mereka.

Nilai sistem ini ialah ia bersifat seimbang dan selaras. Ia tidak menyeksakan jasad untuk meluhurkan roh dan tidak mengabaikan roh untuk memberi keni'matan kepada jasad. Ia tidak mengikat tenaga-tenaga individu dan keinginan-keinginan semulajadinya yang sihat untuk melaksanakan kepentingan masyarakat atau negara. Ia tidak membiarkan individu bertindak bebas lepas memenuhi keinginan hawa nafsunya yang sesat untuk menggugatkan kehidupan masyarakat atau menggunakan masyarakat untuk keni'matan individu atau segelintir individu.

Seluruh taklif atau tugas-tugas yang diletakkan oleh sistem ini ke atas bahu manusia adalah dirancangkan sesuai dengan keupayaannya dan kepentingan mereka, kerana manusia telah dibekalkan, dengan kesediaan-kesediaan dan kebolehan-kebolehan yang dapat menolakkan mereka menunaikan tugas-tugas itu serta menjadikan tugas-tugas itu disukai mereka walaupun terkadang-kadang mereka terpaksa mengalami kesusahan dan kesulitan kerananya, ini disebabkan kerana tugas-tugas itu dapat memenuhi sesuatu dari keinginan-keinginannya atau menyalurkan sesuatu dari tenaga-tenaganya.

Risalah Muhammad s.a.w. telah menjadi rahmat kepada kaumnya dan rahmat kepada seluruh umat manusia selepas beliau. Dasar-dasar yang dibawa beliau pada mulanya kelihatan aneh dan ganjil pada pandangan hati manusia kerana wujudnya jurang yang jauh di antara realiti hidup di alam kenyataan dan realiti hidup rohaniyah, tetapi sejak hari itu umat manusia mulai merasa dekat sedikit demi sedikit dari ufuk-ufuk kejauhan dasar-dasar ini dan akhirnya hilanglah keganjilan dan keanehannya yang dirasakan mereka selama ini, lalu mereka kembali mendokong dan melaksanakan dasar-dasar itu walaupun dengan berselindung di sebalik nama-nama yang lain.

### *Dasar-dasar Sejagat Perjuangan Sistem Islam*

Islam telah memperjuangkan dasar kemanusiaan yang tunggal, di mana hilangnya perbezaan-perbezaan bangsa dan geografi agar seluruh manusia bertemu dalam satu 'aqidah yang sama dan satu sistem kemasyarakatan yang sama. Dasar ini kelihatan ganjil pada hati, pada pemikiran manusia dan pada kenyataan hidup mereka di masa itu, kerana golongan bangsawan tetap menganggapkan diri mereka diciptakan dari tanah yang berlainan dari tanah yang diciptakan golongan hamba abdi, tetapi nah! Sekarang lihatlah umat manusia dalam masa lebih tiga belas abad terus berusaha untuk menurut jejak langkah Islam, tetapi langkah-langkah mereka patah di tengah jalan kerana mereka tidak berpandu dengan nur Islam yang sempurna. Namun demikian mereka telah sampai kepada sebahagian dari sistem itu walaupun pada peringkat dakwaan-dakwaan dan kata-kata sahaja dan walaupun bangsa-bangsa Eropah dan Amerika masih terus berpegang kukuh dengan dasar perbezaan bangsa atau kaum yang keji itu, yang diperangi oleh Islam sejak lebih seribu tiga ratus tahun yang silam.

Islam telah memperjuangkan dasar sama rata di hadapan keadilan dan undang-undang di antara semua orang, sedangkan di waktu itu manusia dibeza-bezakan dengan berbagai-bagai kelas dan setiap kelas mempunyai undang-undang, malah kehendak dan kemahuan tuanmas telah menjadi undang-undang di zaman perhambaan dan feudal. Di waktu itu hati manusia memandang ganjil dan aneh terhadap sistem hidup Islam yang memperjuangkan dasar sama rata yang mutlak di hadapan keadilan itu. Tetapi nah! Lihatlah sekarang umat manusia sedikit demi sedikit cuba - walaupun secara teori - mendapatkan sesuatu amalan dasar sama rata yang telah diamalkan oleh Islam sejak lebih dari seribu tiga ratus tahun yang silam.

Selain dari dua contoh ini, di sana terdapat banyak lagi contoh-contoh yang menunjukkan bahawa risalah Muhammadiyah itu menjadi rahmat kepada umat manusia dan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. itu adalah diutuskan untuk membawa rahmat kepada seluruh umat manusia sama ada yang beriman atau yang tidak beriman, kerana seluruh umat manusia turut mendapat kesan dari sistem yang dibawa oleh Islam sama ada secara sukarela atau terpaksa dan sama ada secara sedar atau tidak sedar. Dan naungan rahmat ini masih terus teduh kepada siapa sahaja yang mahu berlindung di bawah naungannya dan mahu menyedut udara langit yang aman di dalam suasana bumi yang amat panas terutama pada masa ini.

Umat manusia pada hari ini amat memerlukan kepada sentuhan rahmat yang lembut ini, iaitu ketika mereka sedang berada di dalam kegelisahan dan kebingungan di padang-padang gurun kebendaan yang menyesatkan dan berada di dalam neraka peperangan-peperangan dan ketandusan roh dan hati.

* * * * * *

### *Unsur Tauhid Dalam Mesej Islam*

Setelah menjelaskan pengertian rahmat, Rasulullah s.a.w. diperintah supaya bersemuka dengan para pendusta yang mengejek da'wah untuk menerangkan kepada mereka intisari risalahnya yang melahirkan rahmat kepada sekalian alam itu:

*"Katakanlah: Sesungguhnya yang diwahyukan kepadaku ialah sesungguhnya Tuhan kamu yang sebenar ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka apakah kamu bersedia menyerahkan diri kepada-Nya?"(108)*

Unsur tauhid itulah unsur rahmat semulajadi di dalam risalah Islam ini. Itulah unsur tauhid yang

sempurna yang dapat menyelamatkan umat manusia dari kepercayaan karut jahiliyah, dari beban-beban kepercayaan paganisme dan dari tekanan kepercayaan yang sesat dan khurafat. Itulah unsur tauhid yang dapat menegakkan kehidupan manusia di atas tapaknya yang teguh, dan unsur inilah yang menghubungkan kehidupan manusia dengan alam al-wujud seluruhnya mengikut undang-undang yang jelas dan peraturan-peraturan yang kukuh, bukannya mengikut keinginan hawa nafsu. Inilah unsur yang dapat menjamin setiap orang berdiri dengan kepalanya yang terangkat ke atas dan tidak akan tunduk melainkan hanya kepada Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa sahaja.

Inilah jalah menuju rahmat-Nya:

فَهَلْ أَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٠٨﴾

*"Maka apakah kamu bersedia menyerahkan diri kepada-Nya?"(108)*

Inilah satu-satunya pertanyaan yang diperintahkan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau mengemukakannya kepada para pendusta yang mempersenda-sendakan da'wah itu.

فَإِن تَوَلَّوْا فَقُلْ ءَاذَنتُكُمْ عَلَىٰ سَوَآءٍ

*"Jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): Aku telah mengisytiharkan (amaran itu) kepada kamu dan aku dan kamu sama-sama mengetahuinya."(109)*

Aku telah mendedahkan segala apa yang ada padaku. Oleh itu aku dan kamu adalah sama-sama mengetahuinya. Kata-kata perisytiharan itu biasanya dilakukan di dalam peperangan untuk menamatkan masa damai dan untuk memberitahu kepada pihak yang lain bahawa sekarang adalah masa perang bukannya damai, tetapi di sini - surah ini adalah Surah Makkiyah dan peperangan belum lagi difardhukan ke atas kaum Muslimin - maksud dari perisytiharan itu ialah beliau mahu mengumumkan kepada mereka bahawa beliau berlepas tangan dari mereka dan meninggalkan dalam keadaan mengetahui nasib kesudahan yang akan diterima mereka. Beliau telah memberi amaran yang cukup terhadap 'akibat yang akan menimpa mereka dan selepas ini mereka tidak lagi mempunyai apa-apa alasan keuzuran. Oleh itu hendaklah mereka rasakan akibat perbuatan mereka kerana mereka memang tahu semuanya ini.

### *Tiada Siapa Yang Mengetahui Janji 'Azab Allah*

وَإِنْ أَدْرِىٓ أَقَرِيبٌ أَم بَعِيدٌ مَّا تُوعَدُونَ ﴿١٠٩﴾

*"Dan aku tidak mengetahui apakah janji 'azab yang diancamkan kepada kamu itu sudah dekat atau masih jauh?"(109)*

Yakni aku telah mengisytiharkan (amaran ini) dan aku dan kamu sama-sama mengetahuinya dan aku tidak mengetahui bilakah 'azab yang diancamkan kepada kamu itu akan menimpa kamu, kerana ia merupakan urusan ghaib yang hanya diketahui Allah sahaja. Dialah sahaja yang mengetahui bilakah Dia akan mengenakan kamu dengan 'azab-Nya di dunia ini atau di Akhirat, dan Dialah jua yang tahu segala rahsia kamu dan segala apa yang nyata dari kamu. Tiada suatu pun yang tersembunyi dari pengetahuan-Nya:

إِنَّهُۥ يَعْلَمُ ٱلْجَهْرَ مِنَ ٱلْقَوْلِ وَيَعْلَمُ مَا تَكْتُمُونَ ﴿١١٠﴾

*"Sesungguhnya Allah mengetahui segala percakapan yang lantang dan mengetahui segala percakapan yang kamu sembunyikan."(110)*

Seluruh urusan kamu adalah terdedah kepada pengetahuan Allah dan apabila Dia mengazabkan kamu, maka Dia mengazabkan kamu mengikut apa yang diketahuinya tentang kamu zahir dan batin. Dan apabila 'azab itu ditangguhkan ke atas kamu, maka hikmat penangguhan itu tersimpan di sisi Allah:

وَإِنْ أَدْرِى لَعَلَّهُۥ فِتْنَةٌ لَّكُمْ وَمَتَٰعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿١١١﴾

*"Dan aku tidak mengetahui boleh jadi penangguhan 'azab itu merupakan satu ujian kepada kamu dan suatu keni'matan sementara hingga ke suatu masa yang tertentu."(111)*

Aku tidak mengetahui apakah tujuan Allah menangguhkan 'azab ini, mungkin Allah mahu menjadikannya sebagai ujian dan dugaan kepada kamu. Ini bererti Allah memberi keni'matan kepada kamu sehingga kepada suatu masa yang tertentu sahaja dan selepas itu Allah akan mengenakan kamu dengan 'azab seksa-Nya yang amat dahsyat, iaitu 'azab seksa dari Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Kuasa.

Dengan pengumuman tidak tahu ini dapat memberi kesedaran yang kuat kepada hati mereka. Ia membuat mereka sentiasa menunggu-nunggu segala kemungkinan dan sentiasa menaruh kebimbangan dari ditimpa malapetaka 'azab secara mendadak. Ia menyedarkan hati mereka dari kelalaian hidup senang, kerana boleh jadi di sebalik kesenangan itu ada ujian dan ada bala yang akan menimpa. Menunggu-nunggu kedatangan 'azab pada bila-bila masa yang tidak ditetapkan itu sudah cukup untuk membuat hati seseorang sentiasa cemas dan saraf-sarafnya tegang. Setiap waktu dia menunggu-nunggu tabir yang dilabuhkan itu disingkapkan, di mana akan terserlah 'azab yang tersembunyi selama ini.

Hati manusia selalu lalai dari 'azab Allah yang ghaib yang menunggu mereka. Kesenangan hidup selalu mengeliru dan memperdayakan seseorang dan menyebabkannya lupa bahawa di belakang tabir yang dilabuhkan itu terdapat malapetaka yang tidak diketahuinya. Dan tiada siapa yang berkuasa mendedahkannya melainkan Allah pada waktunya yang tepat dan majhul.

Amaran ini boleh mengembalikan kesedaran kepada hati dan memberi kesempatan memohon kema'afan kepada Allah sebelum terluput waktunya.

Di sini Rasulullah s.a.w. bertawajjuh kepada Allah setelah selesai menunaikan amanah, menyampaikan risalah, membuat perisytiharan dan mengingatkan mereka terhadap bala yang mendadak... beliau bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Penyayang memohon hukuman dan keputusan-Nya yang adil di antara beliau dengan para Kafirin yang mempersenda-sendakan da'wah dan berhati lalai. Beliau memohon pertolongan-Nya untuk mengatasi tipu daya dan pendustaan mereka, dan hanya Allah sahaja yang layak dipohon pertolongan:

*"(Muhammad) merayu: Wahai Tuhanku! Jatuhkanlah hukuman yang benar dan Tuhan kami adalah Tuhan Yang Maha Penyayang Tuhan yang dipohonkan pertolongan-Nya terhadap segala pembohongan yang disifatkan kamu."(112)*

Sifat kasihan belas dan penyayang yang agung itu mempunyai maksudnya yang penting di sini, kerana Allahlah yang telah mengutuskan beliau supaya menjadi rahmat kepada semesta alam. Beliau telah didustakan para pendusta dan diejek-ejekkan para pengejek, dan hanya Allah sahaja yang sanggup mengasihani Rasul-Nya dan menolong beliau mengatasi celaan-celaan yang tidak wajar dari mereka.

Dengan sepotong ayat yang kuat ini diakhiri surah ini sebagaimana ia dimulakan dengan sepotong ayat yang sama kuat. Di sini bertemulah dua hujung surah ini dalam satu nada pernyataan yang tajam dan kuat, menarik dan mendalam.

* * * * * *